

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Drama moden di Malaysia muncul pada tahun 1950-an¹ dengan bentuk utamanya adalah penulisan skrip. Sebelumnya, drama tradisional telah berkembang dalam kesusastraan Melayu sejak abad ke 13 dan 14.² Kebanyakan drama tradisional yang wujud ketika itu mempunyai imej ritual Hindu-Buddha seperti wayang kulit, makyung, bangsawan, randai dan boria. Persembahan ini hanya dimainkan tanpa bergantung kepada skrip sebagai asas cerita sebaliknya dilakukan secara improvisasi.³

Drama telah berkembang sealur dengan perubahan sosial masyarakat daripada masyarakat tradisional yang tertutup menjadi komuniti yang terbuka serta melangkaui ruas bangsa. Hal ini menimbulkan dinamisme kebudayaan masyarakat termasuklah seni drama.⁴ Penulisan skrip menjadi ciri drama moden sehingga kini sama ada berbentuk pementasan pentas, televisyen, internet, video dan radio. Ia juga merupakan unsur penting drama kerana menguruskan binaan pergerakan watak daripada bahagian permulaan, pertengahan dan pengakhiran.⁵ Penerangan yang berdasarkan dialog serta arahan berperanan menyusun pergerakan drama menjadi menarik. Daya tarikan drama adalah apabila ia mampu mengikat

¹ Rahmah Bujang (1994), *Drama Melayu: Dari Skrip Ke Pentas*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 10


² Mana Sikana (2006), *Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pascamoden*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 4-5

³ Rahmah Bujang (1994), *op. cit.*, h. 8

⁴ *Ibid.*, h. 9

⁵ Syd Field (1990) *Lakon Layar, Asas Penulisan Skrip*, (terj. Raja Omar Ibrahim), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.1

emosi penonton dari babak awal sehingga ke babak akhir.⁶ Tugas dramatik ini berpusat kepada proses penghasilan skrip yang bertindak mengurus plot drama mengikut bahagian-bahagian tertentu yang disusun rapi dan berurutan. Berikut merupakan model pembuatan drama moden:



Rajah 1: Model Pembuatan Drama Moden⁷

Rajah berikut menunjukkan penulis skrip sebagai individu pertama dalam proses pembuatan sesebuah drama. Penulis akan menghasilkan sebuah cerita lengkap mengandungi dialog dan arahan yang kemudiannya diinterpretasikan oleh pengarah dan pelakon. Skrip yang tiba ke tangan pengarah tidak lagi menjadi hak perseorangan penulis sebaliknya ia akan disepadukan oleh seluruh pasukan bagi mendramatikkan lagi sesuatu skrip drama. Drama dikira berjaya sekiranya penonton memberikan penghayatan emosi serta membina intelektualiti mereka.⁸

⁶ Rahmah Bujang (1994), *op. cit.*, h. 3

⁷ *Ibid.*

⁸ *Ibid.*

Skrip juga merupakan hasil karya dramatis dan menjadi bahan asas drama. Pengalaman drama terungkap dalam skrip. Pengalaman drama juga bergantung kepada konsep pengarah terhadap skrip. Pengarah perlu memahami mesej dan tema skrip serta mampu membuat interpretasi terhadap mesej skrip dan melahirkannya melalui drama. Ia kemudian dinilai pula oleh penonton dan pengkritik.⁹ Oleh itu, skrip menjadi bahan asas berdrama yang hasil keseluruhannya mengarah kepada pengayaan pengalaman bagi khalayaknya.¹⁰

1.1 TAJUK KAJIAN

Drama Dakwah di Malaysia: Kajian Tentang Proses Penulisan Skrip

1.2 MASALAH KAJIAN

Di Malaysia, bidang perfileman ataupun drama berhadapan dengan masalah besar ekoran tidak mempunyai jatidiri kerana lebih meluaskan pengaruh budaya luar terutama dari barat. Sebahagian besar para penerbit tempatan pula gemar mengangkat imej filem atau drama yang negatif serta tidak menguntungkan agama, bangsa dan negara.¹¹ Kebanyakan drama atau filem Malaysia dihasilkan mengikut kemahuan penerbit bukan Melayu yang lebih mementingkan keuntungan.¹² Kesannya, karya-karya ini tidak menaikkan imej Melayu, menyebarkan nilai Islam, menguatkan iman serta merapatkan perpaduan Melayu dan ummah.¹³

⁹ *Ibid.*, h. 55

¹⁰ *Ibid.*, h. 57

¹¹ Mansor Puteh (2009), “Filem Melayu Dilema Dua Era” dalam *Dewan Budaya*, Mac 2009, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 30

¹² *Ibid.*, h. 31

¹³ *Ibid.*

Mansor Puteh dalam kajiannya mengatakan bahawa pada dekad 1970-an, pihak stesen televisyen swasta dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) ghairah menyiarkan karya yang dipengaruhi nilai Hong Kong. Hal ini menggalakkan ramai orang yang tidak berkelayakan untuk menjadi pengarah, penulis skrip dan penerbit. Manakala kebanyakan pengkarya Melayu pula adalah ahli perniagaan yang menjadikan banyak drama yang disiarkan di televisyen tidak berkualiti.¹⁴ Kini, keghairahan stesen televisyen adalah memaparkan drama yang berbentuk hiburan dan fantasi. Penolakan kehadiran pakar yang terdidik dalam bidang ini oleh FINAS, RTM dan kerajaan menyebabkan elemen positif tidak dapat diresapkan ke dalam industri filem dan drama televisyen. Malahan, terdapat drama yang memaparkan imej lelaki Melayu yang berjubah sebagai perogol atau perkara lain yang mencemarkan Islam.¹⁵

Walau bagaimanapun, pertambahan stesen televisyen kerajaan dan swasta masa kini telah memberikan ruang kepada penayangan drama-drama berunsur Islam terutama ketika hari sambutan Islam seperti Maulidur Rasul, Maal Hijrah, bulan Ramadan, Hari Raya Aidil Fitri dan Hari Raya Korban. Kebanyakan drama-drama ini bertemakan kekeluargaan dan ketuhanan misalnya drama *Cinta Madinah 1* dan *2* (Drama bersiri, RTM1), Cerekarama *Ehsan* (Telemovie, TV3), *Mencari Khadijah* (Telemovie, RTM1), *Pesantren Cinta* (Drama Bersiri, Astro Oasis), *Aqso Madina* (Drama Bersiri, TV9), *Diari Ramadan Rafik* (Drama Bersiri, TV3), *Ketika Cinta Bertasbih* (Drama Bersiri, TV Al-Hijrah) dan lain-lain. Ini membuktikan bahawa drama dakwah turut menjadi medium penyampaian Islam yang popular di negara ini. Walau bagaimanapun, stesen televisyen tersebut masih berhadapan dengan masalah penyediaan skrip yang baik.¹⁶

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ *Ibid.*, h. 34

¹⁶ Elrafael Sapi (2009) “Ketandusan Penulis Skrip”. *Harian Metro*, Jun 13, h. 22

Berdasarkan rekod yang dikeluarkan oleh Persatuan Penulis Skrin Malaysia (SWAM), industri drama televisyen Malaysia menghadapi masalah mendapatkan skrip yang berkualiti. Kelemahan skrip juga adalah pada dialog yang dipertuturkan oleh pelakon.¹⁷ Presiden SWAM, Ismail Ahmad (2009) mengatakan drama tempatan dinilai cetek dan tidak lagi mementingkan aspek bahasa sastera yang indah. Ini memberi kesan untuk melebarkan drama tempatan ke luar negara. Menurut beliau lagi, ramai penulis skrip bebas yang tidak mengikut format skrip yang betul. Masalah pembayaran penerbit kepada penulis skrip juga masih belum dapat diatasi.¹⁸

Seterusnya, Siti Rugayah binti Hj Tibek dalam kajian kedoktorannya mengatakan bahawa drama dakwah yang disampaikan di RTM1 dan TV3 adalah satu usaha yang baik ke arah menyampaikan pengajaran yang lebih berkesan kepada masyarakat. Beberapa orang penerbit, pengarah dan penulis skrip berminat untuk menghasilkan drama dakwah. Namun begitu, terdapat kelemahan yang perlu diatasi agar drama dakwah terus mantap dan berjaya mencapai hasrat murni di sebaliknya.¹⁹ Kelemahan tersebut termasuklah pada aspek penulisan skrip.²⁰

Dalam kenyataan yang disiarkan dalam akhbar *Mingguan Malaysia* bertarikh 28 Disember 2008, Mahadi J Murat mempertikaikan kejayaan FINAS memajukan industri filem negara selama 27 tahun. Beliau berpandangan bahawa filem atau drama yang dihasilkan kini lebih cenderung mengaut keuntungan di samping tidak ada usaha untuk membangunkan golongan karyawan seperti penulis skrip, pengarah, sinematografer, pereka produksi dan

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ Siti Rugayah binti Hj Tibek (1999), ‘Peranan Drama Dalam Dakwah: Kajian Drama Dakwah TV1 dan TV3.’ (Tesis Doktor Falsafah. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), h. xxxii

²⁰ *Ibid.*

editor.²¹ Ketiadaan dana untuk pembangunan skrip menyebabkan filem-filem yang dihasilkan kurang berkualiti dibandingkan dengan filem atau drama dari luar negara.²² Hal ini turut memberi kesan negatif kepada penulisan skrip drama dakwah.

Justeru, pengkaji merumuskan masalah kajian ini kepada beberapa persoalan iaitu;

1. Apakah yang dimaksudkan dengan drama dakwah yang menjadi media menyampaikan dakwah Islam?
2. Apakah yang dimaksudkan dengan proses penulisan skrip drama dakwah?
3. Bagaimanakah proses menghasilkan skrip drama dakwah oleh para penulis skrip?

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1. Memahami konsep drama dakwah sebagai media penyampaian dakwah Islam.
2. Memahami proses penulisan skrip drama dakwah oleh penulis skrip.
3. Mengetahui skrip drama dakwah yang sempurna berdasarkan perbandingan proses penulisan di antara penulis.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini akan memberi kepentingan kepada para karyawan dan ahli akademik khususnya dan umumnya kepada para penulis skrip, penerbit, pengajur pertandingan skrip drama dakwah dan juga para pelajar di pusat pengajian tinggi.

²¹ Mahadi J Murat (2008) “Melakar Wajah Filem Malaysia” . *Mingguan Malaysia*, Disember 28, h. 26
²² *Ibid.*, h. 27

Pertama: Konsep drama dakwah wajar dijelaskan agar menjadi panduan kepada para karyawan yang mahu mengangkat tema dakwah dalam drama televisyen atau filem. Para karyawan yang terdiri daripada penerbit, penulis skrip, pengarah dan pelakon mestilah mempunyai pemahaman yang jelas tentang drama dakwah. Ini kerana, selain bersifat menghibur, drama dakwah mempunyai misi menyebarkan agama Islam kepada masyarakat. Justeru, para karyawan yang menggerakkannya perlu terlebih dahulu memahami konsep drama dakwah.

Kedua: Konsep drama dakwah juga dapat dijelaskan kepada para pengajur pertandingan skrip drama berunsur Islam. Misalnya, pihak Institut Kefahaman Islam (IKIM) telah menganjurkan Pertandingan Menulis Skrip Drama Berunsur Islam pada tahun 2003 hingga tahun 2006. Selain itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah memberi penghargaan kepada skrip dan penulis skrip drama berunsur Islam dalam Anugerah Media Islam (AMIN) yang dianjurkan setiap tahun bermula pada tahun 2006. Kajian ini dapat menjadi garis panduan kepada pengajur dan panel hakim untuk menilai penulisan skrip drama dakwah yang dihasilkan sebelum ia diterbitkan ke layar perak.

Ketiga: Kajian mengenai proses penulisan drama ini dapat dijadikan panduan kepada calon penulis yang ingin berkecimpung dalam penulisan skrip khususnya drama dakwah. Pertambahan stesen televisyen termasuklah stesen televisyen prabayar seperti ASTRO memberi peluang yang besar kepada para penulis skrip drama. Tambahan, ruang penerbitan drama berunsur dakwah berlangsung sepanjang tahun terutama pada hari-hari kebesaran Islam seperti Bulan Ramadan, Maal Hijrah, Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidil Adha

serta Maulidur Rasul. Hal ini memerlukan lebih ramai lagi penulis skrip drama dakwah bagi mengisi slot di pelbagai stesen televisyen yang ada.

Keempat: Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi rujukan kepada para penuntut di pusat pengajian tinggi serta menambahkan khazanah ilmu berkaitan media dakwah khususnya di Universiti Malaya. Sifat drama yang sentiasa berkembang memerlukan kajian-kajian baru yang menyentuh pelbagai aspek drama. Justeru, pengkaji memilih sudut proses penulisan kreatif kerana ia merupakan asas pengetahuan dalam pembinaan sesebuah drama termasuklah drama dakwah.

1.5 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan metode pengumpulan data seperti berikut:

1. Kajian Perpustakaan

Kajian akan melakukan penelitian terhadap dokumen-dokumen berkaitan tajuk kajian melalui buku, tesis, jurnal, kertas-kerja seminar, artikel akhbar dan majalah, laman web dan data bertulis yang lain. Maklumat diperolehi dari beberapa perpustakaan khususnya Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.

2. Kajian Lapangan

A) Temubual

Bagi kajian lapangan, kajian akan mengadakan temubual dengan empat orang penulis skrip yang pernah menghasilkan drama dakwah. Temubual ini memfokuskan kepada proses kreatif pengarang ketika menghasilkan drama dakwah dan mengetahui masalah kepengarangan mereka.

B) Soal-Selidik

Selain temubual, kajian turut mengedarkan borang soal-selidik kepada setiap penulis skrip yang dikaji. Borang soal-selidik mempunyai soalan yang menyentuh tentang perlaksanaan, pemahaman dan pemikiran penulis tentang proses penulisan drama dakwah yang dilalui oleh mereka.

3. Analisis Kajian

Data yang terkumpul akan dianalisis menggunakan metode berikut:

i. Metode Induktif

Iaitu metode analisis data berdasarkan pembuktian melalui perkara-perkara yang bersifat khusus untuk mendapatkan satu kesimpulan umum. Kajian akan mencari hubungan antara fakta-fakta yang terkumpul untuk merumuskan suatu gagasan pemikiran.

ii. Metode Deduktif

Kajian menggunakan teori pemikiran yang ada untuk melihat fenomena yang berlaku. Kajian akan menggunakan teori tersebut untuk menjelaskan daptan maklumat. Kajian ini menggunakan teori drama dakwah dan teori proses kreatif bagi melihat penghasilan skrip drama dakwah.

iii. Metode Perbandingan

Kajian menggunakan kaedah ini untuk membandingkan data, maklumat dan fakta yang diperolehi melalui temubual dan kaji selidik yang dilakukan. Hasil daripada perbandingan ini baharulah kajian dapat menilai proses penulisan skrip drama dakwah di kalangan penulis drama.

1.6 STRUKTUR PENULISAN

Penulisan ini akan dibahagikan kepada lima bab utama. Berikut adalah senarai kandungan setiap bab:

BAB SATU

Bab ini mengandungi pengenalan yang menyeluruh tentang latar belakang kajian, masalah kajian, pengertian tajuk, objektif kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian, metodologi penyelidikan serta struktur penulisan.

BAB DUA

Dalam bab ini, kajian menumpukan kepada kajian literature review bagi melihat data-data yang berkaitan dengan drama, dakwah dan penulisan skrip. Bahagian ini juga

membincangkan tentang teori-teori sastera Islam yang sesuai diterapkan sebagai asas drama dakwah sebagaimana yang telah dijelaskan oleh para sarjana lalu.

BAB TIGA

Bab ini akan membincangkan tentang teori yang akan digunakan dalam kajian iaitu teori proses penulisan skrip drama dakwah.

BAB EMPAT

Bab ini akan memuatkan analisis kajian berdasarkan temubual dan soal-selidik yang dijalankan untuk mengetahui proses penulisan skrip drama dakwah dan masalah kepengarangan yang dialami oleh penulis skrip drama sepanjang proses penulisan tersebut.

BAB LIMA

Bab ini mengandungi kesimpulan dan rumusan kajian serta cadangan kepada para pengkaji berikutnya.

BAB DUA

LITERATURE REVIEW

2.0 PENDAHULUAN

Islam adalah agama syumul yang menitikberatkan seluruh aspek kehidupan manusia. Allah SWT telah menurunkan al-Quran yang mengandungi prinsip-prinsip dan perlembagaan hidup agar dapat dijadikan panduan bagi mencapai kebahagiaan abadi di dunia dan akhirat.²³

Dalam bidang drama dakwah, al-Quran menjadi inspirasi kepada pengkarya dari segi pengisian dan tekniknya. Menurut Rugayah Hj Tibek, al-Quran telah menggalurkan teknik penceritaan yang indah sehingga tidak dapat diatasi oleh kemampuan manusia, walaupun mereka dari pakar bahasa atau sastera Arab.²⁴ Beliau menjelaskan bentuk drama yang terdapat dalam al-Quran ialah bentuk sejarah, *realisme* masyarakat dan perumpamaan.

Drama sejarah dalam al-Quran mengisahkan tentang gelagat umat terdahulu yang boleh diiktibari umat akhir zaman. Sebagai contoh, Allah SWT telah menceritakan sikap Bani Israel yang degil dan gemar berdalih untuk menerima ajaran Tauhid. Dalam surah ʻal-Bāqārah ayat 68 hingga 71, Allah SWT merakamkan dialog yang menunjukkan sikap dan akhlak Bani Israel. Firman-Nya bermaksud:

²³ Abdul Rahman Napiah (1987), *Drama Modern Malaysia Perkembangan dan Perubahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 166

²⁴ Siti Rugayah binti Hj Tibek (1999), *op.cit.*, h. 40

“Mohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami agar Dia menerangkan kepada kami, sapi betina apakah itu?” Musa menjawab, “Sesungguhnya Allah berfirman bahawa sapi betina itu adalah sapi yang tidak tua dan tidak muda; pertengahan antara itu; maka kerjakanlah apa yang diperintahkan kepadamu.” Mereka berkata, “Mohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami agar Dia menerangkan kepada kami apa warnanya.” Musa menjawab, “Sesungguhnya Allah berfirman bahawa sapi betina itu adalah sapi betina yang kuning, yang kuning tua warnanya, lagi menyenangkan orang-orang yang memandangnya.” Mereka berkata, “Mohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami agar Dia menerangkan kepada kami bagaimana hakikat sapi betina itu, kerana sesungguhnya sapi itu (masih) samar bagi kami dan sesungguhnya kami dengan izin Allah akan mendapat petunjuk.” Musa berkata, “Sesungguhnya Allah berfirman bahawa sapi betina itu adalah sapi betina yang belum pernah dipakai untuk membajak tanah dan tidak pula untuk mengairi tanaman, tidak cacat dan tidak ada belangnya.” Mereka berkata: “Sekarang bahrulah kamu menerangkan hakikat sapi betina yang sebenarnya.” Kemudian mereka menyembelihnya dan hampir saja mereka tidak melaksanakan perintah itu.

Ibnu Kāthīr menafsirkan bahawa ayat ini adalah penceritaan Allah SWT tentang akhlak Bani Israel yang gemar mempersulitkan perintah Allah, sehingga Allah SWT mempersulitkan kembali urusan mereka.²⁵

Dalam ayat yang lain, Allah SWT turut menyentuh drama bercorak realiti sosial. Ia juga untuk menjadi iktibar kepada umat di akhir zaman. Misalnya, firman Allah SWT dalam Surah āl-Bāqarāh ayat 51 hingga 54 bermaksud:

²⁵ Dr Abdullah bin Muhammad (2003), *Terjemahan Tafsir Ibnu Kāthīr Jilid 1*, Jakarta: Pustaka Imam Āṣ-Šyāfiʻie, h. 156

“Dan (ingatlah) ketika Kami berjanji kepada Musa (memberikan Taurat, sesudah) empat puluh malam, lalu Kami menjadikan anak lembu (sembahanmu) sepeninggalannya dan kamu adalah orang yang zalim. Kemudian sesudah itu Kami maafkan kesalahamu, agar kamu bersyukur. Dan (ingatlah) ketika Kami berikan kepada Musa al-Kitab (Taurat) dan keterangan yang membezakan antara yang benar dan yang salah, agar kamu mendapat petunjuk. Dan ingatlah ketika Musa berkata kepada kaumnya, “Hai kaumku, sesungguhnya kamu telah menganiaya dirimu sendiri kerana kamu telah menjadikan anak lembu (sembahanmu) maka bertaubatlah kepada Tuhan yang menjadikanmu, maka Allah akan menerima taubatmu. Sesungguhnya, Dialah Maha penerima taubat lagi Maha penyayang.”

Allah SWT telah menerangkan bahawa sifat manusia adalah selalu melakukan kesilapan seperti yang dilakukan oleh Bani Israel dalam ayat di atas. Walau bagaimanapun, setiap kesalahan hendaklah dihapuskan dengan bertaubat kepada Allah SWT walaupun kesalahan yang besar seperti syirik.²⁶

Allah SWT juga menggunakan teknik drama berbentuk perumpamaan agar manusia selalu berfikir tentang kejadian-Nya. Dalam Surah āl-Bāqārāh ayat 22 menerangkan teknik tersebut yang bermaksud:

“Wahai manusia, beribadahlah kepada Tuhanmu yang telah menciptakanmu dan orang-orang sebelummu, agar kamu bertakwa. Dialah yang menjadikan bumi sebagai hamparan bagimu dan langit sebagai atap. Dan Dia menurunkan air dari langit (hujan), lalu Dia menghasilkan dengan hujan itu segala buah-buahan sebagai rezeki untukmu. Kerana itu janganlah kamu mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah padahal kamu mengetahui.”

²⁶ *Ibid.*, h. 132

Allah SWT mengumpamakan bumi sebagai hamparan dan langit sebagai atap yang menunjukkan kehebatan ciptaan-Nya. Manusia juga diberikan nikmat hujan yang daripadanya menumbuhkan buah-buahan bagi keperluan manusia. Segala nikmat yang dikurniakan itu adalah untuk difikirkan manusia agar mereka hanya beriman kepada Allah SWT.²⁷

Tuntutan drama dakwah ini adalah selaras dengan kehendak zaman. Mohd Yusof Hussain mengatakan bahawa terdapat tiga pilihan usaha yang perlu dilakukan bagi menerapkan dakwah menerusi media elektronik iaitu sebagai pemerhati, penentang dan peserta. Menurutnya, pilihan yang terbaik adalah pendakwah menjadi peserta yang turut sama menggunakan media elektronik bagi menyampaikan mesej, pandangan dan seruan Islam di samping menyebarkan keburukan maksiat dan syirik. Walau bagaimanapun, pendakwah tidak boleh terlibat secara melulu kerana ia perlu disertai dengan kemahiran ilmu dan kepakaran.²⁸

2.1 DEFINISI DRAMA

Kamus Dewan mendefinisikan drama sebagai karya yang dipersembahkan oleh pelakon di pentas, radio atau televisyen.²⁹ Menurut Siti Rugayah binti Hj Tibek, drama merupakan cabang kesenian yang menggabungkan pelbagai bentuk seni. Bermula dengan seni sastera dalam penyediaan skrip berpindah kepada seni gerak, seni suara, seni lukis sebagai latar dan sebagainya. Oleh kerana seni drama menghimpunkan pelbagai estetika maka kesannya juga mendalam dalam jiwa penggemarnya. Drama dikatakan alat seni yang paling menarik

²⁷ *Ibid.*, h. 79

²⁸ Zasia binti Sirin (2001), ‘Dakwah Menerusi Media Penyiaran di Brunei Darussalam: Kajian di Unit Media Elektronik Pusat Dakwah Islamiah’. (Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 13

²⁹ *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2002), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 315

minat sasaran berbanding seni lain.³⁰ Mana Sikana mengatakan drama merupakan satu daripada genre kesusasteraan, penyalur pemikiran, ekspresi yang bersifat kejiwaan, dan komunikasi sesama manusia untuk memahami erti hidup.³¹

Drama juga disebut *akting* yang berasal daripada perkataan Anglo-Amerika bermaksud peniruan perilaku-perilaku manusia dalam semua segi bermula dengan gagasan, perekaan, perancangan kemudian dilayar-perakkan.³² Tokoh filem, Darwis Harahap mengatakan filem atau drama adalah cerita yang dijelmakan melalui gambar hidup dan dihidupkan oleh manusia. Unsur pentingnya ialah cerita, hasil pergambaran, lakonan dan teknik. Beliau turut mengaitkan drama sebagai gambaran budaya sesebuah masyarakat³³ Luxemburg mengatakan drama adalah berbeza dengan cerpen dan puisi kerana ia dihasilkan untuk divisualkan. Ia mengandungi dua unsur kreativiti iaitu naskah dan visual. Teks drama atau naskah mengungkapkan dialog manakala isinya membentangkan sebuah penceritaan.³⁴

Said Halim Said Nong mengatakan drama adalah satu peniruan kepada manusia dan gerak-lakunya. Ia terdiri daripada unsur-unsur tertentu. Sophocles membahagikan drama kepada enam unsur iaitu plot, watak, dialog, gagasan, lagu atau muzik dan persembahan keseluruhan.³⁵ Drama juga adalah cermin kehidupan. Apa yang terjadi dalam ruang lakonan atau pentas menggambarkan sebahagian besar dari aspek kehidupan iaitu manusia dan perlakuannya termasuklah perasaan, tingkah-laku, pemikiran dan persekitaran mereka.³⁶

³⁰ Siti Rugayah binti Hj Tibek (1999), *op. cit.*, h. 2

³¹ Mana Sikana (2006), *Drama Melayu, tradisional, Moden dan Pasca Moden*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 146

³² Yapi Tambayong (2000), *Seni Akting*, Bandung: Rosdakarya, h. 9

³³ Darwis Harahap (1993), *Mengamati Filem Cerek*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, h. 13

³⁴ S.R.H Sitanggang etc. (1995), *Struktur Drama Indonesia Modern 1980-1990*, Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, h. 8

³⁵ Said Halim Said Nong (1988), *Drama Melayu Televisyen Malaysia, Satu Penilaian perkembangan dan Peranan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 4

³⁶ *Ibid.*, h. 5

Apabila drama dipindahkan ke dalam bentuk penulisan skrip, ia menjadi sebahagian daripada elemen sastera seperti cerpen, novel, puisi dan lain-lain. Perbezaannya ialah, skrip dihasilkan untuk pementasan sesebuah drama atau penyiaran di televisyen.³⁷ Selain itu, drama amat mementingkan teori yang terdapat di dalam skrip. Ini kerana, teori drama yang digunakan pengarang menentukan arah aliran dan pemikiran penulis terhadap drama yang dihasilkannya.³⁸ Selain teori, drama juga mempunyai aspirasi, motif, ajaran dan pelbagai masalah untuk mengaitkan moral dan kejiwaan manusia.³⁹ Drama juga merupakan kumpulan segala hitam putih, hutan padang, gunung lembah, laut tasik dan makna kehidupan itu sendiri yang telah diuji oleh pengalaman tradisi dan sejarah.⁴⁰

Sesebuah drama dianggap dramatik kerana mengutamakan kisah yang berjaya menarik perhatian terutama persoalan yang menyentuh perasaan, konflik, kesedihan dan kebahagiaan yang sering berlaku dalam hidup manusia. Persoalan dramatik yang sering disentuh dalam drama merangkumi aspek watak yang diinspirasikan penulis serta aksi dan tindakannya yang memberi kesan kepada penonton. Ia mempunyai nilai-nilai kemanusiaan yang besar kerana ia dapat memperkayakan dan memperhaluskan manusia. Drama dianggap tidak bernilai jika hanya menitik-beratkan teknik persembahan sebaliknya isinya menggambarkan keruntuhan akhlak dan kezaliman norma-norma sosial.⁴¹

³⁷ Nor Zalina binti Abu Zarin (2000), ‘Skrip Drama Melayu: Satu Analisis Mengenai Struktur, Watak dan Alam.’ (Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya), h.1

³⁸ *Ibid.*, h.12

³⁹ *Ibid.*, h.13

⁴⁰ Mana Sikana (1989), *Di Sekitar Pemikiran Drama Moden*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. xv

⁴¹ Said Halim Said Nong (1988), *op. cit.*, h. 6

2.2 UNSUR DRAMA MODEN

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh para sarjana tempatan, kebanyakan drama Melayu mempunyai unsur pemikiran. Ia menjadi tenaga, makna dan intisari kepada subjek yang menjadi idea pusat para dramatisnya. Daripada pemikiran, dapatlah kita menilai kecemerlangan dan ketamadunan sesuatu bangsa.⁴² Berikut merupakan jenis pemikiran yang terdapat dalam drama moden Melayu:

2.2.1 Sejarah

Drama moden Melayu ditandai dengan penggunaan konsep skrip. Sebelumnya, pada kurun ke 13 dan 14, drama tradisional telah berkembang di Tanah Melayu antaranya wayang kulit⁴³, makyung⁴⁴ dan bangsawan⁴⁵. Setelah itu, kebanyakan drama Melayu berkembang dengan matlamat menyampaikan wadah perjuangan bangsa ke arah mencapai kemerdekaan tanah air.⁴⁶ Salah satunya adalah sandiwara iaitu persembahan drama berpandukan skrip yang bertemakan sejarah.⁴⁷ Ia berkembang pada tahun 1940-an dan menjadi alat patriotisme yang menyemarakkan semangat kebangsaan orang Melayu ketika itu.

⁴² *Ibid.*, h. xi

⁴³ Wayang kulit adalah sejenis hiburan drama yang berasal dari Jawa dan mula berkembang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Wayang kulit membawakan cerita yang berpusat kepada Hinduisme yang dipetik daripada kitab Ramayana dan Mahabharata. Persembahannya memerlukan pentas dan muzik untuk mengiringinya serta berasaskan prinsip cahaya dan bayang. Bayang direfleksi oleh patung yang diukir daripada kulit. Wayang kulit menjadi bentuk drama yang popular di Semenanjung Tanah Melayu hingga abad ke 18. Rujuk: Mana Sikana (2006), *Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pascamoden*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 4-5

⁴⁴ Makyung adalah sejenis hiburan drama yang berasal dari Pattani, Selatan Thailand. Ia juga dikaitkan dengan bentuk ritual dan sangat berpengaruh di kalangan para pembesar istana. Makyung menggabungkan nyanyian, tarian dan lakonan. Kini, persembahan Makyung diadakan di majlis perayaan seperti sambutan hari keputeraan diraja, upacara perkahwinan dan menyambut kedatangan pemimpin. Rujuk: *Ibid.*, h. 6

⁴⁵ Bangsawan merupakan bentuk drama Melayu yang popular pada awal abad ke 19. Kalimah bangsawan bermaksud bangsa yang tinggi. Tujuannya supaya kumpulan itu disertai golongan bangsawan dan mendapat kedudukan istimewa dalam masyarakat. Persembahan bangsawan disulami lagu sedih dan gembira serta diringi alat muzik tradisional dan moden. Rujuk: *Ibid.*, h. 11,12, 13.

⁴⁶ *Ibid.*, h. 15

⁴⁷ Antaranya sejarah tempatan iaitu perjuangan menentang penjajahan, kejahatan dan penindasan serta menaikkan martabat bangsa.

Sandiwarा pertama yang dihasilkan dengan menggunakan skrip adalah *Megat Terawis* pada tahun 1951.⁴⁸ Drama ini berkisar tentang sejarah negeri Perak pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Syah serta mengangkat kegagahan panglima Melayu yang bernama Megat Terawis.⁴⁹ Selain itu, Harun Aminurrashid telah menghasilkan drama *Mati Bertindih Tulang* yang mengetengahkan tragedi kejatuhan Melaka ke tangan Portugis. Jaafar Husny kemudiannya melahirkan drama *Srikandi Tun Intan* yang turut menyentuh pergolakan negeri Melaka ketika dijajah Portugis. Manakala Hamidy Anwar menghasilkan drama *Tuah Dalam Sejarah* bagi menonjolkan Hang Tuah sebagai lambang kesusasteraan dan kepahlawanan bangsa. Drama bertemakan sejarah yang lain adalah *Hang Tuah Pahlawan Melayu* karya Syed Alwi bin Syeikh al-Hadi, *Laksamana Melaka di Inderaputra* dan *Hang Tuah Membuat Jasa* karya Izhab Alang Ismail.⁵⁰

Mohamad Nazri Ahmad (2000) mengatakan drama berunsur sejarah turut berkembang pada zaman pemerintahan Jepun (1942-45) iaitu membawa propaganda Jepun dan bersifat anti-British.⁵¹ Misalnya, Shaharom Hussain menghasilkan drama bertajuk *Lawyer Dahlan* pada tahun 1943 serta dibiayai pemerintahan Jepun.

Kesimpulannya, faktor penjajahan telah mendorong para pengkarya awal menghasilkan drama bercorak sejarah dan menjadi pendorong masyarakat untuk mendapatkan kemerdekaan tanah air.

⁴⁸ *Ibid.*, h. 17

⁴⁹ *Ibid.*, h. 20

⁵⁰ *Ibid.*

⁵¹ Mohamad Nazri Ahmad (2000), *Seni Persembahan Drama Melayu Moden*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malanysia, h. 48

2.2.2 Realisme

Unsur *realisme*⁵² adalah teras kepada konsep drama moden Melayu. Ia menggarap cerita daripada persekitaran kehidupan masyarakat sehari-hari. Drama *realisme* juga merupakan paparan realiti dalam dunia sebenar yang diangkat ke dalam drama dengan imej realiti yang nyata.⁵³ Unsur ini menegaskan perlukisan cerita dengan kejujuran yang sempurna. Penulis aliran ini berpandangan bahawa objektif *realisme* menyebabkan mereka tidak dipengaruhi oleh kemahuhan dan emosi. Penulis hanya melaporkan sesuatu kehidupan dan kejadian yang digambarkan secara tepat dan teliti.⁵⁴ Unsur *realisme* mula berkembang di Eropah pada abad ke 18 hingga abad ke 20. Misalnya di Perancis, isu-isu yang dibincangkan dalam drama berbentuk *realisme* ketika itu ialah masalah pekerja, peranan wanita dalam masyarakat, masalah penyakit sosial, dan masyarakat yang hipokrit.⁵⁵

Apabila negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 kemudian diikuti pula dengan pembentukan Malaysia pada tahun 1963, peranan drama yang membawa mesej sejarah keperahlawanan bangsa sudah ditinggalkan.⁵⁶ Negara berhadapan pula dengan permasalahan bagi mengisi kemerdekaan antaranya pembangunan ekonomi, sosial, pendidikan, pertanian, kesihatan, perkhidmatan sosial dan industri yang menuntut para penulisnya terlibat dengan permasalahan bersifat realiti. Pemikiran *realisme* dalam drama berkembang pada dekad 1960-an dan dinamakan zaman drama masyarakat.⁵⁷

⁵²Unsur *realisme* menekankan aspek realiti dan mula berkembang di barat pada abad ke-19. Antara penggiat drama *realisme* barat ialah George Bernard Shaw, Henrik Ibsen, August Strindberg dan Anton Chekhov. Bentuk *realisme* ini kemudiannya berkembang ke seluruh dunia termasuklah di Malaysia pada dekad 1960-an. Rujuk; Mohamad Nazri Ahmad (2000), *op. cit.*, h. 75

⁵³ Mana Sikana (1989), *Titik Perjuangan*. Selangor: Penerbitan Sarjana, h. 5

⁵⁴ Saparman Bakri (1982), *Alam Teater*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 33

⁵⁵ Robert E. Gard, *Drama in The New Book Of Knowledge*, USA: Grolier Incorporated, h. 297

⁵⁶ Mana Sikana (2006), *op. cit.*, h. 21

⁵⁷ *Ibid.*, h. 22

Menurut Zakaria Ali (1981), konsep pementasan drama realisme telah dipelopori oleh Kala Dewata , Usman Awang, Awang Had Salleh, Bidin Subari, A.Samad Said dan lain-lain.⁵⁸ Mereka cenderung memasukkan isu pembangunan negara sebagai pengisian kemerdekaan tanah air di dalam drama. Misalnya, pada tahun 1963, Kala Dewata telah menghasilkan drama realisme pertama yang bertajuk *Atap Genting Atap Rumbia*⁵⁹, kemudian diteruskan lagi oleh Awang Had Salleh dengan drama *realisme* bertajuk *Buat Menyapu Si Air Mata*⁶⁰ dan drama *Sial Bertuah* oleh Kalam Hamidy. Drama-drama tersebut mengandungi kritikan dan saranan sosial bagi mengimbangi kemajuan kebangsaan.⁶¹ Antara yang diketengahkan para dramatis era *realisme* ialah pengekalan nilai-nilai murni dalam masyarakat, isu intergrasi nasional serta keburukan sosial akibat pembangunan kebangsaan yang tidak seimbang seperti amalan rasuah dan kemiskinan.⁶²

Kesimpulannya, pemikiran *realisme* para dramatis Melayu adalah bertitik-tolak daripada kritikan sosial terhadap dasar pembangunan negara yang diperkenalkan oleh kerajaan. Walaupun Malaysia telah mencapai kemerdekaan, namun bagi para dramatis ini nilai-nilai murni masyarakat masih perlu dikekalkan. Mereka bersikap optimis bahawa masalah masyarakat hanya dapat diselesaikan dengan pelaksanaan misi pembangunan yang adil dan bertanggungjawab. Drama berunsur *realisme* berlangsung dari tahun 1964 hingga 1970.⁶³

⁵⁸ Mohd Nazri Ahmad (2000), *op. cit.*, h. 74

⁵⁹ Drama ini mengisahkan tentang kesedaran guru-guru yang ingin berkhidmat di kawasan pedalaman. Mereka sanggup berkorban demi membangunkan masyarakat dengan ilmu. Drama ini telah menyokong dasar pendidikan yang dianjurkan oleh kerajaan pada waktu itu. Rujuk: Kala Dewata (1991), *Atap Genting Atap Rumbia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁶⁰ Drama ini mengkritik sikap para pegawai tinggi Melayu yang mengagungkan nilai budaya barat. Oleh kerana Malaysia baru mendapat mandat kemerdekaan, masalah yang dihadapi ialah kekurangan pegawai pentadbiran yang bersifat tempatan. Drama ini mengkritik perlakuan pegawai Melayu yang dirasakan perlu diubah. Rujuk: Mohamad Nazri Ahmad (2000), *op. cit.*, h. 79

⁶¹ *Ibid.*, h. 78

⁶² *Ibid.*

⁶³ Mana Sikana (1989), *Di Sekitar Pemikiran Drama Moden*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 85

c) *Surrealisme*

Pemikiran *surrealisme* dalam drama Melayu moden berlaku pada dekad 1970-an. Ia mengandungi subjek permasalahan orang Melayu yang berbentuk metafizik dan *eksistensialisme* serta berbeza dengan drama berbentuk *realisme*.⁶⁴ Kebiasaan skripnya mengandungi dialog yang mempunyai pelbagai maksud, aneh dan memperlihatkan diri watak yang pelik, nihilis, putus asa serta *absurd*.⁶⁵

Berbeza dengan pengaruh *surrealisme* dalam drama-drama barat, pemikiran tersebut masih terkawal dalam drama-drama Melayu dan mengandungi unsur pengajaran yang baik. Misalnya, Albert Camus mengatakan *eksistensialisme* bermaksud bahawa nasib manusia sudah ditentukan sebelum mereka dilahirkan dan tidak dapat berbuat apa-apa selain daripada menyerah.⁶⁶ Namun, bagi pelopor drama surrealisme Melayu, Noordin Hassan memasukkan elemen pengajaran dalam drama *Bukan Lalang Ditiup Angin*⁶⁷ dengan meluaskan maksud *eksistensialisme*. Selain mengemukakan hakikat realiti manusia, beliau turut menjelaskan fahaman kekecewaan adalah salah kerana manusia diberi akal untuk bertindak dan berani memecahkan rantai-rantai kekarutan.⁶⁸

Drama aliran *surrealisme* muncul akibat ketidak percayaan para penggiat drama moden tempatan terhadap aliran *realisme* yang mengangkat realiti sosial. Masyarakat Malaysia mengalami kekacauan pasca tragedi 13 Mei 1969 yang menggugat hubungan antara etnik seperti jurang ekonomi, sosial serta isu pendidikan kaum bumiputera yang terpinggir

⁶⁴ Mohamad Nazri Ahmad (2000), *op. cit.*, h.124

⁶⁵ Mana Sikana (1989), *op. cit.*, h.160

⁶⁶ Martin Esslin (1965), *Introduction in Absurd Drama*, England: Penguin Group, h. 15

⁶⁷ Drama ini telah dipentaskan di Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim pada tahun 1971 dan di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1972. Drama ini juga memenangi Hadiah Sastera pada tahun 1973. Rujuk: Mana Sikana (1989) *op.cit.*, h. 179

⁶⁸ *Ibid.*

menjadikan sistem kemasyarakatan bersifat abnormal.⁶⁹ Organisasi yang tidak tersusun dengan sebaiknya serta perasaan individu yang meluap-luap melahirkan masyarakat yang kacau. Hal inilah yang menyokong kelahiran drama *surrealisme*.⁷⁰

Sifat-sifat drama *surrealisme* adalah tidak ada penyusunan plot dan pengakhiran cerita, penonjolan watak-watak yang berpecah-pecah, tiada uniti dan kesatuan juga tidak mempunyai matlamat yang jelas.⁷¹ Selain Nordin Hassan, dramatis aliran ini ialah Dinsman dengan drama *surrealisme* bertajuk *Jebat Moden, Protes, Bukan Bunuh Diri*, Johan Jaafar dengan drama *Angin Kering* dan *Kota Oh Kotaku*, Hatta Azad Khan dengan drama *Kerusi* dan *Patung-Patung*. Drama-drama *surrealisme* juga dikenali sebagai drama *absurdisme* yang memerlukan banyak perenungan, pemikiran dan kerja keras untuk memahami hidup.⁷²

Kesimpulannya, unsur pemikiran yang terkandung dalam drama moden di Malaysia mengarahkan kepada kerencaman daya fikiran serta membina pembangunan mental masyarakat mengikut arus perkembangan zaman.

2.3 BENTUK DRAMA

Drama merupakan hiburan yang menjadi tradisi masyarakat Melayu sebelum menerima ajaran Islam iaitu sebelum abad ke 10 Masihi.⁷³ Drama disalurkan dalam pelbagai bentuk iaitu dimulakan dengan lakonan di atas pentas sebelum dilebarkan di pelbagai media lain

⁶⁹ *Ibid.*, h.165

⁷⁰ *Ibid.*

⁷¹ *Ibid.*, h. 159

⁷² *Ibid.*, h. 242

⁷³ Rahmah Bujang (1981), "Drama In Malaysia: The Writer In A Changing Society" dalam *Sarjana* (Jurnal Fakulti Sastera. Universiti Malaya, Kuala Lumpur) Disember 1981, h. 38

seperti filem, radio dan televisyen.⁷⁴ Bahagian ini menjelaskan bentuk drama secara ringkas.

2.3.1 Drama Pentas

Drama pentas atau teater bermaksud perkumpulan dua kelompok manusia. Kelompok pertama ialah pelakon (*performers*) dan kelompok kedua ialah penonton (*audience*). Kedua kelompok ini saling memerlukan dalam sesebuah teater atau drama.⁷⁵ Ia dipersembahkan secara nyata kepada para penonton. Menurut Mana Sikana (1989), teater menegaskan kepada teknik persembahan berbanding aspek seni dan estetika sasteranya. Hubungannya dengan audien adalah secara langsung dan akrab.⁷⁶ Antara drama pentas yang popular di kalangan masyarakat lama dan moden ialah wayang kulit, makyung, tonil, opera, bangsawan, citrawara, purbawara, jenakawara, pantomim, tablo dan teater.

2.3.2 Drama Radio

Drama radio adalah drama yang disampaikan kepada masyarakat melalui saluran radio. Penulis drama akan menghasilkan cerita untuk didengar masyarakat tanpa paparan babak secara nyata. Elemen penting dalam penghasilan drama radio adalah nada suara dan kesan bunyi yang berperanan mempengaruhi jiwa pendengar terhadap cerita.⁷⁷ Dalam penulisan skrip drama radio, penekanan diberikan kepada watak protagonis (watak utama) dan antagonis (watak lawan) iaitu sekurangnya 3 ke 5 watak. Perlakuan fizikal pelakon seperti

⁷⁴ Said Halim Said Nong (1988), *op. cit.*, h.54

⁷⁵ *Ibid.*, h. 2

⁷⁶ *Ibid.*, h. 185

⁷⁷ Noorjaya (1985), *Asas Menulis Skrip Drama Radio*, Koleksi Kedah: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, h. 41

berjalan, berlari, mengetuk pintu dan lain-lain diperdengarkan melalui kesan bunyi.⁷⁸ Selain aksi, kesan bunyi juga menjelaskan kepada pendengar tentang latar tempat dan masa berlakunya peristiwa di dalam drama seperti deru ombak, api, bunyi tapak kaki, guruh, petir, siulan burung, deringan telefon dan lain-lain.

2.3.3 Drama Televisyen

Televisyen menjadi alat untuk menyebarkan drama. Jenis drama sama ada berunsur konvesional dan moden disampaikan melalui media televisyen. Kebiasaannya televisyen memaparkan drama moden iaitu drama yang bersifat realiti atau keadaan masyarakat kini.⁷⁹

Berbeza dengan drama pentas, drama televisyen dihasilkan mengikut tempoh tertentu dan tidak mengenal-pasti penonton. Pembikinan drama televisyen lebih rumit kerana ia memerlukan tenaga produksi yang ramai serta kos perbelanjaan yang besar. Ia juga disebut karya cereka yang mirip filem. Namun, perbezaan antara drama televisyen dengan filem adalah ia menggunakan format video yang lebih murah berbanding kos menghasilkan filem untuk penayangan di pawagam.⁸⁰

Kesimpulannya, yang membezakan antara bentuk drama adalah alatan dan penyampaian. Manakala, penulisan skripnya masih mengandungi dialog sebagai teras genre penulisan drama.

⁷⁸ *Ibid.*

⁷⁹ Kenneth Pickering (2003), *Studying Modern Drama*, New York: Palgrave Macmillan, h. 6

⁸⁰ www.filemkita.com

2.4 DRAMA TELEVISYEN DI MALAYSIA

Setiap hari, drama menjadi hiburan tetap masyarakat. Berdasarkan kajian Kementerian Penerangan Malaysia pada tahun 2002, masyarakat Malaysia setiap hari menonton televisyen iaitu 57% menonton siaran televisyen arus perdana⁸¹ dan 53% menonton stesen prabayar ASTRO.⁸² Hal ini kerana, televisyen bersifat pantas, demografik penonton yang meluas, pulangan segera dan menguntungkan serta ia membenarkan eksperimen.⁸³ Kajian tersebut juga mengatakan bahawa rancangan televisyen paling popular adalah slot Drama Melayu.⁸⁴

Menurut pakar filem Melayu, A. Wahab Hamzah, telefilem atau drama televisyen di Malaysia telah berkembang sejak lebih sedekad lalu kerana hubungan antara filem dan televisyen yang rapat. Ini kerana, ramai pengarah filem telah melibatkan diri mengarah drama televisyen.⁸⁵ Dalam seminggu, lebih 100 buah drama ditayangkan di televisyen arus perdana dan ASTRO.⁸⁶ TV3 mempunyai hampir 20 siri drama yang ditayangkan setiap minggu misalnya, slot *Akasia*, *Aksi*, *Lagenda*, *Lestary*, *Samarinda*, *Cerekarama*, *Puteri*, *Dunia Anita*, *Dunia Baru* dan lain-lain⁸⁷ RTM2 turut menghidangkan slot drama antaranya *Atan Atok*, *Citra*, *Drama Cempaka*, *Drama Masak Lomak Cili Api*, *Roda-Roda Kuala Lumpur*, *Galeri Famili*, *Mustika*, *Pilihan Jumaat*, *Gerak Khas*, *Drama Bersiri Melayu*, *Safira* dan *Jangan Pandang Belakang*.⁸⁸ Namun, lambakan drama-drama tersebut tidak

⁸¹ Seperti RTM1, RTM2, TV3, TV9, TV8 dan NTV7

⁸² Penyelidik Kementerian Penerangan Malaysia (2002), “Kajian Maklum – Balas Penonton Filem Cerea di Bandar-Bandar Besar dan Sekitarnya di Semenanjung Malaysia” (Kajian Cawangan Penyelidikan Bahagian Perancang dan Pendidikan Kementerian Penerangan Malaysia), h.1

⁸³ A. Wahab Hamzah (1999), “Telefilem, Persaingan Yang Sihat”. *Utusan Online*, 30 Julai 1999. Rujuk. www.filemkita.com

⁸⁴ Penyelidik Kementerian Penerangan Malaysia (2002), *op. cit.*, h. 4

⁸⁵ A.Wahab Hamzah (1999), rujuk www.filemkita.com

⁸⁶ *Ibid.*

⁸⁷ www.tv3.com

⁸⁸ www.rtm.gov.my

berupaya meninggalkan kesan yang banyak kepada penonton.⁸⁹ Berbanding drama yang pernah ditayangkan oleh RTM1 di era awal 90-an, slot Drama Minggu Ini (DMI) telah menyiaran drama yang berkualiti dari aspek cerita dan pengarahan sehingga memberi kesan yang mendalam kepada penonton antaranya *Tuk Perak*, *Āṣy-Syūrā*, *Anjang Aki*, *Pemandu Teksi* dan lain-lain.⁹⁰

Malaysia adalah sebuah negara membangun yang berteraskan prinsip demokrasi. Kerajaan mempunyai hak untuk menguasai, menggubal dasar dan mengawasi perlaksanaan serta penyampaian maklumat kepada rakyat dengan teliti berlandaskan prinsip-prinsip tertentu. Ini semua adalah bertujuan untuk menimbulkan kesedaran maksimum rakyat akan dasar dan matlamat kerajaan.⁹¹ Walau bagaimanapun, kerajaan turut memberi peluang kepada pihak swasta untuk terlibat dalam bidang penerbitan televisyen. Setiap penerbitan adalah dibawah pengawasan Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri serta dikawal oleh beberapa akta iaitu Akta Mesin Cetak, Akta Hasutan dan Akta Keselamatan Dalam Negeri.⁹²

Secara umumnya, penglahiran drama televisyen adalah mengikut dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Ketika mula diperkenalkan pada tahun 1963, drama televisyen adalah berunsurkan realiti sosial masyarakat dalam sebuah negara membangun. Penekanan yang diberikan adalah bertujuan merapatkan hubungan antara kaum serta pengukuhan Dasar Budaya Kebangsaan⁹³ Manakala drama berunsurkan Islam begitu minimum dan mendatar pada era 60-an hingga 80-an. Ia hanya menumpukan kepada isu yang berkaitan hukum feqah berbanding falsafah dan aqidah Islam⁹⁴ Sebagai contoh, drama berunsurkan

⁸⁹ A. Wahab Hamzah (2001), “Telefilem Didik Penonton Menilai Filem”. *Utusan Melayu*, 19 Januari 2001. Rujuk www.filemkita.com

⁹⁰ *Ibid.*

⁹¹ Said Halim Said Nong, *op. cit.*, h. 26

⁹² *Ibid.*

⁹³ Said Halim Said Nong, *op. cit.*, h. 35

⁹⁴ *Ibid.*, h.36

kekeluargaan membincangkan masalah seperti penceraian ibu bapa⁹⁵, perkahwinan yang dipaksa,⁹⁶ penyakit⁹⁷ dan kesepian seorang ayah⁹⁸.

Pada tahun 1972, kerajaan telah memperkenalkan siaran Televisyen Pendidikan untuk murid-murid sekolah rendah dan menengah. Ia bertujuan membantu para guru menerapkan nilai-nilai luhur melalui pengajaran yang efektif kepada para pelajar.⁹⁹ Pada pertengahan tahun 1970-an, bahagian drama RTM menegaskan untuk menyiarkan drama yang baik, berpengajaran dan berkesan kepada penonton.¹⁰⁰ Bahagian ini memberikan kebebasan kepada penulis skrip untuk menulis dan mengolah pelbagai tema sebagai bahan drama. Penulis juga tidak perlu bergantung kepada dasar propaganda politik pihak kerajaan tetapi bersesuaian dengan aspirasi kebangsaan.¹⁰¹ Bagi drama berunsurkan Islam, RTM memberi penegasan terhadap persoalan yang dikemukakan. Antaranya adalah melarang drama yang mempersendakan aqidah, berunsur fahaman atheist, memburukkan agama lain dan tidak digalakkan pemaparan bentuk sembahana agama selain Islam seperti kuil, gereja, tokong dan lain-lain.¹⁰²

Peralihan zaman daripada moden ke pasca moden telah membentuk spektrum baru dalam penerbitan drama televisyen. Kini, pihak penerbit terpaksa mengikut kehendak stesen televisyen yang mementingkan jumlah khalayak atau rating. Justeru, pemilihan drama

⁹⁵ Misalnya drama bertajuk *Adibah* karya M. Yusof Mohamad mengisahkan gadis bernama Adibah yang menghadapi tekanan hidup akibat perpisahan ibubapa. Apabila Adibah ditimpa penyakit yang mengakibatkan kematian baharulah ibubapanya berasa menyesal. Drama ini ditayangkan pada tahun 1982 di RTM1

⁹⁶ Misalnya drama bertajuk *Anjang Aki* karya al-Taha mengisahkan tentang seorang ayah yang terkilan kerana anaknya melangsungkan perkahwinan tanpa mengikut adat. Drama ini disiarkan pada tahun 1981 di RTM1

⁹⁷ Misalnya drama bertajuk *Api-Api* karya Siti Zainab Bakar mengisahkan tentang Yazid yang menghadapi batuk berdarah. Seorang bomoh mengatakan beliau terkena ilmu hitam buatan orang. Sebenarnya, Yazid menghidap barah paru-paru kerana terlalu kuat merokok. Yazid akhirnya meninggal dunia setelah enggan berubat dengan doktor. Drama ini ditayangkan pada tahun 1981 di RTM1

⁹⁸ Misalnya drama bertajuk *Ayah* karya Nurhalim Ismail mengisahkan tentang Haji Dolah yang hidup borseorangan di kampung. Dia berhajat untuk mengahwini seorang janda yang mengambil-berat tentang dirinya tetapi dihalang oleh anak-anaknya yang tinggal di Bandar. Salah-seorang anaknya kemudian menyedarkan adik-beradik yang lain tentang perasaan bapa mereka. Drama ini ditayangkan pada tahun 1982 di RTM1

⁹⁹ *Ibid.*

¹⁰⁰ *Ibid.*, h. 50

¹⁰¹ *Ibid.*

¹⁰² *Ibid.*, h. 51

adalah lebih berbentuk komersial seperti dunia korporat, cinta remaja, alam mistik, budaya moden yang glamour dan budaya mewah.¹⁰³ Hal ini menampilkan wajah drama yang bersifat kontroversi, klise, meleret-leret, dan tidak berilmu. Kajian menunjukkan bahawa drama berunsurkan Islam juga tidak banyak berbeza dengan drama biasa. Selain cerita, aksi lakonan dan pemakaian adalah sama dengan drama-drama televisyen biasa iaitu berpakaian tidak menutup aurat bagi watak jahat dan bersentuhan antara lelaki dan wanita bukan muhrim.¹⁰⁴

Walau bagaimanapun, kini drama bertemakan keislaman sering mendapat tempat di stesen televisyen terutamanya stesen yang menumpukan kepada sasaran penonton Melayu seperti TV3, TV9, ASTRO OASIS dan TV Al-Hijrah. Drama keislaman ini ditayangkan sempena musim perayaan Islam seperti bulan Ramadan, Hari Raya Aidil Adha, Hari Raya Aidil Fitri, Maal Hijrah dan Maulid Nabi SAW. Contoh drama bertemakan keislaman yang pernah ditayangkan ialah *Cinta Madinah 1*¹⁰⁵, *Cinta Madinah 2*¹⁰⁶ *Kiamat Sudah Dekat*,¹⁰⁷ *Solehah*,¹⁰⁸ *Sayangku Puteri*,¹⁰⁹ *Kahfi*¹¹⁰, *Ehsan*¹¹¹, *Pesantren Cinta*¹¹² dan *Mutiara Hati*.¹¹³

Kesimpulannya, Drama televisyen dianggap penting kerana sifat televisyen itu sendiri akrab dengan masyarakat. Televisyen adalah peralatan yang mudah diperolehi oleh semua golongan. Rata-rata masyarakat mempercayainya sebagai satu keperluan dalam rumahtangga dan tidak ketinggalan memilikinya. Ketika penyiaran televisyen mula

¹⁰³ A. Wahab Hamzah (2001), rujuk www.filem kita.com

¹⁰⁴ <http://www.budiey.com>

¹⁰⁵ Ditayangkan sepanjang bulan Ramadan tahun 2004 di RTM2

¹⁰⁶ Ditayangkan sepanjang bulan Ramadan tahun 2005 di RTM2

¹⁰⁷ Ditayangkan sepanjang bulan Ramadan tahun 2005 di TV9

¹⁰⁸ Ditayangkan sepanjang bulan Ramadan tahun 2008 di TV9

¹⁰⁹ Ditayangkan pada Hari Raya Aidil Adha tahun 2007

¹¹⁰ Ditayangkan di slot Cerekrama TV3 tahun 2007

¹¹¹ Ditayangkan di Slot Cerekrama TV3 tahun 2007

¹¹² Ditayangkan sepanjang bulan Ramadan tahun 2008 di Astro Oasis

¹¹³ Ditayangkan sepanjang tahun 2008 di TV9

diperkenalkan di negara ini pada tahun 1964, pemilikannya adalah sebanyak 28,000 buah. Angka ini meningkat sepuluh kali ganda kepada 300000 buah pada tahun 1973. Kini, hampir setiap rumah di Malaysia memiliki sekurang-kurangnya sebuah televisyen.¹¹⁴

Justeru, adalah penting drama dakwah diperbanyakkan di stesen televisyen agar menjadi pengajaran dan membina peribadi masyarakat khususnya masyarakat Islam di Malaysia.

2.5 DRAMA DAKWAH

Drama dakwah adalah drama yang mematuhi batas-batas agama Islam. Ia mengajak kepada cara hidup bertakwa, menekankan kebaikan amalan bermasyarakat dan mestilah berlandaskan al-Quran dan Sunnah.¹¹⁵ Bagi orang beriman, berdrama atau menulis skrip mestilah dilakukan semata-mata untuk jalan Allah dan masyarakat Islam keseluruhannya.¹¹⁶ Ini bertepatan dengan tuntutan Islam supaya bumi ini dibangunkan untuk disesuaikan dengan sifat manusia yang sentiasa membangun.¹¹⁷

Drama termasuk pembangunan yang perlu disesuaikan antara tabiat semula jadi manusia dan tabiat semula jadi alam ini keseluruhannya.¹¹⁸ Mana Sikana (1989) berpendapat bahawa drama dan dakwah tidak dapat dipisahkan. Ia membawa peradaban kepada manusia serta membimbing mereka ke jalan yang benar.¹¹⁹

¹¹⁴ Penyelidik Kementerian Penerangan Malaysia (2002), *op. cit.*, h.1

¹¹⁵ Mana Sikana (2006), *op. cit.*, h. 146

¹¹⁶ *Ibid.*

¹¹⁷ Ab Aziz Mohd Zin (2006), “Dakwah Dalam Pembinaan Islam Hadhari di Malaysia”, *Dakwah Islam Semasa*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hal. 4

¹¹⁸ *Ibid.*

¹¹⁹ Mana Sikana (1989), *op. cit.*, h. 191

2.5.1 Definisi Dakwah

Dari segi bahasa, dakwah bermaksud menyeru atau memanggil. Dari segi istilah ia membawa pengertian yang lebih khusus iaitu seruan atau panggilan ke jalan Allah.¹²⁰

Firman Allah SWT dalam Surah Yusuf ayat 108 bermaksud:

“Katakanlah: Inilah jalan (ād-Dīn)ku, aku dan orang yang mengikutiku mengajak (kamu) kepada Allah dengan hujah yang nyata.”¹²¹

Ibnu Taimiyah menjelaskan bahawa dakwah adalah satu seruan agar manusia beriman kepada Allah SWT dan apa yang disampaikan oleh rasul-rasul-Nya serta mentaati perintah mereka. Tugas dakwah adalah menyuruh kepada perbuatan yang disukai Allah SWT dan rasul-Nya serta menegah kemungkaran.¹²² Muhammad āṣy-Šyāwwāf mengatakan dakwah adalah risalah langit yang diturunkan ke bumi berupa hidayah Allah kepada manusia iaitu agama Islam. Hanya dengan Islam, manusia akan selamat kembali kepada-Nya.¹²³ Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran ayat 19 yang bermaksud:

“Sesungguhnya agama di sisi Allah adalah Islam.”¹²⁴

Drs Muhammad al- Wakil mendefinisikan dakwah sebagai mengumpulkan manusia dalam kebaikan dan menunjukkan mereka jalan yang benar dengan cara amar makruf nahi mungkar.¹²⁵ Sementara Fathi Yakan mengatakan dakwah adalah penghancuran dan pembinaan. Penghancuran yang dimaksudkan adalah membanteras gaya jahiliah seperti

¹²⁰ Abu Urwah (2008), *Konsep-Konsep Umum Islam*, Kuala Lumpur: Focus Aproach Sdn. Bhd, h. 144

¹²¹ Al-Quran dan Terjemahannya, Mujamma' Khodīm al-Haramain āṣy-Syārifāīn al-Malik Fahd 'lī'l-Tībā'āt āl-Mūshāḥāf āṣy-Syārif Madinah Munawwarah, Kementerian Urusan Agama Islam Wakaf, Dā'wāh dan Irsyad Kerajaan Saudi Arabia Tahun 1410H, h.36

¹²² Abu Urwah (2008), *op. cit.*, h. 144

¹²³ Dr. Sayid Muhammad Nuh (2004), *Dakwah fardiah Pendekatan Personal Dalam Dakwah*, Surakarta: Intermedia, h. 14

¹²⁴ Al-Quran dan Terjemahannya, *op. cit.*, h. 78

¹²⁵ Dr. Sayid Muhammad Nuh (2004), *op. cit.*, h. 15

pemikiran jahiliah, akhlak jahiliah dan undang-undang jahiliah. Selepasnya perlulah pembinaan masyarakat berdasarkan Islam yang syumul.¹²⁶

Dakwah terbahagi kepada dua iaitu dakwah secara individu dan dakwah secara jemaah. Dr Ali Abdul Halim Mahmud menerangkan bahawa dakwah individu berlaku apabila seorang Muslim menyeru seorang sasaran dakwah (mād'ū) ke jalan Allah, iaitu membimbang sasaran daripada kehidupan biasa kepada kehidupan yang mendekatkan diri kepada Allah.¹²⁷ Manakala dakwah secara jemaah pula mengajak manusia ke jalan Tauhid secara berkumpulan seperti yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat baginda.¹²⁸

Kesimpulannya, dakwah adalah suatu seruan mengajak manusia kepada Islam serta mencegah mereka daripada melakukan kemungkaran, kemaksiatan, kesyirikan dan kemunafikan. Ini berdasarkan kepada firman Allah Taala dalam Surah al-Luqman ayat 17 yang bermaksud:

“Hai anakku, dirikanlah solat, suruhlah manusia mengerjakan yang makruf, mencegah mereka daripada perbuatan mungkar dan bersabarlah dengan apa yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu termasuk hal-hal yang diwajibkan.”¹²⁹

Allah SWT telah mengutuskan para rasul untuk berdakwah kepada manusia bermula daripada Nabi Adam AS sehinggaNabi Muhammad SAW. Firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah ayat 99 bermaksud:

“Kewajipan rasul tiada lain adalah menyampaikan.”¹³⁰

¹²⁶ *Ibid.*

¹²⁷ Dr Ali Abdul Halim Mahmud (1992), *Fīqhū Dākwāh Fārdiāh*, Mansurah : Darul Wafa, h. 19

¹²⁸ *Ibid.*, h. 17

¹²⁹ *Al-Quran dan Terjemahannya*, op. cit., h. 655

¹³⁰ *Ibid.*, h. 179

Tugas dakwah kemudian dilestarikan oleh para sahabat baginda SAW, para tabiin, ulama dan golongan salafus soleh bagi melangsungkan syiar Islam di sepanjang zaman. Justeru, umat Islam dituntut untuk menyebarkan dakwah dengan mengamalkan syariat Islam bermula daripada diri, keluarga, masyarakat dan negara. Ini adalah kerana dakwah menjadi kewajipan seluruh umat Islam untuk melaksanakannya. Rasulullah SAW bersabda dalam hadis baginda SAW yang bermaksud:

“Barangsiapa daripada kamu melihat kemungkaran hendaklah dia mengubah dengan tangannya, apabila tiada kuasa dengan lidahnya, apabila tiada kuasa dengan hatinya dan yang demikian itu adalah selemah-lemah iman.”¹³¹

2.5.2 Pendakwah

Menurut Hasan al-Banna, dakwah mementingkan individu yang menyampaikan dakwah atau dipanggil pendakwah. Golongan ini perlulah memahami aspek dakwah dengan jelas termasuklah sanggup berkorban jiwa, harta, waktu dan kesihatan.¹³² Firman Allah Taala dalam Surah at-Taubah ayat 24 bermaksud:

“Katakanlah; Jika bapa-bapamu, anak-anakmu, saudara-saudaramu, isteri-isterimu, sanak-saudaramu, harta yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu bimbangi kerugiannya, rumah-rumah yang kamu sukai lebih kamu cintai daripada Allah dan rasul-Nya dan dari berjihad di jalan-Nya, maka tunggulah sampai Allah mendatangkan azab-Nya. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang fasik.”¹³³

¹³¹ Abu Urwah (2008), *op. cit.*, h. 162

¹³² Hasan al-Banna (2008), *Kumpulan Risalah Dakwah* (terjemahan oleh: Khozin Abu Faqih), Jakarta Timur: Al-Ishom, h. 21
¹³³ *Al-Quran dan Terjemahannya*, *op. cit.*, h. 281

Dalam Surah al-Maidah ayat 54, Allah SWT menyebutkan sifat-sifat pendakwah yang bermaksud:

“..yang bersikap lemah-lembut terhadap orang yang mukmin, yang bersikap keras terhadap orang kafir, yang berjihad di jalan Allah, dan tidak takut kepada celaan orang yang suka mencela. Itulah kurnia Allah yang Dia berikan kepada siapa yang dikehendaki.”¹³⁴

Abdullah Ahmad al-Allaf mengatakan bahawa dakwah merupakan tanggungjawab yang besar dan amanah yang berat. Ia tidak dapat dipikul melainkan orang yang mendapat Taufik dan pertolongan daripada Allah SWT iaitu orang yang memiliki perkataan dan akhlak yang mulia.¹³⁵ Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah Fūṣilāt ayat 33 bermaksud:

“Siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah, mengerjakan amal yang soleh dan berkata : ‘‘Sesungguhnya aku termasuk orang yang menyerah diri.’’¹³⁶

Abu Urwah mencirikan sifat-sifat seorang pendakwah yang terdapat dalam diri Rasulullah SAW berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 45 hingga 46 bermaksud:

“Hai Nabi! Sesungguhnya Kami mengutuskan kamu untuk menjadi saksi dan pembawa berita gembira dan pemberi peringatan, dan untuk menjadi penyeru kepada agama Allah dengan izin-Nya dan menjadi cahaya yang menerangi.”¹³⁷

¹³⁴ Al-Quran dan Terjemahannya, op. cit., h. 169

¹³⁵ Abdullah Ahmad al-Allaf (2008), 1001 Cara Berdakwah, Surakarta: Ziyad Books, h.7

¹³⁶ Al-Quran dan Terjemahannya, op. cit., h. 778

¹³⁷ Ibid., h. 675

Sifat-sifat seorang pendakwah dalam ayat tersebut adalah saksi, pembawa berita gembira, pemberi ingatan, penyeru kepada agama Allah dan cahaya yang menerangi. Dengan sifat di atas, Rasulullah SAW telah melaksanakan perintah jihad iaitu menyampaikan agama Islam seluruh hidup baginda SAW.¹³⁸

Berdasarkan ayat-ayat di atas, secara umumnya sifat-sifat pendakwah adalah seperti berikut:

- a) Faham dan yakin dengan tanggungjawab menyebarluaskan risalah Tauhid kepada seluruh manusia
- b) Mementingkan tugas dakwah daripada kepentingan diri sendiri.
- c) Melaksanakan tugas dakwah seperti berjihad di medan perang.
- d) Bersikap lemah-lembut dan berhikmah apabila berkomunikasi dengan orang mukmin.
- e) Tegas dan berani menghadapi kemungkaran
- f) Bersikap keras terhadap orang musyrikin yang menentang Islam
- g) Tidak gentar menghadapi apa sahaja rintangan termasuklah cercaan orang.
- h) Yakin bahawa Allah sentiasa memberi pertolongan kepada orang Mukmin.
- i) Menyampaikan berita gembira seperti yang dikhabarkan dalam al-Quran kepada orang beriman
- j) Menyampaikan peringatan dan ugutan seperti yang dikhabarkan dalam al-Quran kepada orang kafir, munafik dan fasik.

Sifat-sifat pendakwah akan menentukan keberkesanan dakwah. Rasulullah SAW adalah model pendakwah yang paling sempurna. Baginda SAW bukan sahaja seorang nabi dan

¹³⁸ Abu Urwah (2005), *Risalah Usrah 5, Persediaan Asasi Dalam Gerakan Islam*, Selangor: Focus Approach Sdn. Bhd., h.17

rasul, tetapi baginda SAW adalah kekasih Allah dan rahmat bagi sekelian alam.¹³⁹

Firman Allah SWT dalam Surah āl-Ānbiyā' ayat 107 yang bermaksud:

*"Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekelian alam."*¹⁴⁰

Di masa kini, Islam telah tersebar ke seluruh dunia serta memerlukan jentera dakwah yang besar. Jentera dakwah terutamanya pendakwah perlulah mempunyai pengetahuan tentang sasaran dakwah mereka termasuklah mengetahui psikologi, kebudayaan, kepercayaan, keadaan sosial, ekonomi, politik dan kemampuan komunikasi sasaran.¹⁴¹

2.5.3 Isi Kandungan

Isi kandungan dakwah sangat luas. Ia mencakupi keseluruhan yang terkandung dalam agama Islam.¹⁴² Menurut Dr Yusuf Al-Qardhawi, nikmat paling berharga yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada manusia adalah nikmat hidayah iaitu agama Islam.¹⁴³ Ia adalah agama yang lengkap serta diiktiraf oleh Allah SWT. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Maidah ayat 3 bermaksud:

*"Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama kamu."*¹⁴⁴

Islam berasal daripada perkataan *salam* yang bermaksud penyerahan diri atau kesujudan diri kepada Allah.¹⁴⁵ Kalimah Islam tidak terikat pada tempat, masa, keturunan, suku atau

¹³⁹ Seyyed Hosseïn Nâṣr (2001), *Muhammad Insan Kamil*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2

¹⁴⁰ *Al-Quran dan Terjemahannya*, op. cit., h. 508

¹⁴¹ Ab Aziz Mohd Zin (1989), *Syahadah, Ibadah, Āṣābīh, Dakwah*, Selangor: Tempo Publishing Sdn. Bhd, h. 105

¹⁴² Ab. Aziz Mohd Zin (2001), *Metodologi Dakwah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 83

¹⁴³ Yusuf al-Qardhawi (2004), *Sanggahan Salah Tafsiran Islam* (terj. Abdul Rahman Rukaini), Selangor: Synergymate Sdn. Bhd, h. 3

¹⁴⁴ *Al-Quran dan Terjemahannya*, op. cit., h. 157

bangsa tertentu. Ia adalah agama yang diturunkan kepada para nabi yang diakhiri Nabi Muhammad SAW untuk dianuti oleh seluruh manusia.¹⁴⁶ Allah SWT hanya meredai Islam sebagai agama-Nya kerana ia digubal dan dicipta oleh-Nya.¹⁴⁷ Bahkan, sesiapa yang tidak menerima Islam telah dianggap kafir dan berpaling daripada kebenaran. Firman Allah SWT dalam Surah Ali-Imran ayat 85 bermaksud:

“Barangsiaapa mencari agama selain agama Islam, maka sekali-kali tidaklah akan diterima (agama itu) daripadanya, dan dia di akhirat termasuk orang yang rugi.”¹⁴⁸

Islam mempunyai tiga ciri utama yang menyempurnakan diri manusia iaitu aqidah, ibadah, dan akhlak.¹⁴⁹ Dengan tiga ciri ini Allah SWT memuliakan Islam di sisi-Nya. Firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran ayat 19 bermaksud:

“Sesungguhnya agama di sisi Allah ialah Islam.”¹⁵⁰

a) Akidah

Akidah berasal dari bahasa Arab yang bermaksud ikatan atau simpulan. Dari sisi istilahnya ia bermaksud kepercayaan yang terikat erat dalam jiwa sehingga tidak mungkin akan terlerai.¹⁵¹ Akidah Islam adalah kepercayaan terhadap seruan tauhid yang berpaksikan kalimah Syahadah iaitu meyakini bahawa hanya Allah SWT Tuhan dan Penguasa seluruh makhluk serta mengakui bahawa Nabi Muhammad SAW itu pesuruh Allah SWT. Seseorang yang mempunyai akidah yang kukuh dalam dirinya tidak akan berpaling daripada perintah-Nya serta menjauhi semua larangan Allah SWT.

¹⁴⁵ Mohd Sulaiman Hj Yasin (1987), *Pengantar Aqidah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 77

¹⁴⁶ *Ibid.*, h. 52

¹⁴⁷ *Ibid.*, h. 2

¹⁴⁸ *Al-Quran dan Terjemahannya*, *op. cit.*, h. 90

¹⁴⁹ Mohd Sulaiman Hj Yasin (1987), *op. cit.*, h. 13

¹⁵⁰ *Al-Quran dan Terjemahannya*, *op. cit.*, h. 78

¹⁵¹ Mohd Sulaiman Hj Yasin (1987), *op. cit.*, h. 167

Keutuhan akidah terbentuk dari jalinan tiga unsur iaitu unsur pemikiran (akal), daya memilih (*irādāh*) dan perasaan (*wūjdān*).¹⁵² Manusia meyakini akan kekuasaan Allah SWT melalui pancaindera yang kemudiannya diserapkan ke akal pemikiran (logik).

Sabda Rasulullah SAW bermaksud:

*“Agama itu akal. Tiada agama bagi seseorang yang tidak berakal.”*¹⁵³

Daripada pembuktian akal ini akan lahir kerelaan hati dan keyakinan yang hasilnya mengarahkan kepada perbuatan yang selaras dengan Islam. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Ankabut ayat 61 bermaksud:

*“Jika engkau bertanya kepada mereka (orang musyrik) itu “Siapakah yang menjadikan langit dan bumi serta memudahkan perjalanan matahari dan bulan?” nescaya mereka menjawab: “Allah”*¹⁵⁴

Teras akidah adalah meyakini rukun iman iaitu percaya kepada Allah SWT, percaya kepada malaikat, percaya kepada para rasul, percaya kepada kitab, percaya kepada hari kiamat, percaya kepada qada dan qadar.¹⁵⁵ Keyakinan terhadap rukun iman juga berkait rapat dengan tauhid. Seorang Muslim yang menyedari dirinya adalah khalifah dan hamba Allah SWT tidak akan mengingkari segala perintah-Nya serta menjauhi semua larangan-Nya. Antara kewajipan seseorang yang berpegang teguh dengan akidah Islam adalah menjauhi syirik, mendirikan sembahyang, meninggalkan maksiat dan sentiasa bertaubat.¹⁵⁶ Ini adalah kerana mereka meyakini bahawa setiap perbuatan yang

¹⁵² *Ibid.*, h. 171

¹⁵³ Usman El Muhammady (1970), *Ilmu Ketuhanan Yang Maha Esa*, Jakarta: DJ Timah, h. 57

¹⁵⁴ *Al-Quran dan Terjemahannya*, op. cit., h. 637

¹⁵⁵ Usman El Muhammady (1970), op. cit., h. 53-57

¹⁵⁶ *Ibid.*, h. 64

dilakukan adalah dalam kawalan Allah SWT. Firman Allah SWT dalam Surah Āl-Qāf ayat 16 bermaksud:

*“Dan sesungguhnya Kami Menciptakan manusia dan Kami Mengetahui apa-apa bisikan hatinya dan Kami lebih dekat kepadanya dari urat lehernya sendiri.”*¹⁵⁷

b) Ibadah

Kalimah ibadah bermaksud tunduk dengan serendah-rendahnya.¹⁵⁸ Ulama Tauhid mengatakan ibadah bermaksud mengesakan Allah, mentakzimkan-Nya dengan sepenuh kebesaran, menghinakan diri dan menundukkan jiwa kepada-Nya.¹⁵⁹ Ibadah juga adalah manifestasi keyakinan seorang mukmin terhadap akidah Islam. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah Āz-Zāriyat ayat 56 yang bermaksud:

*“Tidak Aku Menjadikan jin dan manusia melainkan supaya beribadah (menyembah) kepadaKu.”*¹⁶⁰

Ibadah Islam ditetapkan kepada setiap mukmin yang sempurna akal fikiran serta berilmu.¹⁶¹ Firman Allah SWT dalam Surah Al-Isra' ayat 107-109 bermaksud:

*“Sesungguhnya orang yang diberi ilmu pengetahuan sebelum itu, apabila al-Quran dibacakan kepada mereka, lantas mereka meniarap sujud. Dan mereka menjawab: Mahasuci Tuhan kami! Sesungguhnya janji Tuhan kami itu pasti berlaku. Dan mereka sujud sambil menangis, dan al-Quran itu menambahkan ketundukan hati mereka.”*¹⁶²

¹⁵⁷ *Al-Quran dan Terjemahannya*, op. cit., h. 852

¹⁵⁸ Hasbi Ash Shiddieqy (1994), *Kuliah Ibadah*, Selangor: Thinker's Library, h. 2

¹⁵⁹ *Ibid.*

¹⁶⁰ *Al-Quran dan Terjemahannya*, op. cit., h. 862

¹⁶¹ Usman El Muhammady (1970), op. cit., h. 69

¹⁶² *Al-Quran dan Terjemahannya*, op. cit., h. 440

Ibadah terbahagi kepada dua jenis iaitu ibadah yang wajib dilaksanakan seperti sembahyang, berpuasa di bulan Ramadan, membayar zakat, menunaikan haji, menutup aurat, menjauhkan perkara-perkara haram seperti syirik, bid'ah, zina dan mengumpat, mentaati ibu bapa, menghormati orang tua, bercakap benar dan memakan makanan halal. Manakala ibadah kedua adalah yang berbentuk galakan dan sunat seperti bersedekah, memberi salam, menziarahi orang sakit, memuji kebaikan orang lain, berselawat, berzikir, tahajud, mendoakan kebahagiaan orang lain dan menghadiri majlis ilmu.¹⁶³

Tujuan ibadah adalah mendekatkan seorang hamba kepada Pencipta-Nya iaitu Allah SWT.¹⁶⁴ Manusia adalah bersifat lemah dan selalu melakukan kemaksiatan, sama ada maksiat kecil atau besar. Oleh itu, ibadah dapat menyucikan diri manusia kembali kepada fitrahnya. Misalnya, ibadah zakat dapat membersihkan harta daripada kezaliman dan ibadah puasa dapat meningkatkan kesihatan tubuh badan manusia. Kesimpulannya, ibadah adalah kunci menjadikan seseorang itu bertakwa kepada Allah dan mendapat kedudukan yang tinggi di sisi-Nya. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Bāqarāh ayat 21 bermaksud:

“Wahai manusia, beribadahlah kamu kepada Tuhanmu, yang telah menjadikanmu dan telah menjadikan orang sebelummu, supaya yang demikian itu menyiapkan kamu untuk bertakwa kepada-Nya.”¹⁶⁵

¹⁶³ Hasbi Āṣḥ Shīddīeqy (1994), *op. cit.*, h. 60

¹⁶⁴ *Ibid.*, h. 10

¹⁶⁵ *Al-Quran dan Terjemahannya*, *op. cit.*, h. 11

c) Akhlak

Akidah yang benar dan ibadah yang sempurna akan menghasilkan akhlak yang mulia. Akhlak merupakan kesan daripada pemahaman Islam sehingga membentuk tingkah-laku atau tabiat yang baik kepada manusia. Rasulullah SAW adalah model akhlak kepada sekelian alam. Baginda menjadi teladan dalam setiap urusan baik bersifat individu, keluarga, masyarakat mahupun negara. Beberapa hadis Rasulullah SAW menunjukkan bahawa baginda SAW menyeru agar umatnya berakhlak mulia.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Bahawasanya aku diutus untuk menyampaikan akhlak yang mulia.”¹⁶⁶

“Sesungguhnya orang yang aku cintai dan lebih dekat padaku di hari kiamat adalah orang yang paling baik akhlaknya dalam kalangan kamu.”¹⁶⁷

“Akhlak Rasulullah itu Quran. Baginda reda kerana al-Quran reda dan baginda murka kerana al-Quran murka.”¹⁶⁸

Menurut Muhammad Ṣhādīq āl-Mīnsyāwī, para ulama bersetuju bahawa seluruh para nabi sebelum baginda SAW diutuskan berakhlak dengan akhlak mulia. Namun, Rasulullah SAW adalah pelengkap kepada akhlak para nabi sebelumnya.¹⁶⁹ Dr. Wahbah Zuhaili menggariskan akhlak yang mulia adalah bermula dengan akhlak terhadap diri sendiri, akhlak dengan Pencipta, dan akhlak dengan manusia. Misalnya, bersifat malu, menjaga pandangan dan nafsu, bersikap lemah-lembut kepada manusia

¹⁶⁶ Hadis riwayat Hakim dan Ahmad. Rujuk: Muhammad Ṣhādīq āl-Mīnsyāwī (2008), *Muhammad Bercerita Tentang Dirinya*, Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, h. 129

¹⁶⁷ Hadis riwayat Tirmizi, *ibid.*

¹⁶⁸ Hadis riwayat Muslim, *ibid.*, h. 130

¹⁶⁹ Muhamad Ṣhādīq āl-Mīnsyāwī (2008), *op.cit.*, h.130

dan binatang, meninggalkan percakapan yang sia-sia, menjaga kebersihan, memaafkan orang lain, memberikan senyuman dan menghormati tetamu.¹⁷⁰

Kesimpulannya, kandungan dakwah memperincikan segala ajaran Islam. Namun, ia tidak boleh disampaikan tanpa melihat kepada keadaan sasaran. Ini kerana, dakwah tidak terbatas pada penjelasan semata-mata sebaliknya ia juga menyentuh pembinaan dan pembentukan peribadi manusia.¹⁷¹

2.5.4 Sasaran Dakwah

Prof Ab. Aziz Mohd Zin mendefinisikan sasaran dakwah sebagai orang yang hendak didakwahkan atau orang yang hendak dikemukakan isi dan kandungan dakwah.¹⁷² Fathi Yakan menyebutkan bahawa sasaran dakwah itu bermacam-macam keadaan dan bermacam-macam perbezaan sama ada dari sudut umur, lapisan, pengetahuan, status, keadaan masyarakat, kecenderungan dan aliran pemikiran.¹⁷³ Secara umumnya, al-Quran menggariskan seruan dakwah berdasarkan perbezaan sasaran iaitu Islam, ahli kitab, golongan mulhid dan musyrikin.¹⁷⁴

a) Orang Islam

Orang Islam secara umumnya mempunyai latar belakang hidup yang pelbagai. Di antara mereka, ada yang tidak mengetahui agama Islam dengan baik. Berdakwah kepada orang Islam yang belum sempurna Islamnya lebih utama daripada berdakwah kepada non

¹⁷⁰ Dr. Wahbah Zuhaili (2005), *Ākhlāqūl Mūslīm ā'lāqāh Binnāfṣī Wāl Kāūn*, Damsyik: Darul Fikr, h. 5

¹⁷¹ Dr. Sayid Muhamad Nuh (2008), *op. cit.*, h. 16

¹⁷² Ab. Aziz Mohd Zin (2001), *op. cit.*, h. 5

¹⁷³ *Ibid.*, h. 6

¹⁷⁴ *Ibid.*, h. 7

Muslim.¹⁷⁵ Mereka yang dimaksudkan adalah orang Islam yang jahil, berlebihan dalam beramal dan melakukan maksiat. Allah SWT berfirman dalam Surah Āṣy-Syū'ārā ayat 214 bermaksud:

“Dan berilah peringatan kepada sanak-saudaramu yang terdekat.”¹⁷⁶

Berdasarkan ayat tersebut, dakwah hendaklah didahului dengan menyebarkannya dalam kalangan ahli keluarga. Selain itu, berdakwah kepada golongan muda Islam hendaklah didahulukan daripada yang tua kerana jiwa golongan muda lebih lembut dan mudah menerima.¹⁷⁷ Sayidina Ali juga berpesan agar berdakwah kepada orang lain berdasarkan kefahaman mereka.¹⁷⁸ Menurut Dr Yusuf al-Qardawi, dakwah Islam hendaklah dilaksanakan kepada umat Islam terlebih dahulu kemudian disusuli masyarakat seluruhnya. Umat Islam dipupuk untuk berfikiran jelas, memiliki akidah yang kukuh, berakhhlak mulia dalam kehidupan, beribadah kepada Allah serta bermuamalah dengan manusia, membangunkan ketamadunan masyarakat serta menegakkan kalimah Allah SWT di muka bumi ini.¹⁷⁹

b) Ahli Kitab

Ahli kitab adalah golongan yang telah diberikan Allah SWT kitab sebelum turunnya al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW. Mereka adalah golongan Nasrani (Kristian) dan Yahudi (Bani Israel). Golongan ahli kitab menolak Nabi Muhammad SAW sebagai nabi yang diutuskan kepada umat manusia di akhir zaman.¹⁸⁰

¹⁷⁵ Dr. Sayid Muhamad Nuh (2008), *op. cit.*, h. 63

¹⁷⁶ *Al-Quran dan Terjemahannya*, *op. cit.*, h. 589

¹⁷⁷ Dr. Sayid Muhamad Nuh (2008), *op. cit.*, h. 66

¹⁷⁸ Ab. Aziz Mohd Zin (2001), *op. cit.*, h. 84

¹⁷⁹ Dr. Yusuf al-Qardawi (1992), *Āwlāwīyat al-Hārakah al- Islāmiyah fī Mārḥālāt al-Qodīmāt*, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 16

¹⁸⁰ *Ibid.*, h. 107

c) Golongan Mulhid

Golongan mulhid adalah orang-orang yang tidak mempercayai adanya pencipta alam ini atau dipanggil atheis. Bagi golongan ini, kejadian alam dan manusia adalah semulajadi.¹⁸¹

d) Golongan Musyrikin

Golongan musyrikin adalah orang yang menyembah selain Allah. Mereka juga melakukan syirik iaitu mengadakan perantaraan patung untuk menyembah Allah, mengatakan Allah mempunyai anak dan mempersekuatkan Allah dengan sesuatu seperti yang dilakukan kaum musyrikin Mekah dan orang Kristian.¹⁸²

Firman Allah Taala dalam Surah An-Nisa ayat 136 bermaksud:

“Wahai orang yang beriman! Tetapkanlah iman kamu kepada Allah dan rasul-Nya dan kepada Kitab al-Quran yang telah diturunkan kepada rasul-Nya dan juga kepada kitab-kitab suci yang telah diturunkan sebelum itu, dan siapa yang kufur ingkar kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya dan hari akhirat, maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang sejauh-jauhnya.”¹⁸³

Menurut Ab Aziz Mohd Zin, secara umumnya dakwah adalah perlu bagi golongan yang beriman dan yang tidak beriman. Keadaan suasana hidup yang semakin kompleks dan penuh cabaran memerlukan suatu usaha dakwah yang teratur, sistematik, gigih dan besar-besaran.¹⁸⁴

¹⁸¹ *Ibid.*, h.116

¹⁸² Ab Aziz Mohd Zin (1989), *op.cit.*, h. 100

¹⁸³ *Al-Quran dan Terjemahannya*, *op. cit.*, h. 145

¹⁸⁴ Ab Aziz Mohd Zin (1989), *op. cit.*, h. 102

2.5.5 Metodologi Dakwah

Metodologi atau uslub bermaksud cara atau seni. Kata jamak dari uslub iaitu *āl-āṣālīb* bermaksud seni yang bermacam-macam. Selain itu, *āl-ūṣlūb* (metode) memberi erti jalan yang terbentang, arah, aliran atau seni.¹⁸⁵ Dr Abdul Majdi Sayyid Naufal mendefinisikan metodologi dakwah sebagai memaparkan apa yang hendak disampaikan berbentuk idea, prinsip atau hukum dengan ungkapan-ungkapan yang memiliki syarat-syarat tertentu.¹⁸⁶ Beliau juga mengaitkan metode dakwah sebagai seni penyampaian lisan pendakwah dalam merangkai kalimat dan memilih perkataan.¹⁸⁷ Firman Allah SWT dalam Surah az-Zumar ayat 23 yang bermaksud:

“Allah telah menurunkan perkataan yang paling baik (iaitu) al-Quran yang sama (mutu ayat-ayatnya) lagi berulang-ulang, gementar (orang membaca al-Quran) kerana takut kepada Tuhan mereka kemudian menjadi tenang kulit dan hati mereka sewaktu mengingati Allah. Itulah pentunjuk Allah yang mana Dia menunjuki siapa yang dikehendaki-Nya. Dan barangsiapa yang disesatkan Allah, nescaya tiada baginya seorang pemimpin pun.”¹⁸⁸

Uslub adalah komponen terpenting dalam dakwah kerana isi penyampaian dakwah hanya akan diterima oleh sasaran sekiranya teknik atau uslub yang digunakan itu menepati kehendak sasaran dakwah.¹⁸⁹ Ini adalah berdasarkan kepada firman Allah dalam Surah An-Nahl ayat 125 bermaksud:

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih

¹⁸⁵ Abdullah Ahmad al-Allaf (2008), *op. cit.*, h. 22

¹⁸⁶ *Ibid.*, h. 23

¹⁸⁷ *Ibid.*

¹⁸⁸ *Al-Quran dan Terjemahannya*, *op. cit.*, h.747

¹⁸⁹ Ab Aziz Mohd. Zin (1989), *op. cit.*, h. 103

baik, sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah juga yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat petunjuk.”¹⁹⁰

Dalam ayat tersebut, Allah SWT memberi pedoman kepada Rasulullah SAW tentang kaedah dakwah yang terbaik iaitu berdakwah dengan penuh hikmah dan bijaksana, berdakwah dengan nasihat dan pengajaran yang baik dan berdakwah dengan perbahasan dan perbincangan yang baik.¹⁹¹

Dalam menyebarkan dakwah Islam juga, Rasulullah SAW telah menggunakan pelbagai uslub seperti yang diterangkan dalam al-Quran dan sunnah.¹⁹² Rasulullah SAW mengajak para sahabat mempelbagaikan uslub dakwah iaitu dengan cara khutbah, contoh teladan, penyebaran risalah, kepimpinan tentera dan jihad. Kepelbagaian uslub ini tidak melepas garis yang dibenarkan Islam.¹⁹³ Antara ciri-ciri uslub dakwah adalah seperti berikut:

a) Mesej yang jelas

Keseluruhan kandungan agama Islam merupakan mesej dakwah. Menurut Rugayah Tibek, uslub dakwah perlulah jelas dan difahami oleh golongan sasaran. Sekiranya situasi dakwah memerlukan penerangan secara panjang lebar, maka mesej dakwah hendaklah panjang lebar. Begitu juga sekiranya mesej perlu dihuraikan secara ringkas, kiasan atau sindiran, maka ia mestilah disesuaikan dengan keadaan tersebut.¹⁹⁴

¹⁹⁰ Al-Quran dan Terjemahannya, op. cit., h. 421

¹⁹¹ Ab Aziz Mohd Zin (1989) op. cit., h.104

¹⁹² Siti Rugayah bt Hj Tibek (1999), op. cit., h. 77

¹⁹³ Ibid.

¹⁹⁴ Ibid., h. 58

b) Menarik

Menurut Ab Aziz Mohd Zin, dakwah harus dipersembahkan kepada sasaran dalam bentuk yang cantik, sama ada dari sudut lahir atau batin. Ini kerana tabiat manusia adalah menyukai benda-benda yang cantik.¹⁹⁵ Mesej dakwah perlulah disampaikan dengan cara yang menarik perhatian sasaran seperti menggunakan media elektronik iaitu televisyen, radio, surat khabar, majalah, buku, laman web, panggung wayang di samping selain kaedah konvesional seperti ceramah dan khutbah. Keadaan ini adalah disebabkan oleh sifat manusia yang sukakan sesuatu yang baru dan menarik.¹⁹⁶

Di zaman kini, perkembangan media elektronik mempunyai peluang yang baik kepada dakwah. Ia boleh digunakan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan, memperkuatkan akidah Islam, mempertingkatkan kemuliaan budi, mengingatkan generasi Muslimin kini tentang sejarah lalu, mengarahkan umat kepada kebaikan serta mendidik anak-anak mencintai ilmu yang bermanfaat.¹⁹⁷ Televisyen misalnya memberi pengaruh yang amat besar kepada masyarakat. Televisyen mampu menganalisis pemikiran dan kecenderungan masyarakat. Sekiranya televisyen memaparkan rancangan-rancangan yang tidak bermanfaat dan berbaur negatif seperti hedonis, cinta, ganas, lucah, seram dan sekular, itu menunjukkan keadaan masyarakat adalah seperti yang dipaparkan.¹⁹⁸ Maka, adalah penting bagi para pengkarya Islam untuk menghasilkan rancangan-rancangan dakwah yang menarik di televisyen. Selagi ia tidak memberi dan menerima mudharat, maka kaedah-

¹⁹⁵ Ab Aziz Mohd Zin (1997), *Pengantar Dakwah Islamiah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 99

¹⁹⁶ Zasia binti Sirin (2001), *op. cit.*, h. 8

¹⁹⁷ Haji Abdul Ghani Samsudin *et al.*(2001), *Seni Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Intel Multimedia And Publication, h. 73

¹⁹⁸ Ramli Mohamed (2003) *Sinema dan Penontonan di Malaysia*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, h. 4

kaedah yang menarik adalah diperbolehkan di dalam Islam.¹⁹⁹ Ini bersesuaian dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud :

*“Tidak ada kemudharatan dan tidak boleh berbuat mudarat.”*²⁰⁰

c) Mudah difahami

Menurut Dr Abdul Karim Zaidan, pendakwah tidak perlu menerangkan urusan-urusan agama secara detail sekiranya ia menghalang sasaran memahami akidah Islam dengan tepat.²⁰¹ Beliau bersandarkan kepada metode Rasulullah SAW yang tidak menganggap berhala-berhala di sekitar kaabah sebagai penghalang dakwah baginda SAW di Mekah. Pendakwah perlulah menyampaikan dakwah dengan jelas dan mudah serta bersifat *tārgīb* dan *tārhib*.²⁰²

Tārgīb bermaksud memberikan kegembiraan agar dapat menarik sasaran kepada Islam. Manakala *tārhib* pula adalah menimbulkan rasa takut kepada sasaran untuk menolak kebenaran Islam yang disampaikan. Metode ini telah digunakan di dalam al Quran antaranya dalam Surah al-Tāqibūn ayat 8 dan 9 yang bermaksud:

“Sebab itu hendaklah kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan cahaya (al-Quran) yang Kami turunkan kepadanya. Allah mengetahui apa-apa yang kamu kerjakan. Allah bakal menghimpunkan kamu pada hari perhimpunan (kiamat) itulah hari kecoh- mengecoh (antara orang Mukmin dengan orang kafir). Barangsiapa yang beriman kepada Allah serta beramal soleh nescaya Allah menutupi (mengampuni) kesalahannya dan dimasukkannya ke

¹⁹⁹ Abdul Ghani Samsudin (2001), *op. cit.*, h. 75

²⁰⁰ *Ibid.*, h. 76

²⁰¹ Abdul Karim Zaidan (1980), *Dasar-Dasar Ilmu Dakwah 2*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam, h.187

²⁰² *Ibid.*, h. 208

dalam syurga yang mengalir air sungai di bawah pohon-pohon kayunya, serta kekal di dalamnya. Itulah kemenangan yang besar.”

Dalam ayat yang lain, Allah turut memberi amaran kepada golongan kafir antaranya Surah Nuh ayat 1 hingga 4 yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami mengutuskan Nuh kepada kaumnya, firman Kami: Hendaklah engkau menanamkan rasa takut kaummu sebelum tiba siksa yang pedih. Berkata Nuh: Hai kaumku, sesungguhnya saya memberi ancaman yang nyata kepadamu. Hendaklah kamu menyembah Allah dan takutlah kepada-Nya dan turutilah perkataanku. Nescaya Allah mengampuni dosamu dan melambatkan umurmu hingga waktu yang ditentukan. Sesungguhnya janji Allah itu, apabila datang tidak dilambatkan jika kamu mengetahuinya.”

Selain itu, Dr Abdul Karim menegaskan bahawa bahasa adalah penting kerana ia berkesan di jiwa manusia.²⁰³ Bahasa yang baik dan mudah akan dapat memimpin manusia menerima kebenaran.

2.6 DRAMA DAKWAH MENURUT TEORI SASTERA ISLAM

Sastera merupakan ciri kesenian yang terdapat di dalam al-Quran.²⁰⁴ Setiap baris, huruf dan kalimah yang terkandung di dalamnya adalah keindahan yang tidak boleh ditandingi oleh manusia.²⁰⁵ Sastera al-Quran bertujuan membersihkan jiwa manusia, luaran dan dalaman serta menekankan hubungan sesama manusia bagi faedah sejagat. Sastera al-Quran juga

²⁰³ *Ibid.*, h.260

²⁰⁴ Osman Haji Khalid (1999), *Kesusasteraan Arab Zaman Permulaan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 131

²⁰⁵ Nurazmi Kuntum (1991), *Teori Dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 3

menyampaikan mesej dakwah dengan kiasan sehingga kekerasan menjadi lembut dan berisi keindahan.²⁰⁶

Sastera prosa berkembang dengan baik dalam sejarah pemerintahan Islam. Di zaman Rasulullah SAW, bentuk sastera yang sering digunakan untuk menyebarkan risalah Islam adalah puisi, pidato dan bingkisan surat.²⁰⁷ Antara sasterawan di zaman baginda SAW ialah Hassan bin Ṭṣābiṭ, Abdullah bin Rawahah dan Kā'ab bin Malik.²⁰⁸ Kedatangan Islam ke Tanah Melayu pada abad ke - 11 telah mengembangkan bentuk sastera prosa seperti hikayat, kisah, cerita berbingkai, bangsawan, puisi, cerpen, novel dan drama.²⁰⁹

Pendefinisian drama dakwah telah dilakukan oleh para sarjana tempatan melalui Teori Sastera Islam. Mana Sikana melalui Teori Ṭāābūḍīyah menjelaskan drama dakwah mempunyai tujuh ciri iaitu iaitu tidak bertentangan dengan akidah dan syariat Islam, mengajak manusia kepada kebaikan serta memancarkan sikap dan akhlak Islam, menentang segala bentuk kezaliman, meletakkan yang hak di tempatnya dan menghormati sesama manusia. Drama juga ditulis dengan niat sebagai ibadah dan mendapat keredaan Allah serta hubungan dengan Allah digambarkan ṭāābūḍīah, manakala hubungan sesama manusia digambarkan insaniah. Drama hendaklah menggambarkan kisah manusia yang berjuang menegakkan keadilan dan membenci kezaliman dan terakhir, drama mestilah menggambarkan permasalahan sosial manusia tetapi penyelesaiannya adalah pendekatan Islam.²¹⁰

²⁰⁶ *Ibid.*

²⁰⁷ Osman Haji Khalid (1999), *op. cit.*, h. 180

²⁰⁸ Nurazmi Kuntum (1991), *op. cit.*, h.6

²⁰⁹ *Ibid.*, h. 102

²¹⁰ Mana Sikana (1983), *Esei dan Kritikan Agama*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 103

Manakala Nurazmi Kuntum berpendapat bahawa drama-drama dakwah hendaklah membawa tema pemikiran Islam antaranya tema ketuhanan, kenabian, jihad, sembahyang, akhlak, masyarakat, kehidupan dunia, alam atau nikmat, kematian, keinsafan, Islam atau al-Quran, keimanan, yakin dan takwa.²¹¹

Hasyim Awang dalam Teori Pengkaedahan Melayu berpandangan bahawa kreativiti Islam termasuk drama perlu dijiwai sepenuhnya oleh ciri-ciri rabbiah. Penciptaannya itu bukan sahaja memancarkan pengakuan luhur tentang kewujudan Allah yang memiliki segala kemuliaan dan kesempurnaan, tetapi juga secara langsung mengungkapkan sifat-sifat kebesaran dan kekayaan Allah. Ia berperanan menyerlahkan erti kewujudan Allah SWT.²¹² Bagi mengakui bahawa alam ini adalah kreativiti Allah kemudian melahirkan sumber atau ilham pada manusia, Hasyim memetik ayat 38 Surah Qaf yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami telah menciptakan langit dan bumi dan apa yang ada di antara keduanya dalam enam hari dan Kami tidak merasa lelah barang sedikit pun.”

Menurutnya lagi, drama dakwah perlu menerapkan nilai-nilai keindahan dan kebaikan. Ia tidak boleh dihasilkan dalam bentuk yang bebas lepas dan kasar melainkan dengan bersandarkan kepada pegangan yang benar dan kudus, iaitu kepercayaan kepada kewujudan Allah dan pengakuan sifat-sifat kebesaran, kekuasaan, kekayaan dan kesempurnaan-Nya.²¹³

Berdasarkan Teori Takmilah yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar, drama dakwah dihasilkan bertujuan mengangkat sifat-sifat kesempurnaan Allah SWT antaranya Jalal, Kamal dan Jamal. Sebagai makhluk yang lemah, manusia merindukan kesempurnaan

²¹¹ Nurazmi Kuntum (1991), *op. cit.*, h.149

²¹² Hasyim Awang (1995), Metodologi Kesuasteraan Islam: Kaedah Penilaian dalam *Nadwah Ketaqwaan Melalui Kreativiti* (penyelenggara oleh S. Jaafar Husin), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.30

²¹³ *Ibid.*, h.36

(Kamal) melalui jalan seni (Jamal) termasuklah dalam bidang penulisan. Ia merupakan antara kaedah dalam membina konsep khalifah bagi insan Kamil melalui didikan Rābb hingga menjadi Insan Khalifah Kamil Rabbani.²¹⁴ Drama dakwah berperanan mentakmilah dan memupuk kehalusan budi bagi individu dan masyarakat untuk menjadi masyarakat yang berperadaban. Inspirasi seperti ini dapat dicontohi daripada al-Quran²¹⁵ Shafie turut berpandangan bahawa drama dakwah tidak terasing daripada penggiatnya seperti penulis, pengarah, pelakon dan khalayak yang menerimanya. Ia haruslah difahami dan tidak terhad kepada teks semata-mata.²¹⁶

Teori Takmilah juga cuba merincikan ilmu Tauhid yang menjelaskan tentang kesempurnaan Allah SWT sebagai Pencipta dan Tuhan seluruh makhluk. Allah SWT bersifat hakiki manakala manusia dan alam bersifat lemah.²¹⁷ Kesempurnaan Allah SWT menjadi sandaran kepada manusia untuk menghasilkan aktiviti ilmu yang sempurna (Kamal) dan indah (Jamal). Salah satu aktiviti ilmu adalah berkreativiti dalam penulisan skrip drama.

Seterusnya, drama dakwah dapat dijelaskan dengan menyorot Teori Persuratan Baru yang digagaskan oleh Mohd Affandi Hassan. Menurutnya, drama dalam kolumn sastera Islam hendaklah difahami melalui pendekatan tauhid yang memberi perhatian kepada tiga perkara pokok iaitu hakikat insan, hakikat ilmu dan hakikat serta fungsi sastera.²¹⁸ Drama misalnya perlulah mengembalikan manusia kepada hakikat penciptaan mereka iaitu menjadi hamba dan khalifah Allah di muka bumi. Dengan itu, ia menggerakkan potensi rohani, jasmani dan

²¹⁴ Shafie Abu Bakar (1995), *Takmilah: Teori Sastera Islam dlm Nadwah Ketaqwaan Melalui Kreativiti*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 52

²¹⁵ *Ibid.*, h. 55

²¹⁶ *Ibid.*, h. 51

²¹⁷ Kamariah Kamarudin (2006), “Novel-Novel Berunsur Islam: Satu Analisis Berdasarkan Teori Takmilah.” (Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya), h. 12

²¹⁸ Mohd Affandi Hassan (2005), *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.4

akal manusia untuk memiliki peribadi takwa. Hal ini hanya terdapat dalam drama Islam yang tidak memisahkan aspek keindahan dan kebenaran.

Drama dakwah adalah bertitik-tolak daripada penulisnya iaitu penulis yang beradab, beriman dan mengerjakan amal soleh. Penulis hendaklah menggunakan akal, pengalaman dan wahyu dalam menghasilkan drama. Oleh itu, mereka akan meyakini kewujudan Allah dan hari Akhirat.²¹⁹ Firman Allah Taala dalam Surah 26 ayat 221 hingga 227 bermaksud:

“Apakah akan Aku beritakan kepadamu, kepada siapa syaitan-syaitan itu turun? Mereka turun kepada tiap-tiap pendusta lagi yang banyak dosa, mereka menghadapkan pendengaran (kepada syaitan) itu, dan kebanyakan mereka adalah orang-orang pendusta. Dan penyair-penyair itu diikuti orang yang sesat. Tidakkah kamu melihat bahwasanya mereka mengembara di tiap-tiap lembah, dan bahwasanya mereka suka mengatakan apa yang mereka sendiri tidak mengerjakannya? Kecuali orang-orang (penyair-penyair) yang beriman dan beramal soleh dan banyak menyebut Allah dan mendapat kemenangan sesudah menderita kezaliman. Dan orang-orang yang zalim itu kelak akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali.”

Mohd Affandi merumuskan bahawa drama sebagai alat sastera yang bertanggungjawab mengenalkan hakikat insan, ilmu dan amal dengan pandangan Tauhid. Penulis bukan sahaja mempersesembahkan buah fikiran, idea atau gagasan yang baik tetapi turut menguasai teknik persembahan karyanya.²²⁰ Justeru drama dakwah adalah drama yang padat dengan kebenaran serta tidak berpisah dengan keindahan.

²¹⁹ *Ibid.*, h.13

²²⁰ *Ibid.*, h.29

Pandangan Mohd Affandi mempunyai persamaan dengan pandangan Shahnon Ahmad yang mengemukakan teori sastera Islam bahawa sastera mestilah berteraskan kerana Allah dan berhikmah untuk manusia. Seni sastera termasuk drama hendaklah membawa kemanfaatan dan kebaikan kepada manusia di dunia dan juga di akhirat.²²¹

Shahnon melihat penulisan sastera Islam termasuk drama adalah bertitik-tolak daripada diri pengarang. Pengarang perlu mengukuhkan hubungannya dengan Allah bagi menghasilkan karya yang mempunyai nilai kebaikan, kebenaran dan keindahan. Drama yang bertentangan dengan tiga konsep tersebut tidak mencapai tahap karya Islam. Shahnon mengatakan seperti berikut:

“Apabila hati pengarang telah terbukti kesuciannya, maka tidak akan ada lagi karya-karya yang lucah yang sengaja hendak membiasukan nafsu masyarakat, tidak akan ada lagi karya-karya yang tidak membawa fungsi sosial seperti yang dikehendaki oleh Islam.”²²²

Pengarang perlulah menghubungkan dirinya dengan Allah bagi menghasilkan karya yang dapat membimbing manusia. Konsep inilah yang membezakan antara karya Islam dengan karya umum.²²³

Kesimpulannya, bidang drama adalah salah satu ciri sastera yang tidak boleh terpisah daripada agama. Semua teori sastera Islam yang digariskan di atas meletakkan tauhid sebagai intipati drama dakwah.

²²¹ Shahnon Ahmad (1987), “Sastera Islam Berteraskan Pandangan Hidup Islam”, *Polemik Sastera Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 28

²²² *Ibid*, h. 47

²²³ *Ibid*, h. 49

2.7 SKRIP DRAMA DAKWAH

Skrip atau lakon layar adalah cerita bergambar yang menjadi panduan sesebuah drama atau filem. Ia akan menjadi rujukan pengarah dan para pelakon untuk membentuk sesebuah drama menjadi menarik dan berkesan.²²⁴ Skrip mempunyai komponen-komponen yang membentuknya menjadi sebuah naskhah lakon layar yang baik. Komponen tersebut adalah seperti berikut:

2.7.1 Idea dan cerita.

Idea merupakan subjek yang ingin dikemukakan di dalam cerita. Ia mestilah mengisarkan tentang aksi dan watak. Aksi ialah perkara yang berlaku melibatkan fizikal dan emosi manakala watak ialah kepada siapa perkara ini berlaku.²²⁵ Sebagai contoh, seseorang penulis ingin menceritakan tentang Khalifah Salahuddin al-Ayubi yang berjaya membebaskan Masjidil Āqṣā, justeru dia hendaklah memberi perhatian kepada watak Salahuddin al-Ayubi dan aksinya semasa membebaskan Masjidil Āqṣā. Dalam drama dakwah, idea hendaklah dijelaskan melalui aksi dan watak yang tepat. Misalnya, jika idea berkenaan dengan pembunuhan atau perompakan maka aksi tersebut perlu dilakukan oleh watak yang tidak beriman kepada Allah. Hal ini kerana ia bercanggah dengan sifat seorang mukmin. Firman-Nya dalam Surah al-Mukminun ayat 1 hingga 11 bermaksud:

'Sungguh beruntung orang yang beriman, iaitu orang yang khusyuk dalam solatnya, dan orang yang menjauhkan diri daripada (perkataan dan perbuatan) yang tidak berguna, dan orang yang menunaikan zakat, dan orang yang memelihara kemaluannya, kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau hamba sahaya yang mereka miliki, maka sesungguhnya

²²⁴ S.W Dawson (1970), *Drama And The Dramatic, The Critical Idiom*, USA: Harper&Row Publishers, INC., h. 2

²²⁵ Syd Field (1993), *op. cit.*, h. 8

mereka tidak tercela. Tetapi barangsiapa yang mencari sebalik itu (zina dan sebagainya) maka mereka itulah orang yang melampaui batas. Dan sungguh beruntung orang yang menjaga amanat dan janjinya, serta orang yang memelihara solatnya, mereka itulah orang yang akan mewarisi Firdaus. Mereka kekal di dalamnya.’

Drama dakwah juga memerlukan tema khusus kerana ia adalah inti cerita.²²⁶ Misalnya, drama dakwah bertemakan pendidikan, kekeluargaan, cinta, politik dan lain-lain. Othman Puteh mencadangkan agar tema cerita dicatat secara ringkas dan padat bagi membantu penulis mengembangkan ceritanya.²²⁷ Drama yang mempunyai tema adalah drama yang jelas dan tidak tersasar matlamat penceritaannya.

Menurut Zabidi Mohamaed, naskhah skrip bukannya berisi dialog semata-mata tetapi mengandungi visual dan *sub-text*. Bunyi-bunyian dan persekitaran juga adalah sebahagian daripada skrip.²²⁸ Berikut merupakan perbezaan skrip drama televisyen dengan penulisan kreatif yang lain dalam menjelaskan idea dan cerita kepada khalayak.

BUKU	TEATER	RADIO	TELEVISYEN
Idea dan cerita ditulis dengan perkataan.	Idea dan cerita ditulis dengan perkataan.	Idea dan cerita dilontarkan.	Idea dan cerita divisualkan.
Khalayak hanya menerima perasaan karakter melalui pembacaan.	Khalayak dapat mendengar dan melihat karakter di pentas.	Khalayak hanya mendengar pertuturan karakter.	Khalayak menyaksikan karakter melalui visual.

JADUAL 2.1 : Perbezaan Skrip Drama TV Dengan Penulisan Kreatif Lain

²²⁶ Othman Puteh (2001), *op. cit.*, h. 10

²²⁷ *Ibid.*, h. 13


²²⁸ Zabidi Mohamed (2009), “Modul Skrip Drama Televisyen Islam”(Kertas Kerja dibentang dalam Bengkel Penulisan Skrip Drama Televisyen di Galeri Ilmu Sdn. Bhd. 7 November 2009), h.1

Tugas utama drama televisyen adalah memaparkan kepada khalayak secara visual apa yang sedang berlaku bukan memberitahu apa yang sedang berlaku. Oleh itu, skrip tidak hanya mengandungi dialog yang panjang seperti novel dan drama radio untuk menerangkan cerita. Sebaliknya, khalayak difahamkan melalui dialog, pergerakan, emosi, serta bunyi dalam drama televisyen dan teater. Walau bagaimanapun, khalayak dapat berinteraksi langsung dengan pelakon melalui teater, dan ini tidak berlaku pada drama televisyen. Ciri-ciri ini menunjukkan setiap genre mempunyai keunikan masing-masing dalam menerangkan cerita kepada khalayak.

2.7.2 Plot

Manu Sikana mengatakan bahawa plot adalah skima aksi yang berkembang daripada rentetan peristiwa yang disusun secara bersambung-sambung di atas dasar sebab dan akibat. Plot drama berkembang mengikut konflik.²²⁹ Syd Field menegaskan bahawa plot sesebuah drama terdiri daripada bahagian permulaan, pertengahan dan pengakhiran.²³⁰

Berikut merupakan paradigma plot yang dikemukakan oleh Syd Field.



²²⁹ Mana Sikana (1988), *op.cit.*, h.12

²³⁰ Syd Field (1993), *op. cit.*, h. 1

JADUAL 2.2: Plot Skrip Drama Televisyen

Bahagian permulaan dikenali sebagai setup iaitu dari halaman 1 hingga 30. Syd Field menjelaskan bahawa 1 halaman adalah sama dengan 1 minit masa tayangan. Oleh itu, 30 minit tayangan pertama lakon layar dikira sebagai bahagian permulaan drama. Ia adalah bahagian penting untuk menarik hati penonton. Syd Field mengatakan penulis perlu menonjolkan watak utama dan masalah cerita di sepuluh halaman pertama.²³¹ Di akhir bahagian permulaan terdapat titik plot yang berlaku pada halaman 25 hingga 27. Titik plot ialah satu kejadian yang memutarkan arah perjalanan cerita.

Bahagian kedua pula dikenali sebagai bahagian konfrontasi iaitu dari halaman 30 ke halaman 90. Bahagian ini mengandungi konflik dan halangan watak. Drama tidak akan wujud tanpa konflik. Titik plot bahagian konfrontasi berlaku di halaman 85 hingga 90 yang mengarahkan kepada resolusi cerita.²³² Dalam penulisan skrip drama, penulis bertanggungjawab untuk mendapatkan perhatian penonton dengan menimbulkan konflik-konflik yang berkesan. Konflik tersebut bergerak ke arah resolusi cerita.²³³

Manakala bahagian ketiga dikenali sebagai resolusi yang terjadi di halaman 90 hingga halaman 120. Bahagian ini memaparkan penyelesaian konflik. Lakon layar dikira berjaya sekiranya resolusi tersebut jelas dan lengkap serta menjawab permasalahan cerita.²³⁴

²³¹ *Ibid.*, h. 3

²³² *Ibid.*, h.4

²³³ *Ibid.*, h.14

²³⁴ *Ibid.*

Drama dakwah boleh mengaplikasikan jenis-jenis plot yang terdapat dalam al-Quran. Misalnya, dalam Surah Yusuf, Allah SWT mengemukakan kisah kehidupan Nabi Yusuf AS dalam bentuk kronologi bermula daripada baginda kecil sehingga baginda dilantik menjadi pemimpin. Dalam surah ini juga, pelbagai peristiwa menarik dirakam untuk pengajaran manusia sama ada berbaur cemas, sedih, kezaliman kemudiannya berakhir dengan kegembiraan dan pembalasan yang setimpal.

Berikut adalah kronologi plot dalam Surah Yusuf.

1. Perjalanan hidup Yusuf AS sebagai insan pilihan Allah bermula dengan mimpiya ketika kecil. Mimpi pelik itu diceritakan kepada ayahnya yang juga seorang nabi Allah. Firmannya dalam Surah Yusuf ayat 4 bermaksud:
“Ingatlah, ketika Yusuf berkata pada ayahnya, “Wahai ayahku! Sungguh aku bermimpi melihat sebelas bintang, matahari dan bulan, kulihat semuanya sujud kepadaku.”
2. Nabi Yaakub AS berpesan kepada Yusuf agar tidak menceritakan mimpi tersebut kepada abang-abangnya dibimbangi mereka akan dendki kepada Yusuf AS. Firmannya dalam Surah Yusuf ayat 5 bermaksud:
“Dia (ayahnya) berkata, “Wahai anakku! Janganlah engkau ceritakan mimpimu kepada saudara-saudaramu, mereka akan membuat tipu daya (untuk membinasakanmu). Sungguh, syaitan itu musuh yang jelas bagi manusia.”

3. Abang-abang Yusuf AS menyedari bahawa adik mereka lebih disayangi oleh bapa mereka. Hal ini menumbuhkan rasa dengki dan cemburu. Abang-abang Yusuf membuat rancangan untuk menjauhkan Yusuf dengan bapa mereka, Yaakub AS. Firman Allah SWT dalam Surah Yusuf ayat 8 dan 9 yang bermaksud:

Ketika mereka berkata, “Sesungguhnya Yusuf dan saudaranya (Bunyamin) lebih dicintai ayah daripada kita, padahal kita adalah satu golongan yang kuat. Sungguh, ayah kita dalam keliru yang nyata.”

“Bunuhlah Yusuf atau buanglah ke suatu tempat agar perhatian ayah beralih kepadamu, dan setelah itu kamu menjadi orang yang baik.”

4. Abang-abang Yusuf AS memujuk ayah mereka untuk membawa Yusuf berjalan. Mereka berpura-pura baik bagi mendapat keizinan Yaakub AS. Firman Allah SWT dalam Surah Yusuf ayat 11 dan 12 yang bermaksud:

Mereka berkata, “Wahai ayah kami! Mengapa engkau tidak mempercayai kami terhadap Yusuf, padahal sesungguhnya kami semua menginginkan kebaikan baginya. Biarkanlah dia pergi bersama kami besok pagi, agar dia bersenang-senang dan bermain-main, dan kami pasti menjaganya.”

5. Yusuf AS dibuang ke dalam perigi. Abang-abangnya pulang dan berpura sedih di hadapan bapa mereka, Yaakub AS. Firman Allah SWT dalam Surah Yusuf ayat 16 yang bermaksud:

Kemudian mereka datang kepada ayah mereka pada petang hari sambil menangis.

6. Yusuf AS yang berada dalam perigi dijumpai oleh musafir yang mencari air. Dia kemudiannya dijual dengan harga yang rendah. Firman Allah SWT dalam ayat 19 dan 20 yang bermaksud:

Dan datanglah sekelompok musafir, mereka menyuruh seorang mengambil air. Lalu dia menurunkan timbanya. Dia berkata, “Oh, senangnya, ini ada seorang anak muda!” kemudian mereka menyembunyikannya sebagai barang dagangan. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang mereka kerjakan. Dan mereka menjualnya (Yusuf) dengan harga rendah, iaitu beberapa dirham sahaja, sebab mereka tidak tertarik kepadanya.

7. Yusuf AS kemudiannya dibeli oleh seorang lelaki dari Mesir yang kemudiannya membawa Yusuf AS pulang. Lelaki itu berpesan kepada isterinya agar menjadikan Yusuf AS sebagai anak mereka. Firman Allah SWT dalam Surah Yusuf ayat 21 yang bermaksud:

Dan orang dari Mesir yang membelinya berkata kepada isterinya, “Berikanlah kepadanya tempat (layanan) yang baik. Mudah-mudahan dia bermanfaat bagi kita atau kita pungut dia sebagai anak.” Dan demikianlah Kami memberikan kedudukan yang baik kepada Yusuf di Mesir. Dan agar Kami ajarkan kepadanya takwil mimpi. Dan Allah berkuasa terhadap urusan-NYA tetapi kebanyakan manusia tidak mengerti.

8. Kisah Yusuf AS semakin tragis apabila wanita yang membelanya jatuh cinta kepadanya. Wanita tersebut menggoda Yusuf AS tetapi Yusuf menolak dan mahu melarikan diri namun bajunya telah ditarik sehingga koyak. Peristiwa itu telah disaksikan oleh suami wanita tersebut. Apabila diadili ternyata

Yusuf AS dipihak yang benar. Firman Allah SWT dalam Surah Yusuf ayat 28 bermaksud:

Maka ketika dia (suami wanita itu) melihat baju gamis (Yusuf) koyak di bahagian belakang, dia berkata, “Sesungguhnya ini adalah tipu dayamu. Tipu dayamu benar-benar hebat.”

9. Peristiwa tersebut telah tersebar menyebabkan si wanita itu berasa malu. Dia memanggil rakan-rakannya untuk melihat ketampanan Yusuf. Dia juga mengugut Yusuf jika tidak mengikut kemahuannya, Yusuf AS akan dipenjarakan. Yusuf kemudian memilih untuk tinggal di penjara. Firman Allah SWT dalam Surah Yusuf ayat 33 yang bermaksud:

Yusuf berkata, “Wahai Tuhanaku! Penjara lebih aku sukai daripada memenuhi ajakan mereka. Jika aku Engkau tidak hindarkan dari tipu daya mereka, nescaya aku akan cenderung untuk (memenuhi keinginan mereka) dan tentu aku termasuk orang yang bodoh.”

10. Di dalam penjara, Yusuf AS menyebarkan dakwah serta menjadi pentafsir mimpi penghuni-penghuni penjara. Kelebihan Yusuf kemudian diketahui oleh raja yang bermimpi pelik. Yusuf berjaya menafsirkan mimpi raja dan kemudian menceritakan hal yang sebenar tentang dirinya. Raja memanggil wanita-wanita yang menfitnah Yusuf bagi menerangkan keadaan Yusuf AS yang teraniaya. Yusuf mahu tuan yang menjaganya tahu bahawa dia tidak pernah melakukan perkara yang jahat. Firman Allah SWT dalam Surah Yusuf ayat 52 bermaksud:

“(Yusuf berkata): “Yang demikian itu agar dia (al-Aziz) mengetahui bahawa aku benar-benar tidak mengkhianatinya ketika dia tidak ada (di

rumah), dan bahawa Allah tidak meredhoi tipu daya orang-orang yang berkhianat.”

11. Kehidupan Yusuf semakin baik apabila raja mahu melantiknya menjadi pemimpin masyarakat. Yusuf menawarkan diri menjadi perdana menteri di Mesir. Firman Allah SWT dalam Surah Yusuf ayat 54 dan 55 bermaksud:

Dan Raja berkata, “Bawalah dia (Yusuf) kepadaku, agar aku memilih dia (sebagai orang yang dekat) kepadaku.” Ketika dia (Raja) telah bercakap-cakap dengan dia, raja berkata: “Sesungguhnya kamu mulai hari ini menjadi seorang yang berkedudukan tinggi di lingkungan kami dan dipercayai.”

Dia (Yusuf) berkata, “Jadikanlah aku Perdana Menteri Mesir, kerana sesungguhnya aku orang yang pandai menjaga dan berpengetahuan.”

12. Ketika menjadi Perdana Menteri, Yusuf berjumpa semula dengan abang-abang yang telah membuangnya. Namun, mereka tidak mengenali Yusuf. Yusuf meminta abang-abangnya itu membawa Bunyamin iaitu saudara kandung Yusuf menemuinya. Ayah mereka, Yaakub tidak mengizinkan kerana masih sedih dengan kehilangan Yusuf dahulu. Anak-anaknya itu bersumpah akan menjaga Bunyamin dengan baik. Firman Allah SWT dalam Surah Yusuf ayat 66 bermaksud:

Dia (Yaakub) berkata, “Aku tidak melepaskannya pergi bersama kamu, sebelum kamu bersumpah kepadaku atas nama Allah, bahawa kamu pasti akan membawanya kepada kembali, kecuali jika kamu dikepung oleh

musuh.” Setelah mereka mengucapkan sumpah, dia (Yaakub) berkata, “Allah adalah saksi terhadap apa yang kita ucapkan.”

13. Yusuf mengatur strategi untuk menginsafkan saudara-saudaranya yang telah membuangnya di pergi dahulu. Dia mengarahkan pembantunya meletakan barang di tempat adiknya Bunyamin. Akibatnya, Bunyamin terpaksa ditinggalkan di Mesir. Hal ini mengecewakan saudara-saudara mereka yang lain kerana tahu Yaakub akan bertambah sedih dengan kehilangan Bunyamin. Yaakub menjadi buta menangisi kehilangan Yusuf. Firman Allah SWT dalam Surah Yusuf ayat 84 bermaksud:

Dan dia (Yaakub) berpaling dari mereka (anak-anaknya) seraya berkata, “Aduhai dukacitaku terhadap Yusuf.” Dan kedua matanya menjadi putih kerana sedih. Dia diam menahan amarah (kepada anak-anaknya).

14. Yaakub telah mengarahkan anak-anaknya mencari Yusuf dan Bunyamin hingga berjumpa. Mereka terpaksa menemui semula Perdana Menteri (Yusuf) bagi membantu masalah mereka itu. Ketika itulah, Yusuf mendedahkan siapa dirinya yang sebenar. Firman Allah SWT dalam Surah Yusuf ayat 90 bermaksud:

Mereka berkata, “Apakah engkau benar-benar Yusuf?” Dia (Yusuf) menjawab, “Aku Yusuf dan ini saudaraku. Sungguh, Allah telah melimpahkan kurnia-Nya kepada kami. Sesungguhnya barangsiapa bertakwa dan bersabar, maka sungguh Allah tidak menyia-nyiakan pahala orang yang berbuat baik.”

15. Yusuf mengarahkan saudara-saudaranya itu pulang membawa bajunya untuk digosokkan di mata bapa mereka, Yaakub. Dengan kuasa Allah, mata Yaakub sembah dan dia memaafkan kesalahan anak-anaknya yang telah menganiaya Yusuf dan Bunyamin. Firman Allah SWT dalam Surah Yusuf ayat 96 bermaksud:

Maka ketika telah tiba pembawa khabar gembira itu, maka diusapkan (baju) itu ke wajahnya (Yaakub) lalu dia dapat melihat kembali. Dia (Yaakub) berkata, “Bukankah telah aku katakan padamu, bahawa aku telah mengetahui dari Allah apa-apa yang tidakkamu ketahui.”

16. Yusuf telah bertemu semula dengan bapanya, Yaakub. Manakala saudara-saudaranya insaf dan sujud kepada Yusuf sebagai tanda hormat. Yusuf bersyukur kerana dapat menyelami hikmah mimpi ketika kanak-kanak dahulu. Firman Allah SWT dalam Surah Yusuf ayat 100 bermaksud:

Dan dia menaikkan kedua orang tuanya ke singgahsana. Dan mereka (semua) tunduk bersujud kepadanya (Yusuf). Dan dia (Yusuf) berkata, “Wahai ayahku! Inilah takwil mimpiku dahulu. Dan sesungguhnya Tuhanaku telah menjadikannya kenyataan. Sesungguhnya Tuhanaku telah berbuat baik kepadaku, ketika Dia membebaskan aku dari penjara dan ketika membawa kamu dari dusun, setelah syaitan merosakkan (hubungan) antara aku dengan saudara-saudaraku. Sungguh, Tuhanku Maha Lembut terhadap apa yang Dia kehendaki. Sungguh, Dia Yang Maha Mengetahui, Maha bijaksana.

Plot penceritaan surah Yusuf berbentuk kronologi dan padat dengan konflik kehidupan sebenar Nabi Yusuf AS. Walau bagaimanapun, kisah ini berakhir dengan kebaikan serta dikaitkan dengan kebesaran Allah SWT sebagai Tuhan dan Pencipta. Segala perbuatan jahat watak mempunyai pembalasan yang boleh mendatangkan keinsafan kepada mereka. Manakala, bagi orang teraniaya adalah kebahagiaan hakiki hasil kesabaran dan tawakal kepada Allah SWT. Plot beginilah perlu dicontohi penulis skrip drama dakwah.

2.7.3 Perwatakan

Sebuah skrip drama yang baik mesti mempunyai watak-watak yang mampu membawa cerita untuk terus berkembang. Watak-watak inilah yang menjadi cerita, dan kuasa mereka lah yang menghidupkan cerita. Oleh itu watak ialah elemen terpenting dalam drama. Wataklah yang menggerakkan plot cerita.

Watak protagonis ialah watak yang menyokong idea penulis manakala watak antagonis ialah watak yang menentang idea penulis. Pertentangan idea ini akan menimbulkan konflik dan pertentangan konflik inilah yang membentuk struktur konflik dramatik yang menarik. Watak sampingan ialah watak-watak yang lain yang menyokong protagonis ataupun antagonis atau watak-watak yang melengkapkan cerita.²³⁵

Drama dakwah berbeza dengan drama lain kerana mementingkan watak dan perwatakan. Setiap watak baik yang dikemukakan hendaklah mempunyai sifat-sifat yang boleh dicontohi oleh masyarakat dan bertepatan dengan Islam. Ini kerana, watak berperanan sebagai pendakwah yang menyampaikan mesej kebaikan kepada masyarakat. Dalam diri aktor yang melakonkan sesuatu watak hendaklah memahami tugasnya sebagai hamba

²³⁵ <http://www.dbp.gov.my>

Allah yang akan dipertanggungjawabkan segala perbuatan yang dilakukannya di muka bumi. Anugerah bakat yang diberikan kepadanya adalah untuk menegakkan kalimah Allah serta mencegah segala kemungkaran.²³⁶

Watak yang baik dalam karya hendaklah dilakukan oleh pelakon yang mempunyai jiwa keislaman yang tulen. Misalnya, pelakon yang terkenal sebagai fasiq dan tidak mengikut syariat Allah adalah dilarang membawakan watak mulia dalam drama. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah Āsy- Ṣyū'ārā ayat 221 hingga 227 bermaksud:

Mahukah aku beritakan kepadamu, kepada siapakah syaitan-syaitan itu turun? Mereka turun kepada setiap pendusta lagi yang banyak dosa. Mereka menghadapkan pendengaran (kepada syaitan) itu, dan kebanyakan mereka adalah orang-orang pendusta. Dan penyair-penyair itu diikuti oleh orang-orang yang sesat. Tidakkah kamu melihat bahawasanya mereka mengembara di tiap-tiap lembah. Dan bahawasanya mereka suka mengatakan apa yang mereka sendiri tidak mengerjakannya? Kecuali penyair-penyair yang beriman dan beramal soleh dan banyak menyebut Allah itu mendapat kemenangan sesudah menderita kezaliman. Dan orang-orang zalim itu kelak akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali.”

Justeru, pelakon adalah pendakwah yang perlu melakonkan watak yang baik yang telah dilaksanakan dalam kehidupan hariannya.²³⁷ Manakala, watak yang tidak baik hendaklah dilakukan dengan tidak melampaui batas kerana ia boleh mendatangkan kesan yang buruk kepada masyarakat.²³⁸

²³⁶ H.M Tuah Iskandar (1990), *Kewartawanan Islam Dicabar, Tercabar, Mencabar*, Kuala Lumpur: Karya Media Publisher, h. 186

²³⁷ *Ibid.*, h.269

²³⁸ Mohamad Md. Yusoff (1993), *Media Dan Masyarakat, Satu Kumpulan Esei*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h.40

2.7.4 Latar

Latar ialah elemen tempat, masa atau zaman serta masyarakat yang diceritakan selalunya dijelaskan melalui latar. Latar dalam drama penting dijelaskan, tetapi perincian latar dalam drama adalah terhad. Ia hanya perlu untuk tujuan pementasan untuk menjelaskan tentang tempat dan masa, cukup untuk memberikan panduan kepada pembaca atau penonton. Berbanding dengan filem atau televisyen, drama pentas menghadapi kekangan dalam menukar set atau prop yang kerap dari satu babak ke satu babak yang lain.²³⁹

Latar dalam skrip drama dakwah tidak banyak berbeza dengan skrip drama umum. Walau bagaimanapun, ia memberi penekanan kepada amar makruf serta tidak membawa penonton kepada kelalaian. Misalnya, jika kejadian drama berlaku di tempat maksiat seperti diskò, kelab malam dan rumah pelacuran, cukuplah sekadar ditunjukkan papan tanda yang memberi faham kepada penonton, bukan melakonkan kegiatan yang berlaku di tempat-tempat tersebut.²⁴⁰

2.7.5 Dialog

Dialog drama dakwah hendaklah menggunakan perkataan yang menepati akhlak Islam. Menurut Mana Sikana, karya Islam termasuk drama adalah karya seni yang berkonseptan akidah dan akhlak. Setiap pengucapan dalam karya bertujuan membawa masyarakat kepada Tuhan.²⁴¹ Selain itu, dialog drama juga hendaklah ditulis dengan kata-kata yang pendek, padat serta mudah difahami oleh khalayak.²⁴²

²³⁹ *Ibid.*

²⁴⁰ Abu Hassan Morad, Penerbit Drama Bersiri Cinta Madinah, Kota Damansara, Kuala Lumpur. Temubual pada 17 Oktober 2010.

²⁴¹ Muhamad Ikhram Fadly Hussin (2010), “Kamariah Kamaruddin Menjunjung Sastera Junjungan”. *Dewan Sastera*, Oktober 2010, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.20

²⁴² Rahman Shaari (1983), *op. cit.*, h. 16

Dialog yang digunakan dalam skrip drama dakwah hendaklah bertepatan dengan konsep hikmah seperti yang disebutkan dalam Surah an-Nahl ayat 125 bermaksud:

Serulah kamu ke jalan Tuhanmu dengan hikmah (bijaksana) dan nasihat yang baik dan berhujahlah dengan sebaik-baiknya. Sesungguhnya Tuhanmu lebih mengetahui siapa yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah yang mengetahui orang yang mendapat petunjuk.

Muhammad Abduh mengatakan hikmah adalah memahami rahsia dan faedah sesuatu yang menggerakkan kemahuan untuk melakukan perbuatan bermanfaat.²⁴³ Hikmah juga bermaksud lemah-lembut, bijaksana, pengetahuan yang berguna, berani, tegas, menyatakan sesuatu tepat pada tempatnya, bersumberkan al-Quran dan sunnah, kefahaman terhadap al-Quran dan sunnah serta bertindak berpandukan ajaran Allah dan rasul-Nya.²⁴⁴

Dialog juga hendaklah berisi ilmu yang boleh meningkatkan pengetahuan penonton. Penulis skrip perlu memilih perkataan dan ayat yang sesuai agar tidak menyinggung perasaan khalayak serta boleh membantutkan hasratnya untuk berbuat kebaikan.²⁴⁵ Firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran ayat 159 bermaksud:

Dan sebab rahmat (yang melimpah-ruah) daripada Allah (kepadamu, wahai Muhammad) engkau bersikap lemah-lembut terhadap mereka (sahabat-sahabat dan para pengikutnya) dan kalauolah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari darimu.

Rasulullah SAW mempunyai kemahiran dalam menggunakan bahasa atau dialog yang indah dan tertib. Baginda berdialog dengan masyarakat Mekah menggunakan gaya bahasa yang positif, fasih, lancar dan tersusun rapi. Baginda SAW tidak menggunakan dialog

²⁴³ S. Salahudin Suyurno etc.(2008), *Islam dan Komunikasi*, Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA Uitm), h. 31

²⁴⁴ *Ibid.*, h. 33

²⁴⁵ *Ibid.*, h. 34

yang kesat, rendah dan maki hamun sekalipun dalam keadaan cemas dan genting.²⁴⁶ Hasilnya, dalam kehidupan baginda SAW, ramai yang telah memeluk agama Islam kerana ketinggian akhlak dan kehalusan perkataan baginda SAW. Hal ini hendaklah menjadi ikutan para penulis skrip dalam menghasilkan drama dakwah.

Kesimpulannya, drama dakwah adalah hubungan drama dengan konsep dakwah yang membezakannya dengan drama-drama umum. Drama dakwah adalah drama yang mengajak masyarakat untuk berbuat kebaikan serta menegah mereka daripada berbuat kemungkaran dan kemaksiatan.

²⁴⁶ *Ibid.*, h. 37

BAB TIGA

PROSES PENULISAN SKRIP DRAMA DAKWAH

3.0 PENDAHULUAN

Kegiatan menulis skrip drama merupakan aktiviti intelektual yang menuntut kesungguhan dan pengorbanan penulis²⁴⁷ Proses penulisannya tidak banyak berbeza daripada genre penulisan sastera yang lain. Walau bagaimanapun, setiap penulis mempunyai cara yang tersendiri menghasilkan karyanya termasuk skrip drama.²⁴⁸

Sebelum memulakan penulisan skrip drama, calon-calon penulis memerlukan naskah pengalaman para dramatis terdahulu sebagai rujukan. Naskhah pengalaman dapat memaparkan proses penulisan yang membantu calon-calon dramatis menghasilkan karya yang lebih baik dan berkualiti. Kejayaan dan kegagalan para penulis terdahulu menghasilkan karya akan memberi iktibar kepada calon penulis.²⁴⁹

Selain itu, skrip adalah tulang-belakang bagi sesebuah drama. Jika penulisan skripnya baik, maka sesebuah drama akan berjaya, begitulah sebaliknya.²⁵⁰ Menurut Syd Field, skrip yang baik adalah skrip yang mengandungi gaya, susunan perkataan, cara cerita disetkan, penekanan situasi dramatik, pengenalan watak utama, asas premis dan masalah cerita yang

²⁴⁷ Mana Sikana (1988), *Menulis Skrip Drama*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.1

²⁴⁸ Dr Fatimah Busu (2003), *Memupuk Bakat dan Minat Penulisan Kreatif*, Kuala Lumpur: PTS Publications, h. 9

²⁴⁹ Othman Puteh (1991), *Proses Penciptaan Menulis Untuk Remaja*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. ix

²⁵⁰ Shahrul Fithri Musa (2009) “Isteriku Tiada Susu Menghiburkan dan Mensimulasikan Minda Penonton”. *Dewan Sastera*, Julai 2009, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 35

dikemukakan dan ia terdapat pada halaman awal skrip.²⁵¹ Perkara-perkara berikut dinamakan proses dalaman penulisan skrip.

Proses penulisan drama dakwah berbeza daripada drama biasa. Shahnon Ahmad mengatakan, penulis dakwah tidak mempunyai kebebasan mutlak dalam berkarya seperti penulis barat tetapi mengikut garis panduan dari Allah SWT. Keaslian karyanya bukan terhasil daripada daya dan bakatnya semata-mata tetapi dihayati oleh pemikiran, jiwa dan peribadinya sebagai seorang Muslim bagi mendorong manusia menuju kepada ketaqwaan, kamakrufan dan kesalihan.²⁵²

Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam surah az-Zumar ayat 9 bermaksud:

'Apakah kamu orang musyrik yang lebih beruntung ataukah orang yang beribadah pada waktu malam dengan sujud dan berdiri, kerana takut pada azab akhirat, dan mengharapkan rahmat Tuhan? Katakanlah, apakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sebenarnya orang yang berakal sihat yang dapat menerima pelajaran.'²⁵³

3.1 TEORI PROSES KREATIF

Proses kreatif adalah proses yang melibatkan imaginasi, persepsi dan visualisasi. Daya kreatif ini adalah hasil daripada proses mengesan dan meminjam dari elemen dan kejadian alam sekitarnya. Ia bermula dengan bertolak dari pengalaman yang berkembang dan

²⁵¹ Syd Field (1993), *op. cit.*, h. xiv

²⁵² Shahnon Ahmad (1987), "Konsep Cereka Islam: Masih Satu Catatan Awal", *Sastera Dan Agama* (Penyelenggara oleh Prof Datuk Ismail Hussien), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.123

²⁵³ *Al-Quran dan Terjemahannya*, *op. cit.*, h.747

diperkaya oleh daya khayal dan daya fikir, lalu diikuti oleh kebolehannya untuk mengatur letak peristiwa supaya daya visualisasinya itu bersambut.²⁵⁴

Hizairi Othman membahagikan proses kreatif kepada dua iaitu proses dalaman dan proses luaran. Proses dalaman meliputi tahap-tahap yang berlaku dalam otak manakala proses luaran adalah tahap-tahap mengeluarkan bahan dari dalam otak.²⁵⁵ Proses kreatif juga amat berkait dengan konsep manusia. Menurut Ahmad Faqih, konsep manusia menurut Islam terdiri daripada dimensi-dimensi yang kompleks. Keperibadian manusia menurutnya adalah hasil integrasi antara jiwa, akal dan nafsu. Ketiga-tiga perkataan ini disebut dalam al-Quran sebagai ‘*qālb*’, ‘*āql*’ dan ‘*ān-nāfṣ*’. Manusia akan cenderung menghasilkan sesuatu mengikut pengaruh personalitinya sama ada pengaruh jiwa, pengaruh akal atau pengaruh nafsu.²⁵⁶

Marsh Cassady²⁵⁷ pula mengatakan proses kreatif melibatkan empat persediaan utama iaitu:

- a) Kestabilan fizikal
- b) Kestabilan mental
- c) Membina Sensitiviti
- d) Melatih Imajinasi

²⁵⁴ Rahmah Haji Bujang (2000), *Imaginasi, Persepsi, Visualisasi: Proses Kreatif Seni Persembahan*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 4

²⁵⁵ Hizairi Othman (1996), *Kreativiti Dalam penciptaan Karya Kesusastraan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 38

²⁵⁶ Ahmad Amri Zainal Adnan (2009), *PSQ, Rahsia Personaliti Unggul*, Selangor: PTS Millenia, h.68

²⁵⁷ Marsh Cassady (1995), *Characters In Action*, Colorado: Meriwether Publishing Ltd. Publisher, h.3

Ia turut disokong oleh Paul Engle yang mengatakan proses kreatif dipengaruhi oleh keadaan jasmani penulis seperti tekanan darah, kadar metabolisme, suhu badan, penghadaman makanan dan keadaan otak yang selalu bersedia.²⁵⁸


Rahmah Bujang menjelaskan proses kreatif melibatkan unsur lahiriah dan batiniah pengarang yang berpaksikan kematangan nilai serta keteguhan agamanya. Selain itu, ia lebih berpontensi sebagai alat untuk mengungkapkan segi-segi alam sekitar dan masyarakat dalam bendungan dan kawalan estetika dan etika yang menjurus kepada pegangan agama pengarang. Pendaya kreatif yang kukuh jati dirinya bukan sahaja melalui kitaran pengalaman dan perjalanan hidup sendiri hingga menjadi unsur pengukuh identiti dan peribadinya bahkan mencurahkannya semula kepada masyarakat untuk pengkayaan bersama.²⁵⁹

²⁵⁸ Paul Engle (1966), *On Creative Writing*, E.P. Dutton& Co., Inc. h. 6

²⁵⁹ Rahmah Haji Bujang (2000), *op. cit.*, h.5

JADUAL 3.1

MODEL PROSES PENULISAN SKRIP DRAMA DAKWAH



3.2 PROSES DALAMAN

Proses dalaman adalah proses yang berlaku dalam diri penulis kreatif. Proses ini melibatkan pemikiran dan perasaan. Antara tahap proses dalaman ialah:

3.2.1 Persediaan

Tahap persediaan merupakan tahap terawal buat seorang penulis. Di peringkat ini penulis perlu mencari bahan dan maklumat untuk memulakan penulisannya. Wan Mohd Nazif mengatakan penulis perlu menetapkan objektif, sasaran dan ringkasan kandungan yang ingin ditulisnya.²⁶⁰ Pada peringkat ini juga, penulis biasanya akan merangka pengenalan, isi-isi penting, senarai kandungan dan kesimpulan umum²⁶¹

Penulis mendapatkan idea penulisannya dari persekitaran kehidupan itu sendiri.²⁶² Dalam penulisan kreatif, idea tidak bergantung kepada imaginasi semata-mata sebaliknya ia diperoleh berdasarkan pengalaman, penemuan, percubaan dan pengamatan.²⁶³ Othman Puteh mengatakan penulis perlu menyediakan dirinya dengan kepekaan, persepsi dan berupaya mentafsir atau menanggapi kehidupan ini. Penulis juga perlu tampil sebagai pemikir yang mendahului zamannya.²⁶⁴

²⁶⁰ Wan Mohd Nazif Wan Mohd Nori etc (2006), *Kemahiran Menulis*, Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd., h. 24
²⁶¹ *Ibid.*, h.25

²⁶² Othman Puteh (2001), *Penulisan Kreatif, Teori, Pengalaman, Cabaran*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., h. 2

²⁶³ *Ibid.*

²⁶⁴ *Ibid.*

Di peringkat ini juga, penulis perlu membuat tinjauan, apakah isu yang ingin ditulisnya telah disentuh oleh pengarang lain?²⁶⁵ Sekiranya mempunyai persamaan, penulis hendaklah mencari sudut yang berbeza untuk ditulisnya. Menurut Rahman Shaari, persamaan isu atau tema bukanlah merupakan suatu kecacatan dalam penciptaan drama kerana pengalaman, cita-cita dan pemikiran manusia kerap menemui titik persamaan.²⁶⁶ Walau bagamanapun, penulis yang baik adalah yang menampilkan kelainan dalam berkarya serta lari daripada sterotaip atau klise.²⁶⁷

Seseorang penulis digalakkan meneroka subjek atau ide ceritanya berlandas kepada pengalaman diri, pengetahuan dan pemahamannya terhadap sesuatu isu yang ingin dibincangkan.²⁶⁸ Misalnya, jika penulis ingin mengemukakan isu sejarah, tahap awalnya adalah dia perlu mengetahui sesuatu bahan dari sudut peristiwa dan kejadiannya serta memastikan kebenaran fakta.²⁶⁹ Menurut Mana Sikana, drama yang berhasil bukan hanya sebagai sebuah karya kreatif imaginatif semata, tetapi turut memancarkan ide-ide yang selari dengan sejarahnya.²⁷⁰

Persediaan menulis adalah proses kejiwaan yang mendalam bagi seseorang penulis.²⁷¹ Bagi penulis dakwah, persediaan dirinya adalah menetapkan matlamat penulisannya adalah untuk mengajak manusia kepada Allah SWT dan menjauahkan mereka daripada kemaksiatan. Mereka hendaklah menghasilkan karya yang benar dan tepat. Penulis juga hendaklah melengkapkan dirinya dengan pengetahuan al-

²⁶⁵ Abdul Ahmad (1991), “Antara Impian, Harapan dan Kenyataan”, *Proses Penciptaan Menulis Untuk Remaja*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2

²⁶⁶ Rahman Shaari (1983), *Kualiti Drama dan Filem Melayu*, Kuala Lumpur: Munora Publishing Sdn. Bhd, h. 36

²⁶⁷ Othman Puteh (2001), *op. cit.*, h. 4

²⁶⁸ *Ibid.*, h.38

²⁶⁹ Mana Sikana (1983), *Esei dan Kritikan Drama*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h.8

²⁷⁰ *Ibid.*

²⁷¹ Abdul Ahmad (1991), *op. cit.*, 8

Quran yang tinggi dan tidak mentafsirkan agama berdasarkan akalnya semata-mata. Ini bertepatan dengan Sabda Rasulullah SAW seperti yang diriwayatkan oleh At-Tirmizi, Abu Daud dan An-Nâṣâ'i yang bermaksud:

*'Siapa yang berpendapat mengenai ayat kitab Allah hanya semata-mata berdasarkan akal fikiran, lalu bertepatan benar maka itupun salah.'*²⁷²

Menurut H.M Tuah Iskandar, karya termasuk drama jika tidak ditulis untuk memberi kesedaran Islam serta menghayati ajaran al-Quran, ia dianggap karya picisan dan tidak patut diterbitkan.²⁷³ Penulis dakwah perlulah mendapatkan idea yang memberikan manfaat kepada Islam serta memerangi aliran pemikiran barat yang telah banyak merosakkan umat Islam.²⁷⁴ Selain itu, penulis juga perlu memperdalamkan unsur emosinya. Pemusatan dengan penuh emosi terhadap peristiwa-peristiwa biasa yang dialami setiap hari, dapat melahirkan karya kreatif. Dengan rasa hati yang baik, apa sahaja peristiwa dan ekspresi yang dilihat pada wajah seseorang, nada suara mereka, perkataan yang terbit dari mulut mereka, dapat mengembangkannya menjadi sebuah cerita.²⁷⁵

Allah SWT menegaskan bahawa tidak ada perkataan yang lebih baik daripada menyeru ke jalan-Nya. Firman Allah Taala dalam Surah Fûshîlât ayat 33 bermaksud:

²⁷² *Terjemah Singkat Tafsir Ibnu Kâثîr (Jilid 2)*, Kuala Lumpur: Victory Agencie, h. xxi

²⁷³ H. M Tuah Iskandar (1991) wawancara dlm. *Potret Kreatif*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 70

²⁷⁴ *Ibid.*, h. 72

²⁷⁵ Abdullah Tahir (1989), *Proses Penciptaan Novel Ishak Haji Muhammad*, A. Samad Said, Shahnon Ahmad, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.15

*'Dan siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah dan mengerjakan kebaikan dan berkata, "Sungguh, aku termasuk orang-orang Muslim (yang berserah diri)'"*²⁷⁶

Proses persediaan adalah proses pengarang membentur jatidirinya. Hubungan kejiwaan, rohani, serta pemikiran akan merangsangkan kreativiti yang memberi kesan positif kepada khalayak.²⁷⁷

3.2.2 Pengeraman

Penulisan kreatif termasuk drama merupakan satu tugas yang menuntut seseorang itu berfikir dengan tajam, lama dan meletihkan.²⁷⁸ Dalam melaksanakan tugas tersebut, penulis perlu memperbanyakkan istirehat dan muhasabah diri. Bagi penulis drama dakwah, adalah menjadi kewajipannya untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT serta berfikir tentang hikmah kejadian alam. Menurut Norafifah bt Ab Hamid (2009), al-Quran menggariskan lima metode pengeraman iaitu *tā'qīl* (berfikir), *tādḥīkkūr* (mengingat), *tāfakkūr* (berfikir secara mendalam), *tādābbūr* (merenung) dan *tāfqīh* (memahami).²⁷⁹

Berikut merupakan contoh ayat al-Quran yang berkaitan dengan seruan berfikir:

- a) Seruan *tā'qīl*. Surah al-Baqarah ayat 44 yang bermaksud:

²⁷⁶ *Al-Quran dan Terjemahannya*, op. cit., h. 778

²⁷⁷ Rahmah Hj Bujang (2000), op. cit., h. 11

²⁷⁸ Othman Puteh (2001), *Penulisan Cerpen Daripada Konvensi ke Inovasi*, Kuala Lumpur: Utusan Publications &Distributors Sdn. Bhd., h. 16

²⁷⁹ Norafifah bt Ab Hamid (2009), Pemikiran Kritis dan Sorotan Pembudayaannya Dalam Pentadbiran Islam (Tesis Sarjana, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), h. 70

'Mengapa kamu menyuruh orang lain melakukan kebajikan, sedangkan kamu melupakan dirimu sendiri, padahal kamu membaca kitab (Taurat), apakah kamu tidak berfikir?'²⁸⁰

Ayat ini menerangkan tentang segolongan manusia yang mengajak orang lain taat kepada Allah SWT namun, dia sendiri mengingkarinya. Sebahagian ahli tafsir mengatakan, golongan sedemikian adalah bani Israel dan golongan munafik.²⁸¹ Allah SWT menempelak golongan ini dengan ayat ‘Apakah kamu tidak berfikir?’ Ahli tafsir mengatakan perkataan tidak berfikir bermaksud tidak memahami kebenaran.²⁸²

b) Seruan *tādḥīkkūr*. Surah Ali Imran ayat 190-191 bermaksud:

'Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan pergantian malam dan siang, terdapat tanda-tanda (kebesaran) Allah bagi orang yang berakal. Iaitu orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri, duduk, atau dalam keadaan berbaring, dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata), "Ya Tuhan kami, tidaklah Engkau menciptakan sesuatu dengan sia-sia; Mahasuci Engkau, lindungilah kami dari azab neraka."²⁸³

Ayat ini menggambarkan bahawa orang-orang yang berakal adalah orang yang memikirkan penciptaan langit dan bumi serta malam dan siang dengan menggunakan pandangan mata hati (*bāṣīrah*). Melaluinya, mereka akan melihat

²⁸⁰ *Al-Quran dan Terjemahannya*, op. cit., h. 16

²⁸¹ Abi Jaafar Muhammad bin Jarir Toba (1968), *Jāmi' ūl Bāyān Ā'n Ṭākwīl Āyīl Qūrān*, Mesir: Kaherah, h.258

²⁸² *Ibid.*, h. 259

²⁸³ *Al-Quran dan Terjemahannya*, op. cit., h.109-110

kebesaran Allah SWT lalu sentiasa bersyukur pada setiap keadaan.²⁸⁴ Imam Fakhrul Razi menyebutkan bahawa orang yang mempunyai akal fikiran perlu mentauhidkan Allah SWT dengan Tauhid Uluhiah dan Ūbūdīyāh. Tauhid Ūbūdīyāh terbahagi kepada tiga iaitu membenarkan dengan hati, mengucapkan dengan perkataan dan melaksanakan dengan perbuatan. Ayat ‘orang-orang yang mengingati Allah’ menunjukkan kepada ūbūdīyāh perkataan, ayat ‘berdiri, duduk, atau dalam keadaan berbaring’ menunjukkan ūbūdīyāh perbuatan dan ayat ‘memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi’ menunjukkan ūbūdīyāh hati, fikiran dan jiwa manusia.²⁸⁵

c) Seruan *tāfakkūr*. Surah ār-Rā’ḍ ayat 3 bermaksud:

‘Dan Dia yang menghamparkan bumi dan menjadikan gunung-gunung dan sungai-sungai di atasnya. Dan padanya Dia menjadikan semua buah-buahan berpasang-pasangan; Dia menutupkan malam kepada siang. Sungguh, pada demikian itu terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi orang-orang yang berfikir.’²⁸⁶

d) Seruan *tādābbūr*. Surah an-Nisa ayat 82 bermaksud:

‘Maka tidakkah mereka menghayati (mendalamai) al-Quran? Sekiranya al-Quran itu bukan dari Allah, pastilah mereka menemukan banyak hal yang bertentangan di dalamnya.’²⁸⁷

²⁸⁴ Imam Fakhrur Razi (t.t.). *Āl-Tafsīr āl-Kābir (jūzūk ṭāṣī')*, Kaherah: Mūashshāh Māṭbū'āt āl-Īslāmiyāh, h. 129

²⁸⁵ *Ibid*, h. 130

²⁸⁶ *Al-Quran dan Terjemahannya*, op. cit., h.368

²⁸⁷ *Al-Quran dan Terjemahannya*, op. cit., h.132

Kalimah *tādābbūr* bermaksud mempelajari dan memahami al-Quran secara sempurna. Iaitu menguasai hukum-hukum yang terkandung dalam al-Quran, serta meyakini dan membenarkan setiap isinya dengan keyakinan yang teguh. Allah SWT juga menekankan bahawa al-Quran tidak mempunyai kekurangan kerana ia datangnya dari Allah SWT.²⁸⁸

- e) Seruan *tafqih*. Surah *al-Ā'rāf* ayat 179 bermaksud:

*'Dan sungguh akan Kami isi neraka jahanam banyak dari kalangan jin dan manusia. Mereka mempunyai hati tetapi tidak dipergunakan untuk memahami ayat-ayat Allah. Dan mereka memiliki mata tetapi tidak dipergunakan untuk melihat tanda-tanda kekuasaan Allah, dan mereka mempunyai telinga tetapi tidak dipergunakan untuk mendengar ayat-ayat Allah. Mereka seperti haiwan ternak, bahkan lebih sesat lagi. Mereka itu orang-orang yang lengah.'*²⁸⁹

Ayat berikut menerangkan bahawa terdapat perkaitan erat antara hati dan akal. Menurut Imam Ghāzālī, *al-qālb* atau hati sangat erat dengan fungsi *al-āql*'. Beliau mengatakan bahawa apabila seseorang manusia ingin mendekatkan diri kepada Allah dengan melakukan pelbagai kebaikan, maka ia hendaklah mendekati dengan akal.²⁹⁰ Apabila akal manusia itu celik, maka seluruh anggota lain akan dapat menanggap kebesaran Allah SWT.²⁹¹

²⁸⁸ Abi Jaafar Muhammad bin Jarir Tobari (1968), *op. cit.*, h.179

²⁸⁹ *Al-Quran dan Terjemahannya*, *op. cit.*, h.251-252

²⁹⁰ Dr. H Asep Muhiddin (2002), *Dakwah Dalam Perspektif al-Quran*, Bandung: Pustaka Setia, h. 16

²⁹¹ *Ibid.*

Selepas mendapat idea pertama, penulis memeriksa dengan penuh teliti kemungkinan-kemungkinan idea atau subjek yang bersatu dengan situasi dan bahan-bahan yang kini berkembang dalam fakulti otaknya. Penulis akan merenung, memikir, mencatat dan menimbulkan pertanyaan-pertanyaan pada dirinya sendiri. Dia juga memikirkan kemungkinan-kemungkinan konflik dan penyelesaian yang mungkin dikemukakan, dan juga menimbangkan segala kekuatan dan kelemahan ideanya. Jangka waktu bagi tempoh penggeraman tidak tetap, kadang berlaku dalam tempoh agak lama dan kadangkala sebentar sahaja.²⁹²

Kesimpulannya, proses penggeraman ini adalah usaha penulis mematangkan idea penulisannya melalui pemikiran dan renungan yang tajam. Ia bertepatan dengan seruan Islam yang memberi keutamaan kepada akal agar manusia mengkaji dan membuat penyelidikan di pelbagai bidang sehingga sampai kepada puncak pemikiran iaitu mengenali Allah SWT. Sebanyak 17 ayat al-Quran menggalakkan manusia berfikir tentang dirinya dan juga kejadianya.²⁹³ Firmanya dalam Surah āl-Bāqārāh ayat 219 bermaksud:

'Mereka menanyakan kepadamu (Muhammad) tentang khamar dan judi. Katakanlah: "Pada keduanya terdapat dosa besar dan beberapa manfaat bagi manusia. Tetapi dosanya lebih besar daripada manfaatnya." Dan mereka menanyakan kepadamu (tentang) apa yang harus mereka infakkan. Katakanlah:

²⁹² Abdullah Tahir (1989), *op. cit.*, h.21

²⁹³ Asming Yalawae dan Ahmad Farid bin Ibrahim (2007), "Akhlaq Warisan Rasulullah SAW Membawa Kemuliaan Umat", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 26, Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 80-81

“Kelebihan (dari apa yang diperlukan). Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayatNya kepadamu agar kamu memikirkan.”²⁹⁴

Penulis muslim perlu memikirkan bahawa drama yang akan dihasilkannya nanti perlulah mengandungi pemikiran kerana ianya adalah asas pembinaan dakwah dan tarbiah. Pemikiran termasuk hal yang paling penting dalam keutamaan Islam.²⁹⁵

3.2.3 Iluminasi

Proses iluminasi adalah proses membawa idea atau cerita ke puncak pemikiran. Seseorang penulis mengalami iluminasi apabila dia telah memperolehi segala konsep yang menjurus kepada perkara yang berkaitan, juga pemikiran yang melengkapkan lagi rangkaian ideanya. Menurut Hizairi Othman, setelah penulis menentukan visinya dan kemudian dikuasai pula keinginan merealisasikannya, penulis tersebut akan merasa ghairah dan sangat seronok kerana menemukan penyelesaian kepada masalah cerita yang bermain dalam pemikirannya.²⁹⁶ Di peringkat ini juga, penulis memberi perhatiannya kepada penyelesaian masalah dengan menumpukan kepada fakta-fakta yang terkumpul dan mencernakan idea-idea yang ada. Idea yang berada di peringkat pengeraman ditapis serta penulis mula merangka isi dan plot cerita.²⁹⁷

Proses iluminasi bagi seorang penulis dakwah adalah menghalakan kemuncak pemikirannya kepada Tauhid yang dapat melihat hakikat-hakikat alam tinggi (*supra sensible realities*). Menurut Muhammad Uthman El Muhammady, seorang mukmin

²⁹⁴ *Al-Quran dan Terjemahannya*, op.cit., h.53

²⁹⁵ Dr Yusuf al-Qardawi (1992), *Āwlāwīyāt Ḥārākāh ʻal-Īslāmiyāh fī Mārhālāh Qoḍīmāh*, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 21

²⁹⁶ Hizairi Othman (1996), op. cit., h. 48-50

²⁹⁷ Abdullah Tahir (1989), op. cit., h. 24

perlu melihat bahawa alam ini bukan sahaja untuk didiami dengan peranan khalifah tetapi juga perlu ditanggapi dengan pandangan batin iaitu mengenal Allah sebagai Pencipta dengan sebenar-benarnya (*ārif billāh*).²⁹⁸

Peranan akal adalah membuang halangan-halangan yang membawanya mengenal kebenaran. Nilai-nilai yang perlu diterapkan dalam akal ialah zuhud, taqwa, tawakal, sabar, syukur, ikhlas, benar dan cinta kepada-Nya. Ini sekaligus dapat menghapuskan halangan yang berupa sifat mazmumah seperti dengki, riak, wujud, bakhil, gila kebendaan dan lain-lain. Penyingkiran mazmumah dari akal fikiran menjadikan seseorang penulis itu mengenal Tuhan dan cinta kepada-Nya.²⁹⁹

3.2.4 Varifikasi

Proses varifikasi merupakan proses dalaman kreatif yang terakhir. Di peringkat ini, penulis akan menyemak semula perkara yang telah dilakukan sebelumnya. Penulis menggunakan kemampuan inteleknya untuk menilai atau menghakimi semula segala perancangan idea yang berlaku dalam otaknya. Ketika ini, naluri penulis sangat berpengaruh bagi memastikan sama ada beliau berpuas hati atau tidak dengan bahan ciptaannya.³⁰⁰

Penulis perlu membuat perhitungan dan pemilihan idea kerana ketika proses persediaan berlangsung, penulis acap diberikan pelbagai saranan, kritikan atau cadangan daripada orang-orang di sekelilingnya. Proses begini memakan masa yang lama bagi penulis untuk menghasilkan tulisan yang terbaik. Usaha menilai,

²⁹⁸ Muhammad Uthman El Muhammady (1987), “Peranan Intelektual (Ulama) Islam di Malaysia Dalam Pembentukan Kebudayaan”, *Sastera Dan Agama* (diselenggarakan oleh Prof. Datuk Ismail Hussien), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.37

²⁹⁹ *Ibid.*, h. 41

³⁰⁰ Hizairi Othman (1996), *op.cit.*, h.49

menentukan dan menyemak mungkin menyebabkan pencipta menemui idea baharu, malah mungkin berbeza sama sekali daripada matlamat asalnya.³⁰¹

Di peringkat ini, penulis sudah mengetahui isu dan idea yang ingin ditulisnya. Bagi penulis dakwah, idea tersebut terhasil daripada pemikiran kritis yang bersandarkan al-Quran dan sunnah. Afifah Abdul Hamid menyatakan, Islam mempunyai semua aspek pemikiran termasuklah pemikiran kritis yang berasaskan paradigma Tauhid. Ia bersesuaian dengan galakan supaya manusia memaksimumkan penggunaan akalnya bagi menegakkan kalimah Allah SWT dan mentadbir urusan dunia dengan baik.³⁰² Menurut Yusuf al-Qaradawi, pemikiran kritis adalah ‘*āl-āql āl-īlmīyyāh*’ yang bertentangan dengan *āl-āql āl-khūrāfāt*’ iaitu pemikiran yang berteraskan al-Quran berbeza daripada pemikiran khurafat seperti mudah terpengaruh dengan keadaan sekeliling tanpa mengambil-kira pertimbangan bagi memastikan kebenarannya.³⁰³ Yusuf al-Qaradawi turut menyebutkan bahawa al-Quran menggalakkan manusia berfikir melalui perkataan yang berkait dengan akal yang disebut sebanyak 49 kali iaitu perkataan ‘*āqālā, nā’qīlū, yā’qīlū, tā’qīlūn*, dan *yā’qīlūn*.³⁰⁴

Penulis dakwah akan menggunakan tahap pemikiran varifikasinya untuk memilih bahan yang jauh daripada pemikiran-pemikiran yang salah seperti khurafat, taklid, syubhah dan mengikut hawa nafsu. Bahan penulisan yang akan ditulisnya nanti adalah yang dapat membuka minda masyarakat serta menyebar-luaskan ilmu al-

³⁰¹ *Ibid.*

³⁰² Noraffifah bt Ab Hamid (2009), *op. cit.*, h. 57

³⁰³ al-Qarādāwī, Yūsuf (2001), *āl-‘Aql wā āl-‘Ilm fī l-Qur’ān āl-Kārīm*, Beirut: Muassasah al-Risalah, h.245-249

³⁰⁴ *Ibid.*, h. 13

Quran. Hal ini adalah bertepatan dengan peranan al-Quran sebagai pengukuh kehidupan muslim.³⁰⁵

3.3 PROSES LUARAN

3.3.1 Mendapatkan idea

Idea merupakan bahan asas lahirnya sesebuah karya khususnya drama. Cara seorang penulis dengan penulis yang lain mendapat idea adalah berbeza dan pelbagai. Penemuan idea didapati sama ada melalui pembacaan, peristiwa sebenar dalam kehidupan penulis, perbincangan atau cerita daripada orang lain, pengembalaan ke luar negara serta penerokaan teknologi maklumat. Untuk itu, penulis perlu sensitif dan prihatin terhadap segala sesuatu yang tercetus dalam realiti objektif.³⁰⁶

Aep Kusnawan menyarankan para penulis agar membawa alat tulis dan buku catatan setiap masa kerana idea didapati tanpa mengira tempat dan masa.³⁰⁷ Mencatat idea sangat penting kerana ia akan hilang dari fikiran dan penulis berkemungkinan tidak menemui semula idea asalnya.³⁰⁸

Idea turut didapati melalui pembacaan kerana ia merupakan suruhan Allah SWT yang pertama kepada manusia. Firman-Nya dalam surah *al-Ā'lāq* ayat 1 hingga 5 bermaksud:

³⁰⁵ *Ibid.*, h. 249

³⁰⁶ Othman Puteh (2001), *op. cit.*, h. 4

³⁰⁷ Aep Kusnawan (2004), *Berdakwah Lewat Tulisan*, Bandung: Mujahid Press, h. 34

³⁰⁸ *Ibid.*, h. 34

*'Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dari Tuhanmu Yang Maha Mulia. Yang mengajar manusia dengan pena. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.'*³⁰⁹

Penulis yang malas membaca akan menjadi seorang yang ketinggalan zaman, ketandusan idea dan tidak mampu bersaing dengan penulis yang sentiasa mendedahkan diri kepada perkembangan ilmu pengetahuan.³¹⁰ Untuk memperoleh idea yang baik, baru dan berasas, maka seseorang penulis itu perlu berada di lapangan penyelidikan.³¹¹ Seorang pengarang juga perlu mempunyai sensitiviti yang tajam, persepsi yang kuat serta daya tafsir yang tinggi terhadap sesuatu fenomena yang tercetus dalam masyarakat.³¹²

Marsh Cassady mengatakan penulis melakukan aktiviti penulisan setelah ideanya telah lengkap di fikiran. Penulis telah memilih, menyaring dan menambah-baiki idea mengikut visinya. Setiap drama adalah mengandungi visi dan imaginasi penulis skrip. Tanpa keduanya, sesebuah drama tidak akan hidup dengan sendirinya.³¹³ Marsh Cassady turut menggariskan kaedah mendapatkan idea seperti berikut:

- a. Menganalisis perkara-perkara penting dalam kehidupan seseorang penulis skrip serta memilih perkara yang paling bernilai dan menarik untuk dikongsikan dengan penonton.

³⁰⁹ Al-Quran dan Terjemahannya, op. cit., h.1079

³¹⁰ Othman Puteh (2001), op.cit., h. 16

³¹¹ Ibid., h. 25

³¹² Ibid., h. 26

³¹³ Marsh Cassady (1995), op.cit., h.3

- b. Penulis menguji perasaannya terhadap konflik-konflik yang akan berlaku dalam dramanya. Setiap perbuatan watak mestilah bertitik-tolak daripada tekanan atau dorongan yang kuat.
- c. Memilih perkara yang menjadi kemahuan penulis untuk mengetahuinya secara mendalam.
- d. Memilih subjek atau situasi yang kekal sepanjang zaman
- e. Memilih individu yang menarik untuk diangkat menjadi watak dalam drama. Individu tersebut termasuklah tokoh masyarakat, ahli keluarga penulis, rakan atau kenalan.
- f. Idea didapati dengan mencipta keadaan
- g. Idea didapati dengan menetapkan latar
- h. Mengadaptasi idea daripada genre lain misalnya majalah, novel, biografi dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, setiap penulis mempunyai idea, pemikiran dan perspektif yang berbeza. Bagi penulis drama dakwah, visi yang ingin diterapkan dalam karyanya adalah bertepatan dengan dakwah. Selain seruan pembacaan dalam Surah al-Ā'lāq di atas, Allah SWT juga menyatakan bahawa manusia boleh menambah pengetahuan mereka dengan berfikir tentang kejadian alam serta bermusafir. Firman-Nya dalam Surah ar-Rum ayat 8 dan 9 bermaksud:

“Dan mengapa mereka tidak memikirkan tentang kejadian diri mereka? Allah tidak menciptakan langit dan bumi dan apa yang ada di antara keduanya melainkan dengan (tujuan) yang benar dan dalam waktu yang ditentukan. Dan sesungguhnya banyak di antara manusia benar-benar mengingkari pertemuan dengan Tuhan-Nya.

*Dan tidakkah mereka berpergian di bumi lalu melihat bagaimana kesudahan orang-orang sebelum mereka (yang mendustakan rasul)? Orang-orang itu lebih kuat dari mereka (sendiri) dan mereka telah mengolah bumi (tanah) serta memakmurkannya melebihi apa yang mereka makmurkan. Dan telah datang kepada mereka rasul-rasul mereka dengan membawa bukti-bukti yang jelas. Maka Allah tidak sama sekali berlaku zalim kepada mereka, tetapi mereka lah yang berlaku zalim pada diri mereka sendiri.*³¹⁴

3.3.2 Pengumpulan bahan

Setelah idea diperolehi, seorang penulis hendaklah mengumpulkan bahan berkaitan idea atau isu yang ingin ditulisnya. Pengumpulan bahan mempunyai pelbagai cara antaranya penyelidikan perpustakaan, pembacaan, temubual dan tinjauan atau obsevasi. Misalnya, jika seorang penulis ingin mengangkat isu yang berkaitan dengan remaja, dia hendaklah membuat penyelidikan berkaitan ciri-ciri remaja.³¹⁵ Hal ini kerana, penulisan kreatif termasuk drama merupakan bidang ilmu yang menuntut proses penyelidikan yang serius.

Menurut A. Rahim Abdullah, penulis yang intelektual adalah mereka yang dapat memberikan pemikiran baru, membangun serta mencetuskan sesuatu perubahan berdasarkan akal budinya, tidak bertolak dari emosi dan sentimen yang tidak terkawal. Sebaliknya, ia mempunyai visi, matlamat dan strategi yang terancang.³¹⁶

³¹⁴ Al-Quran dan Terjemahannya, op. cit., h. 641-642

³¹⁵ Abdul Ahmad (1991), op. cit., h. 5

³¹⁶ A. Rahim Abdullah (1991) Wawancara dlm Potret Kreatif, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 21

Darwis Harahap mengatakan, penulis perlu banyak membaca genre yang ingin ditulisnya sebagai bahan penulisannya nanti. Dari pembacaan, penulis akan memperolehi pengamatan, pengalaman dan pengetahuan tentang perkara yang ingin ditulisnya.³¹⁷

3.3.3 Penulisan

Peringkat penulisan memerlukan penulis menggunakan seluruh pengalaman dan pengetahuan yang dikumpulkannya untuk dituangkan ke dalam karya. Aep Kusnawan menyarankan agar penulis membiasakan dirinya menulis setiap hari walaupun dalam jumlah yang sedikit.³¹⁸ Hal tersebut akan memupuk bakat penulisan penulis serta memberikan stamina ketika berkarya.³¹⁹ Yang penting bagi seorang penulis adalah memulakan penulisannya.³²⁰ Selagi dia tidak menulis, dia dianggap tidak berjaya walaupun mempunyai idea yang baik.

Penulisan dakwah dapat dibezakan daripada penulisan biasa. Penulisan dakwah ditulis oleh penulis yang mempunyai gagasan Islam serta mengamalkan Islam dalam kehidupannya. Hal ini tercermin di dalam karya kerana tulisan seorang penulis merupakan bayangan kehidupannya sendiri.³²¹

Ketika proses penulisan berlangsung, masa merupakan antara faktor pendorong seseorang itu menulis. Setiap penulis berbeza waktu berkaryanya sama ada waktu pagi, petang atau malam. Misalnya, Ahmad J Hussin, mengatakan waktu yang

³¹⁷ Drs Darwis Harahap (1982), *Asas-Asas Cerita Rekaan dan Seni Lakon*, Selangor: Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd., h. 15

³¹⁸ Aep Kusnawan (2004), *op. cit.*, h.35

³¹⁹ *Ibid.*

³²⁰ Othman Puteh (2001), *op. cit.*, h. 22

³²¹ Talib Samat (1991), *Potret Kreatif*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 10

paling selesa untuknya berkarya adalah waktu malam.³²² Ami Masra menyatakan keselesaannya menulis adalah waktu senja dan malam.³²³ Penulis drama dakwah dianjurkan untuk menulis pada waktu sahur selepas menunaikan qiyamulail kerana ia tersebut dalam Surah Ali-Imran, ayat 17 yang bermaksud:

*“Juga orang yang sabar, orang yang benar, orang yang taat, orang yang menginfakkan hartanya, dan orang yang memohon ampunan pada waktu sebelum fajar (qiyamulail).”*³²⁴

Selain itu, ketika proses penulisan berlangsung, penulis hendaklah memikirkan kesan tulisan terhadap pembacanya. Shahnon Ahmad³²⁵ menggariskan teknik dan corak penulisan cereka Islam yang memberikan kesan positif dalam karya iaitu:

- a) Pendedahan perlakuan untuk sifat, aksi atau peristiwa baik dan mulia.
- b) Sekadar penceritaan atau hanya ‘memberitahu’ sahaja sifat, aksi dan peristiwa yang buruk, hina atau yang boleh merangsangkan kebatilan.
- c) Yang hak menang
- d) Yang batil kalah.

Hal berikut merujuk kepada teknik yang terdapat dalam surah-surah al-Quran yang berunsurkan penceritaan. Firman Allah Taala dalam Surah Yusuf ayat 23, 24 dan 25 bermaksud:

Dan perempuan yang dia (Yusuf) tinggal di rumahnya menggoda dirinya. Dan dia menutup pintu-pintu lalu berkata, “Marilah mendekat kepadaku.” Yusuf berkata,

³²² *Ibid.*, h. 33

³²³ *Ibid.*, h. 40

³²⁴ *Al-Quran dan Terjemahannya*, *op. cit.*, h. 77

³²⁵ Shahnon Ahmad (1987), *op.cit.*, h. 126

“Aku berlindung kepada Allah, sungguh tuanku telah memperlakukan aku dengan baik.” Sesungguhnya orang yang zalim itu tidak akan beruntung.

Dan sungguh, perempuan itu telah berkehendak kepadanya (Yusuf). Dan Yusuf pun berkehendak kepadanya, sekiranya dia tidak melihat tanda dari Tuhan. Demikianlah Kami palingkan darinya keburukan dan kekejilan. Sungguh, dia (Yusuf) termasuk hamba Kami yang terpilih.

Dan keduanya berlumba menuju pintu dan perempuan itu menarik baju gamisnya (Yusuf) dari belakang hingga koyak dan keduanya mendapati suami perempuan itu di depan pintu. Perempuan itu berkata “Apakah balasan terhadap orang yang bermaksud buruk terhadap isterimu, selain dipenjarakan atau (dihukum) dengan siksa yang pedih?”³²⁶

Ayat berikut memperlihatkan peristiwa Zulaikha menggoda Nabi Yusuf AS. Struktur penceritaan itu jelas bahawa yang didramakan secara terperinci ialah reaksi penegasan Nabi Yusuf AS menolak kemaksiatan, sedangkan watak Zulaikha sebagai wanita penggoda tidak dijelaskan secara terperinci. Penonjolan kemuliaan yang terdapat pada Nabi Yusuf AS memberikan kemenangan pada yang hak serta kekalahan kepada yang batil.³²⁷ Sebaliknya, jika penulis memberikan penjelasan babak kemaksiatan secara terang dan terperinci, ia akan menyumbang kesan negatif di pihak penonton atau pembaca.

³²⁶ Al-Quran dan Terjemahannya, op.cit., h. 351-352

³²⁷ Ibid., h.127

Penulis drama dakwah juga hendaklah menulis karyanya dengan benar serta selari dengan al-Quran dan sunnah. Menurut Dr Wahbah Zuhaili, kebenaran dalam perkataan dan perbuatan dapat menguatkan individu dan masyarakat. Bahkan Allah SWT menyediakan ganjaran yang besar kepada golongan yang menegakkan kebenaran.³²⁸ Allah SWT juga menyenaraikan golongan yang benar ini dalam Surah al-Ahzab ayat 35 bermaksud:

*Sungguh, lelaki dan perempuan Muslim, lelaki dan perempuan Mukmin, lelaki dan perempuan yang tetap dalam ketaatannya, lelaki dan perempuan yang benar, lelaki dan perempuan yang sabar, lelaki dan perempuan yang khusyuk, lelaki dan perempuan yang bersedekah, lelaki dan perempuan yang berpuasa, lelaki dan perempuan yang menjaga kehormatan dirinya, lelaki dan perempuan yang banyak menyebut nama Allah. Allah telah menyediakan bagi mereka ampunan dan pahala yang besar.*³²⁹

Ketika proses penulisan drama berlangsung, penulis dakwah hendaklah merasakan dia sedang berjihad di jalan Allah SWT iaitu mengajak manusia kepada kebenaran serta menjauhkan mereka daripada kemungkaran. Perbuatan tersebut tergolong dalam sedekah dan dikira amalan yang baik dalam Islam.³³⁰ Firman Allah SWT dalam Surah Fāṭir ayat 10 yang bermaksud:

'Barangsiapa mengkehendaki kemuliaan, maka ketahuilah bahawa kemuliaan itu semuanya milik Allah. KepadaNyalah akan naik perkataan-perkataan yang baik dan amal kebajikan, Dia akan mengangkatnya. Adapun orang yang merencanakan

³²⁸ Dr Wahbah Zuhaili (2002), *Ākhīlāqūl Mūslīm Ā'lāqāh bīlmūjtāmā'*, Damsyik: Dārūl Fikr, h. 16

³²⁹ Al-Quran dan Terjemahannya, op. cit., h. 673

³³⁰ Dr Wahbah Zuhaili (2002) op.cit., h. 21

*kejahatan mereka akan mendapat azab yang sangat keras, dan rencana jahat mereka akan hancur.*³³¹

Berdasarkan ayat berikut, ahli tafsir mengatakan bahawa perkataan yang baik itu ialah kalimah ‘*Lā ilāha illā Allāh Muḥammādūr Rāshūlullāh*’, zikrullah serta semua perkara kebaikan yang diucapkan kerana Allah SWT. Dr Wahbah Zuhaili juga menjelaskan bahawa golongan yang mengajak manusia membuat kebaikan dan menjauhkan manusia daripada kejahatan adalah golongan yang paling dekat dengan rahmat Allah SWT.³³² Telah diriwayatkan oleh Bukhari daripada Jabir, Muslim dan Huzaifah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

‘*Setiap kebaikan itu adalah sedekah.*’³³³

Hadis tersebut dapat dijadikan panduan kepada para penulis agar menerapkan dakwah dalam karya-karya mereka. Dr Wahbah Zuhaili menyatakan perbuatan kebaikan itu termasuklah memimpin manusia ke jalan yang benar, menunaikan hajat orang yang memerlukan dan membantu orang lain walau dengan memberikan kata-kata yang baik.³³⁴

Seseorang penulis ditentukan oleh kemahiran dan kemampuannya dalam mempergunakan bahasa tulisan. Menurut Drs Darwis Harahap, semakin kaya bahasa seseorang penulis semakin indah pengolahan ceritanya. Semakin terpilih bahasa yang dipakai penulis, semakin bermutu hasil tulisannya.³³⁵ Bahasa penulisan

³³¹ *Al-Quran dan Terjemahannya*, op.cit., h. 696-697

³³² Dr Wahbah Zuhaili (2002), op.cit., h. 23

³³³ *Ibid.*, h. 29

³³⁴ *Ibid.*

³³⁵ Drs Darwis Harahap (1982), op. cit., h. 10

skrip adalah berbeza kerana ia menyatakan arahan kepada watak serta ditulis mengikut skema dan format yang khusus.³³⁶

3.3.4 Pengeditan

Penulis adalah individu yang mengetahui arah tuju penulisannya justeru, dia perlu melakukan pengeditan ke atas karyanya sendiri sebelum diberikan kepada editor yang lain.³³⁷ Judith Butcher³³⁸ menggariskan beberapa sikap editor yang baik iaitu:

1. Pembaca yang cerdas
2. Pengkritik yang bijak dan sensitif
3. Mengambil berat tentang kesempurnaan butir-butir keterangan
4. Sanggup menghabiskan waktu kerjanya menyemak keselarasan perkara yang sekecil-kecilnya yang terdapat dalam kerja orang lain.
5. Bijak menguruskan masa

Kebiasaan bagi penulis adalah menulis apa sahaja yang diketahuinya serta tidak membayangkan persepsi khalayak terhadap naskah tulisannya. Penyuntingan pertama akan dapat mengesan tulisan penulis yang didapati berulang-ulang, tertinggal, penerangan yang tidak jelas serta kegagalan pengarang menghuraikan sesuatu hujah dan kesilapan menulis sesuatu singkatan.³³⁹

Judith Butcher menyarankan agar penulis membaca karyanya secara perlahan-lahan supaya dia dapat melihat setiap huruf dalam setiap perkataan serta memerhatikan tanda baca pada setiap ayat. Kesalahan pada ayat juga boleh dikesan dengan

³³⁶ Marsh Cassady (1995), *op. cit.*, h.59

³³⁷ Othman Puteh (2001),*op. cit.*, h.48

³³⁸ Judith Butcher (1989), *Penyuntingan Kopi* (Terjemahan Oleh Amilah Ab Rahman), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.3

³³⁹ *Ibid.*, h. 4

mengulangi pembacaan terhadap pembetulan yang dilakukan. Beliau turut menyarankan agar perubahan atau pembetulan karya dilakukan dengan segera agar penulis tidak mengulangi kesilapannya.³⁴⁰

Kesimpulannya, proses kreatif yang perlu dijalani oleh para pengkarya drama dakwah adalah berbeza dan mempunyai kaedahnya tersendiri terutama di peringkat proses dalaman. Di peringkat ini, penulis perlu bermuhasabah diri dan menetapkan niat penulisannya adalah untuk membawa kepada seruan mentauhidkan Allah SWT serta menjauhkan masyarakat daripada kesesatan, kemunafikan, kesyirikan dan kefasikan. Daripada ketaqwaan dalam diri penulis inilah terhasilnya proses luaran yang mendorong penulis menghasilkan karya berilmu dan jauh daripada keburukan yang dilarang oleh Islam. Proses kreatif dakwah adalah proses penciptaan karya yang dicipta kerana Allah dan dihasilkannya untuk memanfaatkan masyarakat.³⁴¹

³⁴⁰ *Ibid.*, h. 81

³⁴¹ Shahnon Ahmad (1991), *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.388

BAB EMPAT

PROSES PENULISAN SKRIP DRAMA DAKWAH

4.0 PENDAHULUAN

Proses penulisan skrip drama dakwah mempunyai ciri khusus dan berbeza daripada proses penulisan kreatif biasa. Perbezaan utamanya adalah proses penulisan skrip drama dakwah menghubungkan setiap tindakan penulis ketika menghasilkan karyanya bermula daripada proses persediaan sehinggaalah proses pengeditan dengan konsep Tauhid.³⁴²

Menurut Shahnon Ahmad³⁴³ karya Islam termasuk drama dakwah perlu menepati ciri berikut, antaranya ialah pengarang adalah seorang Muslim yang benar-benar tahu asal-usul kejadiannya iaitu menjadi hamba dan khalifah Allah. Kedua, objek penyampaiannya ialah keperihalan pengalaman manusia meliputi bukan sahaja pengalaman badani, emosi atau akaliah tetapi juga kerohanian dalam konteks berdasarkan hubungannya dengan Allah kemudian baharulah dengan manusia dan alam. Manakala, cara penyampaian ialah penampilan struktur teknik yang mengutamakan kemuliaan daripada kehinaan, yang terpuji daripada yang terkeji dengan cara mendramakan serta pendedahan dan penceritaan yang sesuai. Yang terakhir ialah kesannya mestilah mencapai kesedaran di pihak pembaca tentang kejadiannya dan realiti kewujudannya sebagai hamba dan khalifah Allah.

³⁴² Rujuk model penulisan skrip drama dakwah di halaman 76

³⁴³ Shahnon Ahmad (1987), *op. cit.*, h. 130

Justeru, pengarang akan menjalani proses dalaman dan luaran yang membentuknya menghasilkan karya dakwah yang terpuji dan mendidik masyarakat.

Bab ini akan menumpukan kepada proses penulisan skrip drama dakwah iaitu *Drama Bersiri Taman Firdausi* oleh Nurhalim Hj Ismail, *Drama Bersiri Nur Kasih* oleh Maizura Mohd Ederis, *Drama Tak Serupa Tapi Sama* oleh Faznita Mohd Noor dan *Drama Ihsan* oleh Zabidi Mohamad.

4.1 LATAR - BELAKANG PARA PENULIS SKRIP

Ciri drama dakwah yang penting ialah latar-belakang penulisnya. Penulis adalah pendakwah yang menyampaikan mesej Islam melalui skripnya.³⁴⁴ Abdullah Nasih Ulwan mengatakan penyampai dakwah perlu menjadi model dan ikutan yang baik kepada orang lain seperti taqwa, wara', sabar, ikhlas, jujur dan lain-lain. Begitu juga sifat fizikalnya hendaklah mencerminkan akhlak yang mulia dan tidak berlaku keras kepada sasarannya.³⁴⁵ Oleh itu, latar-belakang para penulis dapat menjelaskan mutu dakwah dalam karyanya.

Empat penulis skrip yang dikaji ini mempunyai pendidikan akademik yang tinggi dalam pelbagai bidang. Nurhalim Hj Ismail adalah lulusan Universiti Sains Malaysia (USM) dalam bidang Sains Kemasyarakatan.³⁴⁶ Manakala, Maizura Mohd Ederis adalah lulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).³⁴⁷

³⁴⁴ Rujuk bab dua dan tiga kajian ini

³⁴⁵ Huzaimah Hj Ismail etc. (2008), "Dakwah Dan Kewajipan", *Jurnal Islam dan Komunikasi*, Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), h. 23

³⁴⁶ Nurhalim Hj Ismail, Penulis Skrip, Kota Damansara, Kuala Lumpur. Temubual pada 18 Februari 2009.

³⁴⁷ Maizura Mohd Ederis, Penulis Skrip, Bangunan BERNAMA, Kuala Lumpur. Temubual pada 22 Februari 2010.

Nor Faznita Mohd Nor pula dari bidang Pengurusan, Universiti Sains Malaysia (USM)³⁴⁸ dan Zabidi Mohamed berkelulusan Undang-Undang dari Universiti Malaya (UM) ³⁴⁹.

Semua penulis mempunyai pengalaman penulisan skrip yang luas. Haji Nurhalim Ismail telah menulis 205 buah skrip drama dalam tempoh 32 tahun, Maizura Mohd Ederis pula telah menghasilkan lebih 20 buah skrip drama, begitu juga Faznita Md. Nor yang telah menulis hampir 30 buah skrip drama dalam tempoh lima tahun. Zabidi Mohamed pula telah berkecimpung dalam bidang penulisan skrip selama 12 tahun dan telah menghasilkan hampir 40 buah skrip drama. Semua penulis mahu menerapkan nilai-nilai Islam dalam karya yang dikaji kerana kesedaran diri sendiri.

4.2 SINOPSIS RINGKAS DRAMA DAKWAH

4.2.1 *Drama Bersiri Taman Firdausi*

Taman Firdausi adalah drama bersiri 13 episod yang ditayangkan di RTM1 pada bulan Jun 2001. Drama ini berkisar tentang sirah Rasulullah SAW yang diceritakan semula oleh seorang Mejari Tentera kepada kanak-kanak di kampungnya. Drama ini bertitik tolak daripada falsafah bahawa kanak-kanak perlu membesar dengan sirah iaitu menjadikan Rasulullah SAW sebagai ikon hidup. Penulis skripnya, Nur Halim Hj Ismail, 52 tahun mengatakan drama ini adalah sebuah drama dakwah yang mengangkat keperibadian Rasulullah SAW untuk dicontohi kanak-kanak zaman ini.

³⁴⁸ Nor Faznita Mohd Noor, Penulis Skrip, Seremban. Temubual pada 1 November 2009.

³⁴⁹ Zabidi Mohamed, Penulis Skrip, Kuala Lumpur. Temubual pada 10 Oktober 2009.

Setiap episod drama ini menghidangkan kisah yang berlainan dan dilakonkan oleh sekumpulan kanak-kanak

4.2.2 *Drama Bersiri Nur Kasih*

Nur Kasih adalah drama bersiri 26 episod terbitan Syarikat Film Scape Sdn. Bhd yang ditayangkan di TV3 dari 29 Mei hingga 27 November 2009. Drama bersiri yang telah mengumpul 31 juta penonton televisyen dan internet ini mengisahkan tentang dua adik-beradik iaitu Aidil (abang) dan Adam (adik) yang mempunyai perwatakan berbeza. Aidil seorang yang penyabar, berakhhlak mulia dan mempunyai ilmu agama yang tinggi setelah menuntut di Universiti al-Azhar, Mesir. Sebaliknya, Adam seorang yang pendendam, tegas dan sukakan kebebasan hidup. Corak kehidupan Adam kebaratan setelah belajar di Australia.

Konflik bermula apabila Ustaz Hasan jatuh sakit dan disahkan doktor tidak dapat hidup lama. Justeru, beliau bimbang dengan keadaan Adam yang tidak berpegang teguh pada ajaran Islam. Sebagai penyelesaian, Ustaz Hasan menjodohkan Adam dengan Nur Amina, anak Ustaz Bakar dengan hasrat Nur Amina dapat mendidik Adam. Nur Amina dan Adam sangat terkejut namun terpaksa akur dengan keputusan keluarga. Adam mencadangkan mereka berlakon sebagai suami-isteri di depan keluarga masing-masing. Setelah Ustaz Hasan meninggal dunia, Adam pulang ke Australia dengan meninggalkan isterinya Nur Amina di Kuala Lumpur. Adam meletakkan Nur Amina dalam keadaan gantung tak bertali.

Nur Amina melanjutkan pengajian di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) tanpa pengetahuan keluarganya di kampung. Namun, rahsianya terbongkar apabila abang iparnya, Aidil terserempak dengannya ketika berkunjung ke UIAM. Sejak itu, Aidil berasa bersalah dengan Nur Amina dan mengambil berat tentang adik-iparnya.

Di Australia, Adam berkahwin dengan Katrina, teman wanitanya tanpa pengetahuan keluarga dan isterinya. Sikapnya yang jauh dari agama menyebabkan hidupnya dirundung kegelisahan dan masalah. Kemalangan jalanraya yang dialaminya menyebabkan Adam kembali mencari Tuhan.

Perubahan Adam sekembalinya ke tanah air menggembirakan Aidil dan ibunya, Hajah. Adam juga menyedari kesilapannya terhadap Nur Amina dan cuba berbaik semula dengan isterinya itu. Sebaliknya, Nur Amina menjauhkan diri dari Adam setelah mengetahui Adam berkahwin dengan Katrina. Dia berhijrah ke Mekah bersama rakannya demi mencari ketenangan diri.

Aidil berusaha memujuk Adam supaya bersabar dan terus berusaha berbaik semula dengan Nur Amina. Kisah ini berakhir dengan kesudahan yang baik apabila Adam berjaya membimbing isterinya Katrina menjadi Muslimah dalam masa yang sama bersatu semula dengan Nur Amina. Namun, Katrina lebih dahulu meninggal dunia akibat penyakit kanser.

4.2.3 *Drama Tak Serupa Tapi Sama*

Drama Tak Serupa Tapi Sama (TSTS) telah ditayangkan pada 27 Disember 2008 menerusi slot Cerekrama TV3. Drama 120 minit ini adalah terbitan pertama syarikat Hessa Creative House Sdn. Bhd yang juga dimiliki penulis skripnya, Nor Faznita bte

Mohd Nor. Drama ini telah dicalonkan sebagai Drama Terbaik dalam Anugerah Skrin 2009.

TSTS mengisahkan tentang pertelingkahan di antara golongan agama dan jahil yang terjadi dalam sebuah keluarga. Belinda, 24 tahun bekerja sebagai wartawan televisyen di Kuala Lumpur. Dia seorang yang suka membantu orang lain, bersungguh-sungguh dalam kerjaya dan berbudi bahasa. Ibubapanya, Tajuddin dan Jauriah adalah orang Melayu yang berjaya dalam hidup namun jahil agama.

Konflik bermula apabila Nusri, 25 tahun saudara Tajudin menumpang di rumah mereka. Cara hidup Nusri amat berbeza dengan keluarga Belinda. Dia seorang yang sangat menjaga sembahyang dan selalu berpuasa sunat. Nusri berasa jelek dengan cara hidup keluarga Belinda dan menganggap mereka sesat. Walau bagaimanapun, Nusri tidak menunjukkan contoh tauladan yang baik. Dia kerap datang lewat ke tempat kerja, tidak menepati janji dan tidak menjaga kebersihan. Hal ini menjauhkan lagi keluarga Belinda dengan nasihat-nasihat agama Nusri.

Keluarga Belinda mengamalkan cara hidup kebaratan. Belinda sendiri gemar berpakaian seksi dan pergi ke kelab malam. Suatu ketika, Belinda pergi ke kampung Nusri untuk mendapatkan bahan penerbitannya. Belinda mendapati keluarga Nusri tidak sebaik yang dia sangkakan. Ayah Nusri, Haji Nurjani seorang yang panas baran, sombong dan bersikap kasar terhadap isterinya, Mardiah. Manakala adik lelaki Nusri, Nuruddin terlibat dalam gejala sosial. Rumah keluarga Nusri kotor dan berselerak. Melihat keadaan itu, Belinda menegur Nurjani dan akibatnya, Nurjani mengamuk dan Belinda pulang ke Kuala Lumpur. Dalam perjalanan, kereta Belinda ditahan sekumpulan anak-anak muda. Dia

kemudiannya cuba dirogol oleh mereka yang sebenarnya diketuai oleh Nuruddin, adik Nusri.

Belinda cedera dan trauma dengan kejadian tersebut. Dia teringat kisah Nabi Yunus AS yang mengharapkan bantuan Allah SWT sehingga ditelan ikan Nun. Dalam waktu yang sama, Nusri kesal dan terkejut dengan perbuatan adiknya. Walaupun belajar agama tinggi, dia masih gagal membimbang ahli keluarganya mentaati ajaran Islam. Belinda dan Nusri menyedari bahawa mereka adalah tak serupa tapi sama iaitu masih tidak menjadi umat Islam yang baik.

4.2.4 *Drama Ihsan*

Drama Ihsan telah ditayang pada 22 Mac 2008 menerusi slot Cerekrama TV3 sempena sambutan Maulidur Rasul 2008. Drama 120 minit ini diterbitkan oleh Layar Consult Sdn. Bhd. serta menerima pencalonan akhir Drama Terbaik Anugerah Skrin 2008.

Drama Ihsan mengisahkan seorang majisterit yang diekori lelaki kurang siuman bernama Nordin. Setelah disiasat, Nordin adalah bekas peguam yang mengalami masalah hidup. Dia telah menipu ibubapanya kerana mahu berkahwin dengan anak orang kaya. Nordin menjual tanah pusaka milik keluarganya bagi membuka syarikat guaman sendiri. Di majlis perkahwinannya, ibu Nordin telah datang tanpa pengetahuannya. Setelah diketahui, Nordin menghalau ibunya dengan kasar.

Nordin tidak pernah menjenguk ibubapanya selepas berkahwin. Ibu Nordin pergi ke rumahnya kerana tidak tahan menanggung rindu. Namun, Nordin tidak membenarkan ibunya masuk ke dalam rumah. Malah, dia membuang makanan yang dibawa ibunya dan

menolak ibunya sehingga jatuh. Sejak peristiwa itu, ibunya jatuh sakit dan kecewa dengan sikap derhaka Nordin.

Hidup Nordin semakin bermasalah apabila syarikatnya bangkrap. Isterinya juga meninggalkannya. Nordin pulang ke rumah ibubapanya tetapi rumah tersebut kosong. Nordin akhirnya mengalami masalah mental apabila tinggal sebatang kara. Dia mengadukan masalahnya kepada si majisterit. Hasil bantuan mereka, Nordin dibawa pulang ke kampung mengunjungi jenazah ibunya. Malangnya, bapa Nordin tidak mengakuinya sebagai anak. Nordin tidak dapat menerima kenyataan dan melarikan diri. Nordin kemudian terjatuh atas seketul batu besar dan meninggal dunia.

Sewaktu jenazahnya dimandikan, keluar ulat-ulat di wajahnya dan ketika jenazah Nordin dibawa ke kubur, kerandanya menjadi berat. Balasan yang diterima Nordin itu menginsafkan si majisterit yang menguruskan kematian Nordin. Majisterit tersebut teringat perbuatannya yang mengecilkan hati ibunya di kampung. Kerana kesibukan bekerja, dia lupa menziarahi ibunya. *Drama Ihsan* berakhir dengan babak si majisterit pulang ke kampung dan memohon ampun daripada ibunya.

4.3 ANALISIS KEKERAPAN PROSES PENULISAN SKRIP DRAMA DAKWAH

4.3.1 PROSES PERSEDIAAN

Proses Persediaan	Penulis	Amalan	Lebih dari sekali	Sekali	Tidak Pernah
Menetapkan matlamat dakwah	Nur Halim		√		
	Maizura	√			
	Faznita	√			
	Zabidi	√			
Merangka Idea Kasar	Nur Halim	√			
	Maizura	√			
	Faznita	√			
	Zabidi	√			
Senaman Ringan	Nur Halim		√		
	Maizura		√		
	Faznita		√		
	Zabidi		√		
Menunaikan Solat Tahajud	Nur Halim		√		
	Maizura			√	
	Faznita		√		
	Zabidi	√			
Membaca al-Quran	Nur Halim		√		
	Maizura			√	
	Faznita	√			
	Zabidi	√			
Menggabungkan Pengalaman Hidup	Nur Halim	√			
	Maizura	√			
	Faznita	√			
	Zabidi	√			

Membuat Tinjauan Awal	Nur Halim	√			
	Maizura	√			
	Faznita	√			
	Zabidi		√		
Mengelakkan Daripada Sterotaip	Nur Halim	√			
	Maizura	√			
	Faznita	√			
	Zabidi	√			
Berbincang Dengan Pakar Agama	Nur Halim			√	
	Maizura	√			
	Faznita				√
	Zabidi	√			
Menonton Drama-Drama Lain	Nur Halim		√		
	Maizura	√			
	Faznita			√	
	Zabidi	√			
Sentiasa Bermuhasabah Niat	Nur Halim		√		
	Maizura		√		
	Faznita	√			
	Zabidi	√			

JADUAL 4.1

Proses persediaan adalah proses pertama yang perlu dijalani seseorang penulis skrip.³⁵⁰

Bagi Nur Halim (NH), beliau meletakkan matlamat untuk berdakwah dengan cara menyebarkan sirah Rasulullah SAW melalui watak-watak dalam *Drama Taman Firdausi*.

Beliau telah menetapkan niatnya ini beberapa kali sebelum menulis naskah skripnya.

Manakala Maizura (M), Faznita (F) dan Zabidi (Z) menjadikan niat menulis untuk

³⁵⁰ Rujuk Model Proses Penulisan Skrip Drama Dakwah di halaman 76

berdakwah sebagai amalan tetap. Langkah seterusnya yang menjadi amalan semua penulis ialah merangka idea kasar. Masing-masing menuliskan idea di kertas mengikut kefahaman sendiri.

Menurut semua penulis, sebelum proses penulisan bermula, persediaan fizikal amat penting antaranya membuat senaman ringan, menunaikan solat sunat tahajud dan membaca al-Quran. Bagi Z, beliau konsisten mengamalkan solat sunat Tahajud dan membaca al-Quran sebelum menulis skrip *Drama Ihsan*. Manakala M, hanya sekali menunaikan solat Sunat Tahajud dan membaca al-Quran sepanjang menulis skrip *Drama Nur Kasih*.

Semua penulis tidak sukar menyiapkan skrip masing-masing kerana menggabungkannya dengan pengalaman hidup. Menurut NH, beliau kerap berasa bimbang melihat budaya barat yang menular di kalangan remaja Melayu. Beliau tidak mahu unsur-unsur tersebut memesongkan akidah para remaja khususnya anak-anaknya sendiri. Oleh itu, beliau terpanggil untuk mengangkat keperibadian Rasulullah SAW agar menjadi ikutan generasi muda Islam di Malaysia melalui *Drama Taman Firdausi*.³⁵¹ Bagi M, watak-watak *Drama Nur Kasih* adalah karakter dirinya sendiri dan ahli keluarganya.³⁵² Selain itu, pengalaman M bekerja sebagai wartawan Majalah *Millenia Muslim* turut memberikan panduan kepada dirinya menulis sebuah drama Islam. Misalnya, M pernah berhadapan dengan seorang muallaf yang mengatakan dirinya tidak akan memeluk agama Islam sekiranya melihat sikap orang-orang Melayu yang negatif. Hal ini menyuntik semangat M untuk memulihkan kembali imej Islam yang sebenar dalam drama *Nur Kasih*. Menurut F pula,

³⁵¹ Nur Halim Hj Ismail, Penulis Skrip, Galeri Ilmu Sdn. Bhd, Kota Damansara. Temubual pada 18 Februari 2009.

³⁵² Maizura Mohd Ederis, Penulis Skrip, One Utama, Damansara. Temubual pada 15 Feb 2010.

Drama Tak Serupa Tapi Sama adalah hasil pengalamannya berkunjung ke Negara Mesir pada tahun 2006. Dalam kunjungan tersebut, beliau mendapati sikap umat Islam di sana tidak melambangkan akhlak dan budaya Islam. Misalnya, Masjid al-Azhar yang terkenal di seluruh dunia, kotor dan bernajis. Beliau juga tersinggung dengan sikap masyarakat Islam di Mesir yang gemar membuang sampah di merata-rata tempat, sedangkan ianya bercanggah dengan suruhan agama. Hal ini mendorong F untuk menghasilkan sebuah drama yang dapat menegur akhlak umat Islam khususnya di Malaysia.³⁵³ Z pula mengatakan, *Drama Ihsan* merupakan sebahagian pengalamannya ketika bekerja sebagai Majistret di Mahkamah Tinggi Kelantan pada tahun 1987. Seorang bekas peguam telah berkongsi sejarah hidupnya dengan Z. Akibat menderhakai ibubapa, peguam tersebut dirundung masalah hidup hingga ke akhir hayatnya. Kisah itu kemudiannya dimuatkan Z dalam *Drama Ihsan*.³⁵⁴

Selain itu, semua penulis mengelakkan sterotaip dalam drama mereka. Antara usaha mereka ialah membuat tinjauan awal, berbincang dengan pakar agama dan menonton drama-drama lain. Misalnya, M melayari beberapa laman web Islam terkenal seperti www.yusufqardhawi.com, www.iluvislam.com dan www.saifulislam.com untuk mengetahui hukum dan pandangan semasa Islam. Beliau juga menemui tokoh Islam, Dr Muhammad Uthman el-Muhamady bertanyakan tentang hukum Islam yang ingin dimuatkan dalam dramanya. Begitu juga dengan F, walaupun tidak berbincang secara berdepan dengan mana-mana tokoh agama, beliau gemar melayari laman web pendakwah Islam Mesir iaitu www.amrkhaled.net yang banyak menyentuh persoalan moraliti umat Islam. Menurut Amr Khalid, moraliti umat Islam kini terbahagi kepada dua iaitu umat


³⁵³ Nor Faznita bt Mohd Nor, Penulis Skrip, Jaya Jusco Seremban. Temubual pada 1 November 2009.

³⁵⁴ Zabidi Mohamed, Penulis Skrip, Galeri Ilmu Sdn. Bhd, Kota Damansara. Temubual pada 10 Oktober 2009.

Islam yang moden tetapi jahil agama dan umat Islam yang kuat beramal ibadat tetapi menolak kemodenan. Kenyataan Amr Khalid ini memberi ilham kepada F untuk menulis *Drama Tak Serupa Tapi Sama*. Bagi Z pula, beliau telah berjumpa dengan beberapa ustaz dan pensyarah agama bagi mendapat gambaran sesebuah drama dakwah. Hasil perbincangannya dengan Ustaz Adib, beliau telah mendapat judul Ihsan bagi drama tersebut.

Selanjutnya, M mengamalkan cara menonton drama-drama yang berkaitan dengan drama yang bakal ditulisnya. Beliau mengatakan, akan duduk seorang diri dalam biliknya dan menonton filem secara serius. Setiap adegan akan dicatatkan dalam buku tulis yang kemudiannya diolah kembali ketika menulis skrip *Drama Nur Kasih*. Cara begini turut diamalkan oleh Z yang gemar mencari posisi watak dalam filem-filem antarabangsa.

F dan Z menjadikan muhasabah diri sebagai amalan persediaan berkarya. Manakala NH dan M walaupun tidak menjadikan muhasabah sebagai amalan tetapi melakukannya lebih dari sekali. Muhasabah adalah penting bagi menilai kembali niat setiap penulis yang ingin meletakkan matlamat dakwah melebihi kepentingan lain dalam karya mereka.



Carta 4.1

Carta di atas menunjukkan Z mendahului penulis lain dalam pengamalan proses persediaan menulis skrip drama dakwah iaitu sebanyak 82 peratus. Manakala penulis M dan F masing-masing mengamalkan 64 peratus proses persediaan, namun penulis F ketinggalan 9 peratus kerana meninggalkan satu proses persediaan iaitu tidak pernah berbincang dengan pakar agama. Bagi NH pula, beliau banyak melaksanakan proses persediaan lebih dari sekali iaitu sebanyak 55 peratus dan hanya sekali merujuk pakar agama sepanjang menulis skrip *Drama Taman Firdausi*.

4.3.2 PROSES PENGERAMAN

Proses Pengeraman	Penulis	Amalan	Lebih dari sekali	Sekali	Tidak Pernah
Berfikir Dengan Serius	Nur Halim	√			
	Maizura	√			
	Faznita	√			
	Zabidi	√			
Berfikir Tentang Alam Dan Mengaitkannya Dengan Sifat-Sifat Allah	Nur Halim	√			
	Maizura	√			
	Faznita	√			
	Zabidi	√			
Mengamalkan Syariat Islam Secara Syumul Dalam Kehidupan	Nur Halim	√			
	Maizura	√			
	Faznita	√			
	Zabidi	√			
Mengajak Orang Lain Untuk Beramal	Nur Halim			√	
	Maizura	√			
	Faznita	√			
	Zabidi	√			
Mengingati Allah Dalam Setiap Keadaan	Nur Halim	√			
	Maizura	√			
	Faznita	√			
	Zabidi	√			
Membaca Tafsir al-Quran	Nur Halim	√			
	Maizura	√			
	Faznita		√		
	Zabidi		√		
Insaf Melihat Kesusahan Orang Lain Ketika Menulis Dan Mengaitkan Dengan Kebesaran Allah SWT.	Nur Halim	√			
	Maizura	√			
	Faznita		√		
	Zabidi				√

Berulang-kali Berfikir Tentang Persoalan Cerita.	Nur Halim	√			
	Maizura	√			
	Faznita	√			
	Zabidi	√			
Hati Dalam Keadaan Yang Tenang Ketika Merangka Cerita.	Nur Halim		√		
	Maizura	√			
	Faznita		√		
	Zabidi	√			
Mengambil Masa Lebih Dari Tiga Hari Untuk Berfikir Tentang Cerita.	Nur Halim	√			
	Maizura	√			
	Faznita	√			
	Zabidi	√			
Menggunakan Aliran Pemikiran Islam Dalam Cerita Bagi Mendorong Penonton Berfikir.	Nur Halim	√			
	Maizura	√			
	Faznita	√			
	Zabidi	√			


JADUAL 4.2

Jadual 4.2 menunjukkan proses penggeraman yang dilalui oleh semua penulis. Antara amalan tetap mereka ialah berfikir dengan serius setelah mendapat idea pertama, mengaitkan setiap kejadian alam dengan sifat-sifat Allah SWT, mengingati Allah dalam setiap kejadian, berulang kali memikirkan persoalan cerita dan menggunakan aliran pemikiran Islam bagi mendorong penonton berfikir. Semua penulis juga mengamalkan syariat Islam yang syumul dalam kehidupan harian masing-masing.

Menurut M, seorang penulis skrip drama dakwah tidak boleh hipokrit dalam karyanya. Jika penulis skrip ingin mengajak penonton menutup aurat dan menjaga solat, maka penulis perlu melaksanakan terlebih dahulu dalam kehidupan hariannya. Begitu juga NH, beliau sendiri akan melaksanakan syariat Islam sebelum menegur orang lain. Sebagai penulis skrip dan pengarah, NH akan berhenti melakukan sebarang tugas apabila masuknya waktu solat. Beliau juga menghadiri kuliah agama di surau untuk menambah ilmu agama. Perkara yang sama dipraktikkan dalam kehidupan F dan Z. F mengakui seorang yang suka membaca buku-buku agama terutama buku *Manusia Dan Islam* karya Dr Haron Din dan cuba mempraktiskan Islam dalam kehidupan peribadinya. Z pula menerapkan syariat Islam dalam keluarganya. Isteri dan anak-anaknya diwajibkan menutup aurat dan menjaga ibadah fardhu kerana percaya bahawa setiap Muslim adalah pendakwah.

Selain itu, sepanjang proses penggeraman juga, NH dan M menjadikan tafsir al-Quran sebagai bacaan tetap ketika menulis skrip, manakala F dan Z membacanya lebih dari sekali. NH dan M juga selalu berasa insaf dengan isu-isu moral yang berlaku dalam masyarakat. Menurut M, selepas membaca blog www.saifulislam.com beliau mengetahui bahawa di kalangan orang agama juga wujud penceraian dan kecurangan dalam rumah tangga. Justeru, beliau cuba meleraikan masalah ini melalui skrip *Drama Nur Kasih*. Bagi NH, sikap ibubapa yang tidak memberi contoh tauladan kepada anak-anak adalah faktor utama kerosakan generasi muda. Beliau berasa insaf dan yakin bahawa sirah Rasulullah SAW yang diangkatkannya dalam *Drama Taman Firdausi* dapat memberi manfaat yang besar. Berbeza dengan Z, sepanjang memikirkan persoalan *Drama Ihsan*, beliau tidak tersentuh dengan isu sekeliling selain memanfaatkan pengalaman peribadinya sahaja.

Di peringkat ini juga, hanya Z dan M yang berada dalam ketenangan hati manakala NH dan F mengakui kadangkala mereka resah ketika mencantumkan idea dalam fikiran. Semua penulis mengambil masa lebih tiga hari berfikir tentang persoalan skrip drama masing-masing.



CARTA 4.2

Berdasarkan carta di atas, hanya M yang mengamalkan keseluruhan proses penggeraman dakwah diikuti oleh NH, sebanyak 82 peratus. Manakala Z, walaupun mempunyai persamaan dengan NH, beliau meninggalkan satu proses penggeraman dakwah iaitu tidak melihat kesusahan orang lain sebagai muhasabah ketika berkarya. F pula mengimbangi antara amalan dan perlaksanaan lebih dari sekali setiap proses penggeraman dakwah yang digariskan oleh pengkaji.

4.3.3 PROSES ILUMINASI


Proses Iluminasi	Penulis	Amalan	Lebih dari sekali	Sekali	Tidak Pernah
Pernah Merasakan Sudah Menyelesaikan Cerita .	Nur Halim				✓
	Maizura		✓		
	Faznita		✓		
	Zabidi		✓		
Seronok Kerana Menemui Penyelesaian Cerita Dalam Fikiran.	Nur Halim		✓		
	Maizura	✓			
	Faznita	✓			
	Zabidi	✓			
Menghalan Pemikiran Kepada Konsep Tauhid.	Nur Halim	✓			
	Maizura	✓			
	Faznita	✓			
	Zabidi	✓			
Diri Dikuasi Sifat Mahmudah	Nur Halim	✓			
	Maizura	✓			
	Faznita		✓		
	Zabidi	✓			
Mahu Menerapkan Sifat-Sifat Mulia Dalam Drama Ini.	Nur Halim		✓		
	Maizura		✓		
	Faznita		✓		
	Zabidi	✓			
Akal Mahu Menyingkirkan Sifat Mazmumah	Nur Halim	✓			
	Maizura	✓			
	Faznita	✓			
	Zabidi	✓			
Tidak Mahu Diganggu	Nur Halim		✓		
	Maizura		✓		
	Faznita		✓		
	Zabidi		✓		

JADUAL 4.3

Jadual di atas menunjukkan setiap penulis mengamalkan dua proses iluminasi iaitu menghalakan pemikiran masing-masing kepada konsep Tauhid yang meletakkan Allah SWT sebagai Tuhan dan Pencipta alam. Justeru, penulis tidak akan lari dari mengaitkan peristiwa dalam karya mereka dengan konsep tersebut. Selain itu, setiap penulis juga mahu menyingkirkan mazmumah dalam diri masing-masing. Bagi NH, sirah Rasulullah SAW yang akan diterapkan dalam karyanya telah memberi ketenangan dan sifat tawadhus kepada dirinya. Menurut M pula, teguran yang didapati hasil skrip beliau sebelumnya membuatkan beliau lebih berhati-hati mencipta watak dan cerita. Beliau juga percaya, setiap yang ditulisnya akan dipertanggungjawabkan di akhirat. Bagi Z, solat tahajud yang menjadi amalannya membuatkan fikiran dan jiwanya tenang sepanjang memikirkan jalan cerita *Drama Ihsan*.

Di tahap ini, tiga penulis pernah merasakan seolah sudah menyelesaikan sebuah cerita dalam fikiran masing-masing. Mereka ialah M, F dan Z. Apabila keadaan ini berlaku, para penulis ini berasa seronok kerana sudah menemui penyelesaian cerita mereka. Sebaliknya, hal ini tidak dialami oleh NH kerana tidak pernah merasakan cerita sudah selesai, tetapi ada ketika, beliau juga seronok apabila ideanya jelas dalam fikiran.

Selain itu, semua penulis pernah merasakan lebih dari sekali perasaan tidak mahu diganggu ketika proses iluminasi berlangsung.



Carta 4.3

Carta di atas menunjukkan pengamalan proses iluminasi dakwah penulis Z lebih tinggi berbanding penulis lain iaitu sebanyak 71 peratus. Ini diikuti penulis M sebanyak 54 peratus pengamalan dan 43 peratus perlaksanaan lebih dari sekali. Manakala penulis F, mengamalkan 43 peratus proses iluminasi dakwah dan 54 peratus perlaksanaan lebih dari sekali. Bagi penulis NH pula, pengamalan dan perlaksanaan lebih dari sekali adalah sama iaitu 43 peratus dan 14 peratus bagi proses iluminasi yang tidak pernah dilaksanakan.

4.3.4 PROSES VARIFIKASI

Proses Varifikasi	Penulis	Amalan	Lebih dari sekali	Sekali	Tidak Pernah
Menilai Semula Idea Dengan Semasaknya.	Nur Halim	✓			
	Maizura	✓			
	Faznita	✓			
	Zabidi	✓			
Yakin Pandangan Sendiri Berbanding Pandangan Orang Lain.	Nur Halim		✓		
	Maizura	✓			
	Faznita		✓		
	Zabidi	✓			
Idea Hanya Jelas Selepas Beberapa Hari Berfikir.	Nur Halim		✓		
	Maizura	✓			

	Faznita		✓		
	Zabidi	✓			
Idea Tidak Berubah.	Nur Halim			✓	
	Maizura		✓		
	Faznita			✓	
	Zabidi		✓		
Yakin Bahawa Bahan Yang Akan Ditulis Jauh Dari Unsur Khurafat Dan Syirik.	Nur Halim		✓		
	Maizura	✓			
	Faznita	✓			
	Zabidi	✓			
Berasa Gelasah Selagi Tidak Mula Menulis.	Nur Halim	✓			
	Maizura	✓			
	Faznita	✓			
	Zabidi	✓			
Rasa Bertanggungjawab Untuk Memurnikan Mesej Islam.	Nur Halim			✓	
	Maizura	✓			
	Faznita	✓			
	Zabidi	✓			
Bermuhasabah Dan Beristigfar Sebelum Menulis.	Nur Halim	✓			
	Maizura	✓			
	Faznita		✓		
	Zabidi		✓		


JADUAL 4.4

Proses varifikasi adalah proses dalaman terakhir yang dialami oleh setiap penulis. Jadual di atas menunjukkan hanya dua proses varifikasi yang diamalkan oleh setiap penulis iaitu menilai semula idea dengan semasaknya dan berasa gelisah selagi tidak memulakan penulisan. Di peringkat ini juga, rata-rata penulis yakin bahawa karya mereka jauh dari unsur khurafat dan syirik. Bagi M misalnya, dia sangat mengharapkan ada penonton yang

mendapat kesedaran apabila menonton *Drama Nur Kasih* walaupun tidak ramai. Semua penulis juga kecuali NH, berasa sangat bertanggungjawab memurnikan mesej Islam dalam drama mereka. Ini kerana, menurut mereka, drama dakwah yang dipaparkan di televisyen kebanyakannya tidak menepati ciri Islam terutama dari aspek cerita. Bagi NH, hanya sekali hatinya terdetik rasa tanggungjawab memurnikan mesej Islam dalam dramanya.

Seterusnya, Z dan M mengatakan mereka yakin dengan idea sendiri berbanding orang lain kerana drama yang ditulis adalah berdasarkan kisah benar-benar masing. Z hanya perlu mengingati semula peristiwa lampau untuk digarap menjadi *Drama Ihsan*. M pula banyak melakukan kajian pembacaan bagi elemen agama *Drama Nur Kasih*. Justeru, walaupun mendapat saranan orang lain, dia lebih yakin menggunakan sepenuhnya pemikiran hasil kajiannya. Setelah beberapa hari berfikir, M dan Z akan berasa jelas dengan idea yang bakal ditulis mereka.

Walau bagaimanapun, tidak ada seorang penulis yang kerap tidak berubah idea. Bagi NH dan F, hanya sekali idea mereka tidak pernah berubah. Kebiasaanya, idea berkembang dan berubah selepas penulis berfikir beberapa hari. NH dan M menjadikan muhasabah dan beristigfar sebagai amalan tetap sebelum mula menulis. Manakala F dan Z pula melakukannya lebih dari sekali.



Carta 4.4

Carta di atas menunjukkan penulis M paling banyak mengamalkan proses iluminasi dakwah berbanding penulis lain iaitu sebanyak 87.5 peratus . Hal yang sama dilaksanakan oleh penulis Z, walaupun sebahagian perlaksanaan proses iluminasinya tidak menjadi amalan tetapi dilakukan lebih dari sekali sebanyak 25 peratus. Manakala, penulis NH mengimbangi antara amalan dan perlaksanaan lebih dari sekali iaitu sebanyak 37.5 peratus.

4.3.5 MENDAPATKAN IDEA

Proses Mendapatkan Idea	Penulis	Amalan	Lebih dari sekali	Sekali	Tidak Pernah
Membaca.	Nur Halim	√			
	Maizura	√			
	Faznita	√			
	Zabidi				√
Peristiwa Sebenar Dalam Hidup.	Nur Halim			√	
	Maizura		√		
	Faznita		√		
	Zabidi	√			
Berbincang Dengan Orang Lain.	Nur Halim			√	
	Maizura	√			
	Faznita		√		
	Zabidi		√		
Sentiasa Membawa Pen Dan Kertas Ke Mana-Mana.	Nur Halim	√			
	Maizura	√			
	Faznita				√
	Zabidi		√		
Mencatat Idea Tanda Mengira Tempat Dan Waktu.	Nur Halim		√		
	Maizura	√			

	Faznita			✓	
	Zabidi		✓		
Sedih Apabila Idea Hilang Dari Fikiran.	Nur Halim	✓			
	Maizura		✓		
	Faznita			✓	
	Zabidi				✓
Hati Sensitif Dengan Peristiwa Yang Berlaku Dalam Masyarakat.	Nur Halim	✓			
	Maizura	✓			
	Faznita	✓			
	Zabidi	✓			
Kemahuan Yang Kuat Dalam Diri.	Nur Halim	✓			
	Maizura	✓			
	Faznita	✓			
	Zabidi	✓			
Individu Di Sekeliling Menjadi Inspirasi Untuk Berkarya.	Nur Halim		✓		
	Maizura	✓			
	Faznita		✓		
	Zabidi	✓			

JADUAL 4. 5


Mendapatkan idea merupakan proses luaran pertama dalam proses penulisan. Jadual di atas menunjukkan hanya dua perkara yang diamalkan oleh semua penulis untuk mendapatkan idea iaitu hati sensitif dengan perkara yang berlaku dalam masyarakat serta kemahuan diri yang kuat. Bagi penulis NH, M dan F, pembacaan merupakan sumber utama mencambahkan idea. NH membaca buku-buku berkaitan sirah Rasulullah SAW untuk mencipta *Drama Taman Firdausi*, F pula menjadikan buku karangan Dr Haron Din, *Manusia Dan Islam* sebagai rujukan utama mencipta *Drama Tak Serupa Tapi Sama* dan M merujuk tafsir al-Quran selain melayari laman web tokoh-tokoh Islam ketika

mengembangkan *Drama Nur Kasih*. Menurut NH, beliau pernah menangis ketika membaca sirah baginda SAW yang padanya sempurna untuk diteladani semua masyarakat.

Bagi M dan NH, mereka sentiasa membawa pen dan buku nota ke mana-mana sahaja. Setiap idea yang datang akan dicatatkan dalam buku nota. Mereka juga akan berasa sedih sekiranya idea hilang dari kepala. Menurut M, beliau selalu menghubungi rakan-rakan penulisnya untuk meminta pandangan mereka. Misalnya, untuk watak Aidil, yang belajar di Universiti al-Azhar Mesir, M telah menghubungi rakannya yang belajar di sana untuk mendapatkan gambaran mahasiswa al-Azhar. M juga gemar duduk di tempat awam memerhatikan gelagat masyarakat. Hal ini membantunya menggarap watak dengan lebih berkesan dan realistik.

Para penulis juga menjadikan individu di sekeliling sebagai inspirasi utama mereka. Hal ini dikongsikan dengan F yang menurutnya gemar menamakan watak-watak dalam karyanya dengan nama ahli keluarga sendiri. Walau bagaimanapun, hanya sekali beliau mencatat idea yang muncul di fikiran tanpa mengira waktu dan tempat kerana lebih senang memendamkannya.

Bagi Z, beliau tidak pernah sedih kerana idea *Drama Ihsan* masih segar dalam fikirannya walaupun peristiwa itu berlaku 15 tahun lalu. Beliau juga tidak pernah membaca sebarang buku dan mampu manfaatkan pengalaman peribadi sepenuhnya untuk drama ini.



Carta 4.5

Carta di atas menunjukkan penulis M mengamalkan paling banyak proses mendapatkan idea iaitu sebanyak 78 peratus diikuti penulis NH, sebanyak 56 peratus. Manakala penulis F dan Z seimbang antara pengamalan dan perlaksanaan lebih dari sekali. Penulis Z paling banyak meninggalkan proses mendapatkan idea iaitu sebanyak 23 peratus. Hal ini kerana beliau tidak pernah membaca atau sedih jika ideanya hilang dari fikiran.

4.3.6 PENGUMPULAN BAHAN

Proses Pengumpulan Bahan	Penulis	Amalan	Lebih dari sekali	Sekali	Tidak Pernah
Melakukan Temubual.	Nur Halim	✓			
	Maizura	✓			
	Faznita		✓		
	Zabidi		✓		
Membuat Tinjauan.	Nur Halim		✓		
	Maizura		✓		
	Faznita		✓		
	Zabidi			✓	
Membaca Lebih Daripada Tiga Buah Buku Berkaitan Isu Drama	Nur Halim			✓	
	Maizura	✓			


Yang Akan Ditulis.	Faznita	✓			
	Zabidi			✓	
Merujuk Ahli Agama.	Nur Halim		✓		
	Maizura	✓			
	Faznita				✓
	Zabidi	✓			
Bahan Penulisan Berunsurkan Islam	Nur Halim	✓			
	Maizura	✓			
	Faznita	✓			
	Zabidi	✓			
Tempoh Pengumpulan Bahan Lebih Seminggu.	Nur Halim	✓			
	Maizura	✓			
	Faznita	✓			
	Zabidi	✓			
Mempunyai Pembantu Untuk Mengumpulkan Bahan.	Nur Halim			✓	
	Maizura				✓
	Faznita				✓
	Zabidi				✓

Jadual 4.6

Proses pengumpulan bahan yang dilakukan oleh semua penulis ialah menggunakan bahan-bahan penulisan berunsurkan Islam dan tempoh pengumpulan masing-masing memakan masa lebih seminggu. Bagi NH, setelah membuat penyelidikan melalui buku-buku sirah Rasulullah SAW, beliau juga menghadiri kuliah agama di masjid sekitar rumahnya. Beliau dan M telah mengadakan temubual untuk memperkuatkan jalan cerita masing-masing. M bertanyakan rakan-rakan dari kalangan ahli agama bagi mengetahui ilmu nusyuz, poligami, faraid, taubat, ketaatan kepada ibubapa dan lain-lain. Z pula beberapa kali menghubungi seorang pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia membincangkan persoalan *Drama Ihsan*. Malah, tajuk Ihsan turut dicadangkan pensyarah tersebut kepadanya.

Selain itu, F mengatakan idea *Drama Tak Serupa Tapi Sama* sudah lama berada dalam kepalanya. Namun, apabila pihak TV3 memintanya untuk menerbitkan drama ini, baharulah beliau membuat kajian selama 15 hari dengan memperbanyak bacaan bahan-bahan agama. Menurutnya, beliau membaca artikel di Akhbar *Mingguan Malaysia* tulisan Dr Ridhuan Tee yang melarang para penulis menonjolkan imej negatif Muslim yang berpakaian mengikut syariat Islam seperti berserban dan berkopiah, kerana bimbang ia menjaskas nama baik agama. Namun, F mengambil jalan sebaliknya kerana berpendapat umat Islam perlu ditegur dengan telus dan terbuka. Padanya, golongan agama di Malaysia juga banyak melakukan perkara yang mencemarkan imej Islam.

Semua penulis kecuali NH, tidak pernah mempunyai pembantu bagi pengumpulan bahan-bahan penulisan.



Carta 4.6

Carta di atas menunjukkan penulis M lebih banyak mengamalkan proses pengumpulan bahan berbanding penulis lain sebanyak 72 peratus. Ini diikuti penulis NH, F dan Z sebanyak 43 peratus. Bagi penulis F, proses yang tidak pernah dilakukan ialah merujuk ahli agama dan mempunyai pembantu iaitu sebanyak 28.5.

4.3.7 PROSES PENULISAN

Proses Penulisan	Penulis	Amalan	Lebih dari sekali	Sekali	Tidak Pernah
Mengambil Wudhuk Sebelum Menulis.	Nur Halim		√		
	Maizura				√
	Faznita				√
	Zabidi				√
Menulis Dalam Keadaan Yang Sunyi.	Nur Halim		√		
	Maizura		√		
	Faznita			√	
	Zabidi		√		
Menulis Terus-Menerus Hingga Selesai.	Nur Halim				√
	Maizura		√		
	Faznita				√
	Zabidi		√		
Terdapat Gangguan Kelancaran Idea Ketika Menulis.	Nur Halim		√		
	Maizura		√		
	Faznita	√			
	Zabidi		√		
Berhenti Menulis Ketika Azan Berkumandang.	Nur Halim		√		
	Maizura		√		
	Faznita		√		
	Zabidi	√			
Menunaikan Solat Fardhu Terlebih Dahulu.	Nur Halim		√		
	Maizura		√		
	Faznita		√		
	Zabidi	√			
Menulis Selepas Menunaikan Solat	Nur Halim			√	

Tahajud.	Maizura				✓
	Faznita		✓		
	Zabidi			✓	
Mempunyai Jadual Waktu Menulis.	Nur Halim				✓
	Maizura				✓
	Faznita				✓
	Zabidi	✓			
Selesa Menulis Di Rumah.	Nur Halim	✓			
	Maizura	✓			
	Faznita	✓			
	Zabidi	✓			
Boleh Menulis Dalam Keadaan Yang Bising.	Nur Halim		✓		
	Maizura		✓		
	Faznita	✓			
	Zabidi	✓			
Menulis Di Atas Kertas Dahulu Sebelum Menaip Di Komputer.	Nur Halim			✓	
	Maizura	✓			
	Faznita			✓	
	Zabidi	✓			
Menerapkan Nilai Agama Yang Diamalkan Sendiri Dalam Kehidupan harian.	Nur Halim			✓	
	Maizura	✓			
	Faznita		✓		
	Zabidi	✓			
Tidak Mengikut Hawa Nafsu Ketika Menulis.	Nur Halim		✓		
	Maizura	✓			
	Faznita		✓		
	Zabidi	✓			
Menangis Kerana Menghayati Tulisan Sendiri.	Nur Halim			✓	
	Maizura				✓
	Faznita	✓			
	Zabidi			✓	

Drama Ini Amat Dekat Dengan Diri Penulis.	Nur Halim		√		
	Maizura	√			
	Faznita			√	
	Zabidi	√			
Berbincang Dengan Penerbit Dan Pengarah.	Nur Halim				√
	Maizura	√			
	Faznita				√
	Zabidi	√			
Tulisan Sendiri Tanpa Campur Tangan Pihak Lain.	Nur Halim	√			
	Maizura	√			
	Faznita	√			
	Zabidi	√			
Memaparkan Banyak Aksi Yang Baik Berbanding Aksi Tidak Baik.	Nur Halim	√			
	Maizura	√			
	Faznita	√			
	Zabidi	√			
Menenangkan Watak Baik.	Nur Halim	√			
	Maizura	√			
	Faznita	√			
	Zabidi	√			
Mengelakkan Diri Daripada Babak Bersentuhan Antara Lelaki Dan Perempuan.	Nur Halim		√		
	Maizura	√			
	Faznita		√		
	Zabidi	√			
Menggunakan Dialog Dan Bahasa Yang Baik.	Nur Halim		√		
	Maizura	√			
	Faznita		√		
	Zabidi	√			

Jadual 4.7

Proses penulisan adalah proses yang penting dalam Proses Penulisan Skrip Drama Dakwah. Semua proses sebelum ini akan ditumpahkan penulis dalam karya mereka. Jadual di atas menunjukkan semua penulis selesa menulis di rumah masing-masing. Bagi penulis M, sebagai suri rumah, beliau memastikan anak-anaknya pergi ke sekolah terlebih dahulu. Beliau menganggarkan waktu penulisannya tujuh jam sehari iaitu bermula dari pukul tiga pagi hingga tujuh pagi kemudian dari pukul lapan pagi hingga pukul satu petang. Walau bagaimanapun beliau tidak mempunyai jadual menulis yang tetap.


Bagi penulis F pula, beliau selesa menulis di rumah walaupun dalam keadaan bising. Sebagai permulaan, F akan menulis *story-line* dan *treatment* terlebih dahulu sebelum menulis skrip. Tempoh penulisan yang diambil F adalah enam hari. Beliau juga tidak mempunyai jadual waktu yang tetap ketika menulis *Drama Tak Serupa Tapi Sama*. Berbeza dengan Z, beliau mempunyai jadual waktu menulis yang tetap bermula selepas Subuh hingga pukul empat petang. Beliau menjadikan rumahnya sebagai tempat menulis yang selesa.

Selain itu, sebelum memulakan penulisan, hanya NH yang beberapa kali mengambil wudhuk. Manakala tiga penulis lain tidak pernah mengambil wudhuk. Masing-masing memilih waktu yang sunyi untuk berkarya. Bagi Z, beliau tenang berkarya selepas menunaikan Solat Sunat Tahajud. Beliau juga menulis skrip di kertas dahulu sebelum menaipnya di komputer. Kebiasaan beliau adalah menulis secara santai dan terus-menerus selama dua jam dan drama ini selesai dalam tempoh lima hari. Apabila kedengaran azan, Z akan berhenti menulis dan menunaikan solat fardhu terlebih dahulu. Sebaliknya, NH dan F tidak pernah menulis skrip secara terus-menerus sehingga selesai.

Dari sudut pengisian karya pula, semua penulis mengambil sikap memenangkan watak yang baik berbanding watak jahat serta memperbanyakkan babak yang memberi manfaat kepada masyarakat. Misalnya, NH turut mewujudkan konflik bapa yang jahat dalam *Drama Taman Firdausi*, namun dia menerapkan solusi dengan kehadiran anak dan isteri yang baik kepada si bapa tersebut. Bagi Z pula, walaupun *Drama Ihsan* adalah kisah penderhakaan anak kepada ibubapanya, beliau tetap menghadirkan watak ustaz yang memberi pedoman kepada para penonton. Baginya, dia mahu menyedarkan masyarakat tentang pembalasan Tuhan akibat berbuat zalim kepada ibubapa. Z dan M memastikan drama mereka tidak ada babak sentuhan antara lelaki dan wanita, namun hal yang sebaliknya berlaku apabila skrip tiba ke tangan pengarah dan penerbit. Sebaliknya, NH dan F tidak mempunyai masalah kerana skrip yang telah siap diterbitkan sendiri oleh mereka.

Semua penulis mengakui mereka menulis skrip tanpa campur-tangan pihak lain serta menggunakan dialog dan bahasa yang baik. Bagi M, skrip yang telah siap akan dihantar kepada pihak penerbit untuk dikemas-kinikan lagi dialog-dialog yang diciptanya. Beliau juga mengatakan apabila pihak penerbit menggesanya, proses penulisannya bertambah laju. Beliau menulis skrip *Drama Nur Kasih* bermula Januari hingga Jun 2009.

Para penulis juga berasa gembira apabila proses penulisan selesai. Bagi F, dia selalu menangis sepanjang menulis *Drama Tak Serupa Tapi Sama* kerana menghayati kisah yang ditulisnya. NH dan Z pula hanya sekali mengalirkan air mata ketika berkarya, manakala M, mengakui tidak pernah menangis tetapi hatinya tersentuh dengan babak-babak dalam *Drama Nur Kasih*.



Carta 4.7

Carta di atas menunjukkan proses penulisan Z lebih sempurna berbanding penulis lain sebanyak 71.5 peratus. Ini diikuti penulis M sebanyak 52 peratus. Bagi NH, perlaksanaan lebih dari sekali adalah tinggi berbanding amalan iaitu sebanyak 48 peratus.

4.3.8 PROSES PENGEDITAN

Proses Pengeditan	Penulis	Amalan	Lebih dari sekali	Sekali	Tidak Pernah
Mengedit Dahulu Sebelum Menghantar Kepada Penerbit.	Nur Halim	✓			
	Maizura	✓			
	Faznita	✓			
	Zabidi	✓			
Menyemak Dengan Teliti	Nur Halim		✓		
	Maizura	✓			
	Faznita	✓			
	Zabidi	✓			
Mengkritik Karya Sendiri Sehingga Sempurna.	Nur Halim		✓		
	Maizura	✓			
	Faznita		✓		
	Zabidi	✓			
Kerja-Kerja Mengedit Lebih Dari Sehari.	Nur Halim	✓			
	Maizura	✓			
	Faznita	✓			

	Zabidi	√			
Kesilapan Pada Bahasa Dan Dialog.	Nur Halim		√		
	Maizura	√			
	Faznita		√		
	Zabidi	√			
Meneliti Setiap Baris Perkataan.	Nur Halim			√	
	Maizura	√			
	Faznita		√		
	Zabidi	√			
Membaca Skrip Yang Telah Siap Sebanyak Tiga Kali.	Nur Halim			√	
	Maizura	√			
	Faznita		√		
	Zabidi	√			
Meminta Bantuan Orang Lain Untuk Menyemak.	Nur Halim	√			
	Maizura				√
	Faznita			√	
	Zabidi	√			
Memastikan Skrip Mempunyai Hujah Islam Yang Kuat.	Nur Halim	√			
	Maizura	√			
	Faznita	√			
	Zabidi	√			
Memastikan Skrip Tidak Mengelirukan Masyarakat.	Nur Halim	√			
	Maizura	√			
	Faznita	√			
	Zabidi	√			
Mempertahankan Prinsip Dakwah Walaupun Tidak Dipersetuju Pihak Lain.	Nur Halim	√			
	Maizura	√			
	Faznita	√			
	Zabidi	√			
Membuat Pembuakan Setelah Ditegur Pihak Lain.	Nur Halim				√
	Maizura	√			


	Faznita				✓
	Zabidi	✓			

Jadual 4.8

Pengeditan merupakan proses penulisan terakhir yang dialami setiap penulis. Jadual di atas menunjukkan semua penulis mengedit terlebih dahulu sebelum dihantar kepada penerbit mahupun pelakon. Kerja-kerja mengedit mengambil masa lebih daripada tiga hari bagi memastikan skrip masing-masing mempunyai hujah Islam yang kuat dan tidak mengelirukan masyarakat. Kecuali NH, tiga penulis lain menyemak dengan teliti setiap baris perkataan. NH dan Z pula meminta orang lain untuk menyemak skrip yang telah disiapkan.

Bagi penulis M, setelah proses penulisan *Drama Nur Kasih* selesai, beliau menghantarnya kepada penerbit untuk dinilai semula. Menurutnya, penerbit pernah menegur kandungan skripnya tetapi dia sedaya-upaya mempertahankan nilai dakwah walaupun tidak disukai pihak penerbit. Bagi Z pula, dia tidak mempunyai masalah dengan pihak penerbit kerana mereka juga memperjuangkan dakwah Islam. NH dan F masing-masing menulis skrip dan menerbitkannya sendiri. Hal ini memberi kelebihan kepada mereka untuk memuatkan nilai dakwah tanpa mengikut kehendak orang lain.

Hanya Z dan M yang membuat pembaikan setelah ditegur pihak lain, manakala F dan NH tidak membuat sebarang perubahan kerana menerbitkan sendiri karya mereka.



Carta 4.8

Carta di atas menunjukkan penulis Z mengamalkan keseluruhan proses pengeditan yang digariskan pengkaji. Manakala penulis M meninggalkan satu proses pengeditan. Proses pengeditan penulis NH dan F adalah sama, baik dari sudut pengamalan, perlaksanaan lebih dari sekali dan proses yang ditinggalkan.

Kesimpulannya, pengkaji mendapati proses penulisan skrip drama dakwah yang paling sempurna telah dilaksanakan oleh Zabidi Mohamed menerusi skrip *Drama Ihsan* dan Maizura Mohd Ederis menerusi skrip *Drama Bersiri Nur Kasih*. Kedua drama ini mencatatkan jumlah penonton yang ramai iaitu 3.5 juta penonton bagi *Drama Ihsan*³⁵⁵ dan 4.3 juta penonton bagi *Drama Bersiri Nur Kasih*³⁵⁶

³⁵⁵ Zabidi Mohamed, <http://zabidiskrip.blogspot.com/2009/06/hikayat-seorang-zulaikha.html>, 2 Januari 2011

³⁵⁶ Utusan Online, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0512&pub=Utusan_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi_04.htm, 2 Januari 2011

BAB LIMA

KESIMPULAN

5.0 PENDAHULUAN

Melalui penjelasan yang dibuat dari bab satu hingga bab empat, penulis akan membuat kesimpulan terhadap konsep penulisan skrip drama dakwah dan proses penulisan skrip drama dakwah. Oleh itu, penulis akan menyimpulkan secara menyeluruh perbahasan yang telah dilakukan oleh penulis pada bab sebelum ini.

5.1 KESIMPULAN

Berdasarkan keseluruhan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa drama dakwah adalah berbeza daripada drama umum. Perbezaan yang jelas terdapat pada dua sudut iaitu matlamat penulisan dan keperibadian penulis. Matlamat penulisan dakwah adalah untuk mengajak masyarakat menghayati kehidupan bertaqwah berlandaskan al-Quran dan sunnah. Dalam waktu yang sama, matlamat penulisan dakwah juga adalah untuk melarang masyarakat daripada melakukan kemaksiatan dan kemungkar. Bagi mencapai matlamat ini, penulis menggunakan drama sebagai alat dakwah yang dapat mendidik masyarakat dengan berhikmah.

Selain itu, drama dakwah juga memberi penekanan kepada keperibadian penulis. Sebelum memulakan penulisan skrip drama dakwah, penulis perlu melaksanakan kewajipannya sebagai muslim dengan sempurna bermula daripada proses dalaman atau rohaninya sehinggalah tercermin pada fizikal dan akhlak penulis. Hal ini amat berkait rapat dengan teori proses penulisan skrip drama dakwah yang dibincangkan penulis pada bab tiga.

Secara umumnya, teori proses penulisan skrip drama dakwah dapat menilai kualiti sesuatu drama melalui setiap pemikiran dan tindakan penulis sewaktu menghasilkan karyanya.

Pengkaji mendapati empat penulis yang dikaji ini memenuhi kriteria penulis dakwah yang baik. Analisis di bab empat menunjukkan semua penulis mempunyai misi dakwah dalam karya mereka. Untuk mencapai misi tersebut, semua penulis melaksanakan amalan seorang Muslim terlebih dahulu dalam kehidupan masing-masing. Di samping mengerjakan syariat Islam, para penulis juga mempunyai inisiatif menambahkan amalan sunat ketika dalam proses berkarya seperti membaca al-Quran, menunaikan solat sunat tahajud, sentiasa dalam keadaan berwuduk, menjaga hati dan bermuhasabah. Walau bagaimanapun, jumlah pengamalannya tidak sama di antara seorang penulis dengan penulis yang lain.

Pengkaji juga tidak menafikan bahawa drama dakwah yang baik bertitik-tolak daripada sebuah skrip dakwah yang baik dan berkualiti. Ia bermula daripada seorang penulis yang berilmu, menghayati agama Islam, mempunyai pengalaman yang luas dalam dunia skrip, bertanggungjawab dan berhati-hati ketika proses penulisan berlaku. Hal ini telah dibuktikan oleh semua penulis yang dikaji ini. Kesan daripada kriteria tersebut mereka dapat menghasilkan sebuah skrip drama dakwah yang baik dan mendapat tempat di hati masyarakat. Misalnya, Drama Bersiri Nur Kasih menarik jumlah penonton seramai 4 juta orang dan Drama Ihsan mengumpul jumlah penonton seramai 2.5 juta orang. Dua drama ini juga ditayangkan lebih daripada sekali di stesen televisyen serta memenangi anugerah di peringkat kebangsaan

5.2 SARANAN

Selain itu, pengkaji mempunyai cadangan kepada para penyelidik berikutnya untuk mengkaji tentang masalah yang timbul selepas proses penulisan skrip drama dakwah. Hasil temubual ketika melaksanakan kajian ini, penulis mendapati bahawa para penulis skrip mempunyai masalah apabila skrip mereka beredar di tangan pelakon dan pengarah. Menurut semua penulis yang dikaji, walaupun mereka telah berjaya menghasilkan sebuah skrip drama dakwah yang baik, masih terdapat perkara yang melanggar syariat ketika lakonan dijalankan. Misalnya, para pelakon lelaki dan wanita bersentuhan dalam drama, pelakon wanita memakai pakaian yang menjolok mata ketika lakonan serta babak-babak yang menimbulkan syahwat penonton seperti rogol dan lain-lain. Hal tersebut bukan lagi tanggungjawab para penulis sebaliknya ia adalah hak penerbit apabila skrip mereka dibeli serta diubah-suaikan oleh pengarah ketika di lokasi.

Pengkaji juga mencadangkan agar pihak universiti awam melalui Fakulti Pengajian Islam untuk mengadakan kursus penulisan skrip drama dakwah. Hal ini amat penting kerana salah-satu punca kekurangan skrip drama dakwah adalah disebabkan kekurangan penulis yang mempunyai latar-belakang pengajian Islam.

Oleh itu, pengkaji mengharapkan kajian berkaitan proses penulisan drama dakwah ini dapat menambahkan khazanah ilmu khususnya di Universiti Malaya serta membantu calon-calon penulis skrip untuk menghasilkan drama dakwah yang baik dan berkualiti.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran dan Terjemahannya, Mūjāmmā' Khōḍīm āl-Ḥārāmāīn āṣy-Şyārīfāīn āl Mālik Fāḥd 'lī-t-Tībā'āt āl-Mūshhāf āṣy-Şyārīf Madinah Munawwarah, Kementerian Urusan Agama Islam Wakaf, Da'wah dan Irsyad Kerajaan Saudi Arabia Tahun 1410H.

Ab Aziz Mohd Zin (2006), Dakwah Dalam Pembinaan Islam Hadhari di Malaysia dlm *Dakwah Islam Semasa*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

_____ (1989), *Syahadah, Ibadah, Asabiah, Dakwah*, Selangor: Tempo Publishing Sdn. Bhd.

_____ (2001), *Metodologi Dakwah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

_____ (1997), *Pengantar Dakwah Islamiah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Abdul Ghani Samsudin etc. (Hj.) (2001), Seni Dalam Islam, Kuala Lumpur: Intel Multimedia And Publication.

Abdul Karim Zaidan (Dr) (1980), Dasar-Dasar Ilmu Dakwah 2, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam.

Abdul Rahman Napiah (1987), *Drama Moden Malaysia Perkembangan dan Perubahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Ahmad (1991), Antara Impian, Harapan dan Kenyataan dlm *Proses Penciptaan Menulis Untuk Remaja*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah bin Muhammad (Dr) (2003), Terjemahan Tafsir Ibnu Kathir Jilid 1, Jakarta: Pustaka Imam Āṣy-Şyāfi'e.

Abdullah Tahir (1989), Proses Penciptaan Novel *Ishak Haji Muhammad, A. Samad Said, Shahnon Ahmad*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abi Jaafar Muhammad bin Jarir Tobari (1968), *Jāmī 'ul Bāyān Ā'n Ṭākwīlī Āyīl Qūrān*, Mesir: Kaherah.

Abu Urwah (2008), *Konsep-Konsep Umum Islam*, Kuala Lumpur: Focus Aproach Sdn. Bhd.

_____ (2005), *Risalah Usrah 5, Persediaan Asasi Dalam Gerakan Islam*, Selangor: Focus Aproach Sdn. Bhd.

Ahmad al-Allaf (2008), *1001 Cara Berdakwah*, Surakarta: Ziyad Books.

Ahmad Amri Zainal Adnan (2009), *PSQ, Rahsia Personaliti Unggul*, Selangor: PTS Millenia.

Ali Abdul Halim Mahmud (Dr) (1992), *Fiqhū Dākwāh Fārḍiāh*, Mansurah : Dārūl Wāfā līṭṭibā’āḥb wānnāṣyrū bīṭṭāūzī.

Darwis Harahap (1993), *Mengamati Filem Cereka*, Penerbit Fajar Bakti: Kuala Lumpur.

_____ (1982), *Asas-Asas Cerita Rekaan dan Seni Lakon*, Selangor: Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd.

Fatimah Busu (Dr) (2003), Memupuk Bakat dan Minat Penulisan Kreatif, Kuala Lumpur: PTS Publications.

Hasan al-Banna (2008), *Kumpulan Risalah Dakwah* (terjemahan oleh: Khozin Abu Faqih), Jakarta Timur: Al-Īṭiṣḥom.

Hasbi Āṣḥ Shīddīeqy (1994), *Kuliah Ibadah*, Selangor: Thinker’s Library.

Hasyim Awang (1995), Metodologi Kesusasteraan Islam: Kaedah Penilaian dalam *Nadwah Ketaqwaan Melalui Kreativiti* (penyelenggara oleh S. Jaafar Husin), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hizairi Othman (1996), *Kreativiti Dalam penciptaan Karya Kesusasteraan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Judith Butcher (1989), *Penyuntingan Kopi* (Terjemahan Oleh Amilah Ab Rahman), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kala Dewata (1991), *Atap Genting Atap Rumbia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka .

Kenneth Pickering (2003), *Studying Modern Drama*, New York: Palgrave Macmillan.

Mana Sikana (2006), *Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pascamoden*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____ (1989), *Di Sekitar Pemikiran Drama Moden*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____ (1989), *Titik Perjuangan*. Penerbitan Sarjana: Selangor.

_____ (1983), *Esei dan Kritikan Agama*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

_____ (1988), *Menulis Skrip Drama*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Marsh Cassady (1995), *Characters In Action*, Colorado: Meriwether Publishing Ltd. Publisher.

Martin Esslin (1965), *Introduction in Absurd Drama*, England: Penguin Group.

Mohamad Nazri Ahmad (2000), *Seni Persembahan Drama Melayu Moden*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.

Mohd Sulaiman Hj Yasin (1987), *Pengantar Aqidah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Affandi Hassan (2005), *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Shadiq āl-Mīnṣyāwī (2008), *Muhammad Bercerita Tentang Dirinya*, Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.

Muhammad Uthman El Muhammady (1987), Peranan Intelektual (Ulama) Islam di Malaysia Dalam Pembentukan Kebudayaan dalam *Sastera Dan Agama* (diselenggarakan oleh Prof. Datuk Ismail Hussien), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nurazmi Kuntum (1991), *Teori Dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Osman Haji Khalid (1999), *Kesusasteraan Arab Zaman Permulaan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Othman Puteh (1991), *Proses Penciptaan Menulis Untuk Remaja*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____ (2001), *Penulisan Cerpen Daripada Konvensi ke Inovasi*, Kuala Lumpur: Utusan Publications &Distributors Sdn. Bhd.

Rahmah Bujang (1994), *Drama Melayu: Dari Skrip Ke Pentas*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____ (2000), *Imaginasi, Persepsi, Visualisasi: Proses Kreatif Seni Persembahan*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Rahman Shaari (1983), *Kualiti Drama dan Filem Melayu*, Kuala Lumpur: Munora Publishing Sdn. Bhd.

Ramli Mohamed (2003) Prakata dalam *Sinema dan Penontonan di Malaysia*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Robert E. Gard, *Drama in The New Book Of Knowledge*, USA: Grolier Incorporated.

Said Halim Said Nong (1988), *Drama Melayu Televisyen Malaysia, Satu Penilaian perkembangan dan Peranan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saparman Bakri (1982), *Alam Teater*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shahnon Ahmad (1987), *Polemik Sastera Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____ (1987), Konsep Cereka Islam: Masih Satu Catatan Awal, artikel dalam *Sastera Dan Agama* (penyelenggara oleh Prof Datuk Ismail Hussien), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____ (1991), *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Seyyed Hossein Nasr (2001), *Muhammad Insan Kamil*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

S.R.H Sitanggang etc. (1995), *Struktur Drama Indonesia Modern 1980-1990*, Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.

Sayid Muhammad Nuh (2004), Dakwah fardiah Pendekatan Personal Dalam Dakwah, Surakarta: Intermedia.

Syd Field (1990) *Lakon Layar, Asas Penulisan Skrip*, (terj. Raja Omar Ibrahim), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Talib Samat (1991), *Potret Kreatif*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Terjemah Singkat Tafsir Ibnu Kāث̄ir (Jilid 2), Kuala Lumpur: Victory Agencie.

Usman El Muhammady (1970), *Ilmu Ketuhanan Yang Maha Esa*, Jakarta: DJ Timah.

Wan Mohd Nazif Wan Mohd Nori etc (2006), *Kemahiran Menulis*, Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.

Yapi Tambayong (2000), *Seni Akting*, Rosdakarya: Bandung.

Yusuf ăl-Qărdhăwī (2004), *Sanggahan Salah Tafsiran Islam* (terj. Abdul Rahman Rukaini), Selangor: Synergymate Sdn. Bhd.

_____ (2001), *ăl-‘Aql wā ăl-‘Ilm fi l-Qūr’ān ăl-Kārim*, Beirut: Muassasah al-Risalah.

_____ (1992), *Āwlāwīyāt āl-Ḥārākāh āl-Īslāmiāh fī Mārhālāh āl-Qoḍīmāh*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

Wahbah Zuhaili (Dr.) (2005), *Ākhłāqūl Mūṣlīm ā'lāqāh Bīnnāfṣī Wāl Kāūn*, Damsyik: Darul Fikr.

_____ (2002), *Ākhłāqūl Mūṣlīm Ā'lāqāh bīlmūjtāmā'*, Damsyik: Darul Fikr.

TESIS DAN DISERTASI

Kamariah Kamarudin (2006), “Novel-Novel Berunsur Islam: Satu Analisis Berdasarkan Teori Takmilah.” (Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya).

Norafifah bt Ab Hamid (2009), “*Pemikiran Kritis dan Sorotan Pembudayaannya Dalam Pentadbiran Islam*” (Disertasi Sarjana, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Nor Zalina binti Abu Zarin (2000), “Skrip Drama Melayu: Satu Analisis Mengenai Struktur, Watak dan Alam.” (Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya).

Siti Rugayah binti Hj Tibek (1999), “Peranan Drama Dalam Dakwah: Kajian Drama Dakwah TV1 dan TV3.” (Tesis Doktor Falsafah). Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Zasia binti Sirin (2001), “Dakwah Menerusi Media Penyiaran di Brunei Darussalam: Kajian di Unit Media Elektronik Pusat Dakwah Islamiah”. (Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).

MAJALAH

Mansor Puteh (2009), “Filem Melayu Dilema Dua Era”, *Dewan Budaya*, Mac 2009, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shahrul Fithri Musa (2009) “Isteriku Tiada Susu Menghiburkan dan Mensimulasikan Minda Penonton”, *Dewan Sastera*, Julai 2009, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

AKHBAR

Elrafael Sapi (2009), “Ketandusan Penulis Skrip”. *Harian Metro*, Jun 13.

Mahadi J Murat (2008), “Melakar Wajah Filem Malaysia”. *Mingguan Malaysia*, Disember 28.

ARTIKEL JURNAL

Asming Yalawae dan Ahmad Farid bin Ibrahim (2007), “Akhlak Warisan Rasulullah SAW Membawa Kemuliaan Umat”, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 26, Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Noorjaya (1985), “Asas Menulis Skrip Drama Radio”, *Koleksi Kedah*: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah.

Penyelidik Kementerian Penerangan Malaysia (2002), “Kajian Maklum – Balas Penonton Filem Cereka di Bandar-Bandar Besar dan Sekitarnya di Semenanjung Malaysia”, Cawangan Penyelidikan Bahagian Perancang dan Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Rahmah Bujang (1981), “Drama In Malaysia: The Writer In A Changing Society”, *Sarjana* Disember 1981, Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

KERTAS-KERJA

1. Zabidi Mohamed (2009), “Modul Skrip Drama Televisyen Islam” (Kertas Kerja dibentang dalam Bengkel Penulisan Skrip Drama Televisyen di Galeri Ilmu Sdn. Bhd. 7 November 2009).

LAMAN WEB

1. www.filemkita.com
2. www.tv3.com
3. www.rtm.gov.my
4. <http://www.budiey.com>
5. <http://id.wikipedia.org/wiki/Walisongo>
6. <http://www.dbp.gov.my>